



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014	(Halaman 25)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 54)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
9. “ Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan*
Kepenggunaan
10. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
12. “ Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan (Dilantik)
13. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
14. “ Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
15. “ Datuk Chiew Lian Keng (Dilantik)
16. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
17. “ Datuk Chiew Tiang Chai (Dilantik)
18. “ Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
19. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
22. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
23. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
24. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
25. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
26. “ Datuk Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
27. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
28. “ Dato' Khairudin Samad (Dilantik)
29. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
30. “ Dato' Lee Chee Leong (Perak)
31. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
32. “ Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
33. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
34. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
35. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

36. Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
37. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
38. “ Dato’ Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
39. “ Dato’ Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
40. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
41. “ Dato’ Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
43. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
44. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
45. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
46. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
47. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
48. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
49. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
50. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
51. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
52. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
53. “ Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
54. ” Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
55. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
56. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
57. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
58. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
59. “ To’ Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah Md Nasir

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Rabu, 30 April 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Hajah Noriah binti Mahat** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah pelan jangka pendek dan pelan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di sekitar bandar raya pada masa ini terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur yang sedikit sebanyak menyumbang tekanan kepada kehidupan masyarakat.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesesakan lalu lintas dan tempat letak kereta awam merupakan salah satu bidang keutamaan yang diberi perhatian di Wilayah Persekutuan selain aspek perumahan dan kebersihan. Berikutan itu, satu Pasukan Petugas Kesesakan Lalu Lintas dan Tempat Letak Kereta Awam Wilayah Persekutuan (PPKLTLKWP) telah diwujudkan pada Julai 2013 khususnya membincangkan isu-isu kesesakan lalu lintas dan tempat letak kereta berserta langkah penyelesaian. Selain itu, pasukan petugas ini mengkaji dan menilai keberkesanan sistem pengurusan trafik di Wilayah Persekutuan seterusnya melaksanakan penambahbaikan bagi memastikan ia lebih efisien.

Pada 23 hingga 24 September, satu *lab* telah diadakan untuk mengenal pasti punca dan sebab masalah kesesakan lalu lintas dan tempat letak kereta awam di Wilayah Persekutuan oleh semua pihak terlibat dan mengenal pasti cadangan penyelesaian ke atas kesesakan lalu lintas dan tempat letak kereta awam di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Cadangan pelan tindakan jangka pendek yang boleh dilaksanakan dalam tempoh satu hingga enam bulan adalah seperti berikut:

- (i) penempatan terminal bas ekspres di luar pusat bandar;
- (ii) operasi bas ekspres di Terminal Duta, Pudu dan KL Sentral akan dipindahkan kepada Terminal Bersepadu Selatan dan Utara dalam perancangan;
- (iii) penyelenggaraan semula lorong belakang *back lane* khusus untuk aktiviti pemunggahan barang;
- (iv) meningkatkan pengurusan lampu isyarat melalui sistem pemantauan berterusan dan penyambungan lampu isyarat ke pusat kawalan serta memperluaskan *Left Turn on Red* (LTOR) berdasarkan kesesuaian lokasi dan *contra flow* pada waktu puncak;

- (v) mengurangkan caj meletak kenderaan di *Park and Ride* dengan memastikan TLK di *Park and Ride* selamat melalui kawalan polis bantuan dan penggunaan CCTV. Langkah ini dilihat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam serta meningkatkan keyakinan pengguna meletak kenderaan di *Park and Ride*;
- (vi) meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya terhadap ketidakpatuhan peraturan lalu lintas melalui kempen kesedaran di media sosial termasuk *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya kepada bukan sahaja pemandu kenderaan sendiri bahkan kepada pemandu bas sekolah serta pemandu teksi;
- (vii) meningkatkan penguatkuasaan undang-undang melalui tindakan tegas iaitu saman dan tunda ke atas pemilik kenderaan yang meletak kenderaan di tempat larangan serta menghapuskan pemberian diskaun sempena Hari Wilayah ke atas saman telah dikeluarkan; dan
- (viii) kawalan oleh warden trafik DBKL di simpang utama jalan-jalan protokol dan kawasan *hot spot* yang telah dilaksanakan pada waktu puncak perlu dipergiatkan lagi.

Pelan tindakan jangka pendek sedang dilaksanakan secara bersepadu oleh pihak yang berkaitan dan dijangka akan dapat mengurangkan masalah lalu lintas di Wilayah Persekutuan.

Untuk langkah jangka masa panjang, DBKL menetapkan satu hala tuju yang jelas iaitu mod utama masa depan pengangkutan awam. Oleh yang demikian, inisiatif-inisiatif yang dirancang adalah tertumpu kepada peningkatan kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan pengangkutan awam seperti membina lebih banyak *Park and Ride*, memperluaskan rangkaian laluan pejalan kaki terutama laluan pejalan kaki berbumbung dan kawalan kemasukan kenderaan persendirian ke bahagian-bahagian pusat bandar pada waktu-waktu tertentu untuk mengguna pakai kaedah-kaedah dan teknologi terkini dalam pengurusan lalu lintas, juga termasuk dalam inisiatif dalam pengurusan pengangkutan di Kuala Lumpur pada masa depan. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf saya serak sedikit suara Tuan Yang di-Pertua. Balik pagi semalam, tidur. Ini pagi ni buat ini. Jadi, kalau saya soal banyak sedikit Tuan Yang di-Pertua, tidak payah hendak sekatilah. Pasal saya buat sampai pagi ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Ketawa*] Sila, sila.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apa penilaian dan kajian keberkesanan ke atas pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang dilakukan. Sejauh mana penambahbaikan yang dicadangkan dilaksanakan dan Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita ketahui juga, projek MRT dilaksanakan bagi menangani isu kesesakan jalan raya di sekitar Kuala Lumpur dan baru-baru ini berlaku peristiwa tanah mendap di sekitar Bukit Bintang yang menyebabkan kesesakan luar biasa. Jadi, apa langkah yang diambil untuk menerangkan kepada rakyat ia telah diatasi, tidak akan berlaku dan tidak akan berulang lagi?

■1010

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Sebentar, saya kata Tuan Yang di-Pertua, pasal saya buat sampai pukul 3 pagi. Jadi kalau tidak bagi, sedih pula saya. Saya tambah sedikit lagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kalau setiap orang menuntut hak-hak permintaan seperti itu susah juga saya.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya lah. Sedikit lagi sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh sedikit mengenai dengan hari bebas kenderaan.

Sekarang ini dilaksanakan pada hari Ahad minggu pertama, jadi bolehkah kementerian memperluaskan kaedah ini dengan memasukkan hari-hari lain dalam program tersebut kerana kita dapati hari minggu juga Bandaraya Kuala Lumpur ini mengalami kesesakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Kadar penggunaan pengangkutan awam yang rendah pada masa ini kadar penggunaan pengangkutan awam sekitar 23 peratus. Di mana masih jauh berbanding dengan sasaran DBKL iaitu 60 peratus di pusat bandar dan 40 peratus di luar pusat bandar pada tahun 2020. Kami memang ada banyak rancangan untuk mencari jalan menyelesaikan dan langkah-langkah yang diambil sedang dikaji dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Bagi soalan kedua pula, memang boleh dan perkara ini akan saya ambil, cadangan Yang Berhormat dialu-alukan dan akan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk dikaji. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila Yang Berhormat Puan Hajah Rohani.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu hari setiap bulan tanpa kenderaan untuk menghindar daripada kesesakan di jalan raya, seterusnya dapat mempromosikan pengangkutan awam. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Pada masa sekarang kita tidak ada rancangan tersebut. Akan tetapi cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat merupakan satu cadangan yang saya juga menyokong dan saya akan bawa kepada pihak berkenaan untuk dilaksanakan dan dikaji. Terima kasih.

2. Datuk Haji Saat bin Haji Abu minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk menyalurkan seratus juta peruntukan pinjaman untuk peniaga pasar malam yang diuruskan oleh pejabat daerah di seluruh negara. Sepatutnya segala permohonan dan pengesahan sokongan dibuat oleh Wakil Rakyat dari Barisan Nasional, bukan diuruskan oleh pihak bank komersil seperti yang dicadangkan dalam Bajet 2013.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi, salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Datuk Haji Saat. Semasa pembentangan ucapan Bajet 2014, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan perwujudan satu skim khusus bagi membantu para peniaga pasar malam. Sehubungan itu, Skim Peniaga Pasar Malam (SPPM) telah diwujudkan dengan dana sebanyak RM100 juta di bawah kendalian Bank Simpanan Nasional (BSN).

Skim pinjaman modal ini akan menggunakan sepenuhnya dana dalaman BSN dan akan mengenakan kadar faedah empat peratus dengan pinjaman minimum RM5,000 dan maksimum RM30,000. Objektif utama skim ini adalah untuk membantu peniaga pasar malam mendapatkan pembiayaan kewangan. Ini adalah kerana sebilangan besar daripada golongan itu menghadapi kesukaran dalam mendapatkan pinjaman pembiayaan dari bank-bank komersial.

Oleh itu, skim ini diwujudkan khas untuk membantu pengusaha pasar malam dalam menampung bebanan kos perniagaan seperti modal pusingan, sewaan tapak, bahan mentah dan lain-lain kelengkapan perniagaan. Skim ini akan dilaksanakan di bawah produk Mikro Kewangan (MK) selari dengan produk-produk MK sedia ada. Kemudahan ini akan ditawarkan di bawah pakej islamik dan konvensional. Mereka boleh memilih salah satu.

Setiap permohonan pinjaman akan dinilai berdasarkan terma dan syarat pembiayaan yang ditetapkan oleh pihak BSN. Di antara syarat-syarat tersebut termasuklah:

- (i) telah menjalankan perniagaan secara aktif sekurang-kurangnya tiga tahun;
- (ii) mempunyai lesen perniagaan atas nama sendiri;
- (iii) pemohon adalah peniaga pasar malam sepenuh masa yang menjalankan perniagaan empat kali seminggu atau lebih; dan
- (iv) pemohon mestilah berdaftar dengan persatuan peniaga.

Skim ini adalah terbuka kepada mana-mana peniaga pasar malam yang memenuhi syarat pinjaman tanpa mengira kaum atau fahaman politik. Oleh yang demikian, kerajaan tidak bercadang untuk menyalurkan peruntukan RM100 juta di bawah Skim Peniaga Pasar Malam untuk diuruskan oleh pejabat daerah seluruh negara. Skim ini dijangka akan dilancarkan kira-kira dua bulan daripada sekarang. Terima kasih.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah pun diberikan. Soalan tambahan saya adalah, adakah kementerian berhasrat untuk meletakkan wakil-wakil daripada kerajaan negeri ataupun daripada TEKUN untuk menduduki jawatankuasa kelulusan pinjaman supaya ia tidak berlaku ketirisan? Kedua, oleh sebab penglibatan bumiputera dan orang-orang Melayu ramai dalam bidang pasar malam ini, adakah kerajaan berhasrat untuk menambah lagi peruntukan yang telah pun diberi kepada RM200 juta pada tahun hadapan? Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan yang diberi. Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN), mereka mempunyai kaedah yang berlainan dan mereka mempunyai organisasi yang berlainan. TEKUN adalah di bawah Kementerian yang berbeza dan Bank Simpanan Nasional (BSN) di bawah Kementerian Kewangan. Oleh sebab itu, tidak ada lagi cadangan untuk kita meletakkan wakil-wakil daripada TEKUN ataupun daripada kerajaan negeri untuk bersama.

Kemudian berapakah tambahan? Kita jalankan dahulu yang RM100 juta ini dua bulan daripada sekarang. Ia belum bermula dan masih lagi dalam proses 'pendetilan' dan memperincikan syarat-syarat. Jika kita luluskan purata sebanyak RM5,000 setiap seorang peniaga, maka 20,000 orang peniaga pasar malam boleh mendapat faedah daripada skim itu. Kalau kita meluluskan RM10,000 maka 10,000 orang akan mendapat faedah. Akan tetapi maksimum RM30,000 hanya 3,333 orang peniaga. Pada pandangan kita pinjaman mereka tidak akan banyak. Kebanyakan adalah di bawah RM10,000, minimum RM5,000 ke RM10,000 itu kebanyakan daripada yang mereka akan pohon. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Yahaya untuk soalan tambahan berikut.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya. Selain daripada untuk peniaga-peniaga pasar malam, apakah ada skim-skim lain di bawah BSN untuk peniaga-peniaga kecil dan berapa banyakkah yang telah berjaya memperolehnya? Keduanya, apakah cara dan bagaimana untuk menentukan kejayaan peniaga-peniaga ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kita di bawah BSN memang ada pelbagai skim pinjaman yang kita sebut sebagai skim Mikro Kewangan (MK) sebagaimana saya sebut tadi. Selama ini sejak tahun 2007, Bank Simpanan Nasional telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM700 juta Tuan Yang di-Pertua, banyak itu ya. Pinjamannya adalah daripada RM5,000 sehingga RM50,000. Kepada siapakah pinjaman itu diberikan? Kepada kedai runcit, bakeri, *mini market*, pasar lambak, pasar tani, pasar malam pun ada sebelum ini dan bengkel motor, kereta, kraf tangan.

Kemudian kilang-kilang kecil yang mengeluarkan produk makanan. Misalnya di kampung-kampung dan jumlah peniaga yang telah kita bantu ialah 35,000 orang. Banyak juga itu ya. Majoriti bumiputera kerana bumiputera yang lebih memerlukan pinjaman-pinjaman mikro kredit seumpama ini.

■1020

Apakah beza? Kalau kita bertanya apakah beza dana usahawan pasar malam ini dengan mikro kredit yang RM700 juta yang telah diberi itu. Perbezaan utamanya ialah kadar *interest*, kadar faedah yang dikenakan, yang pinjaman RM700 juta RM5,000 ke RM50,000 itu kadarnya 6.38 peratusdan ke atas. Skim SPPM ini, Skim Peniaga Pasar Malam ini kadar faedahnya 4 peratussahaja dan 2 peratuslagi subsidi daripada kerajaan. Ini *special*.

Menjawab soalan yang kedua, bagaimana cara untuk kita menilai kejayaan. Pertama tentunya apabila kita melihat mereka mempunyai pendapatan yang lebih, yang tetap daripada akaun yang diberi mereka kepada kita. Satu lagi ialah apabila mereka menambahkan lagi bilangan cawangan-cawangan perniagaan mereka seperti mereka dari pasar tani mempunyai kedai runcit misalnya, itu juga merupakan satu contoh kejayaan-kejayaan.

Dari semasa ke semasa kita berharap agar mereka terus meningkatkan pendapatan sebab dalam Bajet 2014 ini ada disebut sepatah perkataan yang amat penting oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu ingin menjadikan Malaysia sebagai *entrepreneurial nation*, dengan izin. Maksudnya ialah negara yang berteraskan keusahawanan. Untuk menjadi sebuah negara maju mengikut kajian akademik di negara-negara yang telah maju, rakyatnya mestilah ramai yang menjadi usahawan. Lagi ramai usahawan dalam sesebuah negara itu lagi cepat kemajuan boleh dicapai untuk menjadi status negara maju di sesebuah negara.

Oleh sebab itu usaha kita yang mempunyai pelbagai kaedah dan kementerian yang terlibat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang berteraskan keusahawanan itu akan terus kita gandakan dan skim peniaga pasar malam ini salah satu contoh daripada pelbagai skim yang telah kita laksanakan. Terima kasih.

3. Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apa skim *Home Help Services* dapat diperkembangkan lagi untuk membantu lebih ramai OKU yang tinggal perseorangan yang memerlukan bantuan kemudahan pengangkutan ke hospital dan juga untuk menguruskan kebersihan diri.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Bathmavathi atas soalan yang dikemukakan kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini telah saya jawab semalam semasa penggulungan, namun saya mengambil kesempatan untuk memberikan lagi secara lanjutnya. Saya jelaskan lagi. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa memberikan sokongan kepada warga emas dan orang kurang upaya terutamanya bagi mereka yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga di rumah yang kurang penjagaan dan yang kurang berkemampuan.

Melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diperkenalkan kerajaan bagi menjayakan agenda transformasi negara, salah satu inisiatif yang dilaksanakan ialah NBOS 7 (*1Malaysia Family Care*) iaitu penyediaan perkhidmatan menyeluruh yang meliputi perkhidmatan kesihatan dan sosial kepada kumpulan sasar warga emas, orang kurang upaya dan juga ibu tunggal.

NBOS 7 ini dipertanggungjawabkan bersama kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia. Menerusi NBOS 7, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperkenalkan program kesukarelaan yang dikenali sebagai Program Khidmat Bantu di Rumah ataupun *Home Help Services*, dengan izin, yang dilaksanakan oleh sukarelawan kebajikan yang berdaftar dengan JKM.

Program ini merupakan perkhidmatan berbentuk pendampingan sosial ataupun *social outreach*, dengan izin, kepada dua kumpulan sasar iaitu OKU dan juga warga emas yang mana sukarelawan akan memberikan perkhidmatan seperti membersihkan rumah, menata rias mereka, menjadi teman berbual dan sebagainya.

Hingga Februari 2014 seramai 4,379 orang klien warga emas dan OKU mendapat manfaat daripada seramai 1,716 orang sukarelawan kebajikan yang berdaftar dengan JKM dan juga NGO. Dalam usaha menyemarakkan Program Khidmat Bantu di Rumah, salah satu program yang sedang dilaksanakan ialah Kembara Kebajikan *1Malaysia Family Care* ataupun KK1MFC iaitu kembara para sukarelawan menjelajah ke setiap negeri di Malaysia daripada 5 April hingga 29 April iaitu berakhir semalam.

Majlis pelancaran KK1MFC telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 5 April 2014 di Kompleks Belia dan Sukan Pagoh, Johor. Matlamat utama KK1MFC dianjurkan adalah untuk mencapai tiga objektif:

- (i) mempromosikan NBOS 7 (*1Malaysia Family Care*);
- (ii) menyemarakkan semangat kesukarelaan di kalangan anggota masyarakat; dan
- (iii) memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti kebajikan melalui pendekatan-pendekatan perdampingan sosial dalam membentuk budaya masyarakat penyayang dan kebajikan tanggungjawab bersama.

Hingga 22 April 2014, KK1MFC telah menjelajah 14 buah negeri. Sepanjang tempoh tersebut sebanyak 178 buah rumah klien Program Khidmat Bantu Di Rumah yang terdiri daripada warga emas dan OKU telah dilawati dan seramai 451 orang sukarelawan kebajikan baru telah didaftarkan dengan JKM. Penambahan jumlah sukarelawan kebajikan ini diharap dapat menarik minat mereka untuk melaksanakan Program Khidmat Bantu di Rumah supaya lebih ramai lagi warga emas OKU yang telah hantar mendapat manfaat daripada program ini. Melalui program sebegini golongan OKU dan warga emas akan terus diberikan keutamaan bagi memastikan mereka memberi pembelaan dan pemerhatian secara telus supaya hal-hal kebajikan golongan ini tetap diutamakan. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, soalan tambahan Puan Bathmavathi kalau ada.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Ya, ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ada tiga bahagian. Satu, adakah *Home Help Services* ini dengan izin terbuka kepada semua kategori OKU? Apakah proses perlu dilalui oleh seorang OKU untuk melayakkan dia mendapatkan perkhidmatan ini? Adakah perkhidmatan ini terbuka kepada semua OKU di semua negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak?

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kumpulan sasar program ini adalah kepada warga emas dan juga OKU yang terlantar yang merupakan kumpulan sasar kementerian ini yang juga merupakan penerima bantuan kita di seluruh negara termasuklah di Sabah dan Sarawak. Kalau kita perhatikan kembara kita yang bermula di Pagoh di negeri Johor berjalan seluruh Semenanjung Malaysia terus ke Sabah dan berakhir di Sarawak pada hari semalam.

Oleh sebab itulah program kita ini memang untuk semua kategori. Akan tetapi kategori ini mereka yang terlantar. Biasanya yang bersendirian atau mempunyai keluarga ataupun masih memerlukan bantuan daripada kita. Caranya mereka tidak perlu buat apa-apa kerana kita sudah tahu kumpulan sasar ini nama mereka, segala *details* mereka ada pada kita di kementerian di setiap negeri dalam Malaysia ini. Mereka inilah yang menjadi kumpulan sasar kita.

Apa yang kita buat ialah kita mendaftarkan sukarelawan kita daripada kalangan masyarakat kita yang ada di luar sana 18 tahun ke atas kita daftarkan dan kemudian kita akan meletakkan mereka dengan kumpulan sasar kita iaitu penerima-penerima bantuan kita OKU dan juga warga emas di seluruh negara, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari kurangnya inisiatif rakyat untuk terus terlibat membantu OKU ini berbanding dengan negara-negara maju seperti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kita amat kekurangan tenaga sukarela untuk membantu *Skim Home Help Service* ini. Sekali gus membantu golongan OKU meneruskan kehidupan harian mereka.

Soalan tambahan saya, bagaimana kementerian melihat usaha kementerian selama ini memberikan kesedaran dan bentuk kerjasama yang diterima kerana saya kira pelaksanaan dasar OKU ini sebenarnya memerlukan kerjasama yang bersepadu daripada semua pihak serta penglibatan pelbagai kementerian, agensi pekerjaan serta pertubuhan-pertubuhan sukarela dan ahli-ahli akademik, persatuan-persatuan sosial dan lain-lain. Bukan hanya dipikul oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Mohon pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

■1030

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Ya terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Memang benar kementerian kita, pertamanya bila saya sebut tadi bila ini NBOS 7 yang mana melibatkan bukan sahaja Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi juga Kementerian Kesihatan. Apabila kita mengadakan lawatan ke rumah klien kita ini ataupun warga emas dan OKU yang terlantar ini, kita akan bersama-sama sukarelawan kita yang didaftarkan yang mempunyai pengetahuan, yang sudah dilatih dan juga mempunyai komitmen yang tinggi daripada kalangan NGO, masyarakat dan juga dibantu oleh pegawai-pegawai perubatan, *nurses* daripada Kementerian Kesihatan.

Kalau kita lihat semasa kembara dilaksanakan, mereka ini yang hadir sama adalah bukan sahaja daripada pegawai kementerian kita, daripada *counsellors* ikut juga hadir daripada 1M4U, *scholar* 1M4U juga ikut sama, daripada pihak media massa juga turut sama dengan kita. Jadi kita sebenarnya menggalakkan dan mengalu-alukan semua pihak daripada anggota masyarakat kita untuk terlibat sama. Inilah cara kita untuk *reach out* kepada kumpulan sasar kita yang memerlukan ini. Sesungguhnya kami membuka seluas-luasnya ruang untuk semua pihak terlibat sama dengan kami dalam usaha yang murni dan ikhlas untuk kita membantu kumpulan sasar kita. Jadi Yang Berhormat juga kita jemput sama untuk ikut dalam program kita yang baik ini, *insya-Allah*.

4. **Dr. Syed Husin Ali** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, bila gaji minimum akan dinaikkan memandangkan kos sara hidup yang semakin tinggi, dan bagaimana keputusan Kementerian Kesihatan menaikkan bayaran prosedur dan konsultasi perubatan bagi warganegara asing akan memberi kesan pada kesihatan dan kualiti sumber manusia.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali atas kemukakan soalan kepada Kementerian Sumber Manusia. Saya lihat ada dua soalan yang dikemukakan. Pertama ialah bertanya bilakah gaji minimum akan dinaikkan? Kedua, bagaimanakah keputusan Kementerian Kesihatan, menaikkan bayaran prosedur konsultasi perubatan kepada pekerja asing?

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan kita di bawah kepimpinan Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib amat prihatin dengan kesan peningkatan kos hidup rakyat pekerja masyarakat di negara kita ini.

Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini kita melihat melalui pembentangan bajet-bajet tahunan pelbagai program telah dilakukan oleh kerajaan dalam meringankan beban sara hidup masyarakat di negara kita tanpa mengira sama ada mereka itu penduduk tempatan ataupun penduduk asing sebagainya yang berada di negara kita.

Tentang program yang disebutkan macam Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Baucar Buku 1Malaysia, Kedai 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Tayar 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, Bantuan Awal Persekolahan dan lain-lain program yang di bawah pelbagai kementerian yang semua sasarannya ialah ke arah meringankan beban hidup masyarakat di negara kita ini.

Sementara itu bagi Kementerian Sumber Manusia, tidak kurang juga peranan yang kita mainkan. Di bawah Kementerian Sumber Manusia, kerajaan telah memperkenalkan gaji minimum yang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013 bagi majikan yang menggaji enam orang pekerja atau lebih dan 1 Julai 2013 bagi majikan yang menggaji lima orang pekerja atau lebih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini telah pun saya ulas dalam jawapan lisan dan juga membentangkan penggulangan Titah Diraja semalam. Walau bagaimanapun, oleh sebab ada soalan khas, saya juga menjawab sedikit tentang perkara ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian melalui Majlis Perundingan Gaji Negara pada masa sekarang dalam proses mengkaji semula Perintah Gaji Minimum 2012. Kita sedang ini walaupun pada asalnya kita melaksanakan gaji ini berkuat kuasa pada 2013. Tahun ini kita telah membuat *revision*, dengan izin, ataupun semakan semula. Seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 yang menetapkan supaya kajian semula Perintah Gaji Minimum dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun.

Kita sudah mengadakan perundingan, kita sudah mengadakan seminar dengan *World Bank* dan juga ILO tentang semakan gaji minimum ini. Kita telah memberikan semalam, saya telah menyebutkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa tempoh yang kita berikan, minta pandangan daripada masyarakat sama ada pekerja, majikan dan sebagainya termasuk pemimpin-pemimpin ialah 31 Mei 2014 ini. Jadi kita harap mendapat *feedback* ini.

Sehubungan dengan itu, pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai pelaksanaan gaji minimum dan peningkatan kos sara hidup akan dipanjangkan kepada pihak MPGN bagi diperhalusi dan diteliti dalam proses semakan semula Perintah Gaji Minimum 2012 yang mana pertimbangan yang akan dibuat kelak adalah berdasarkan kos sara hidup yang ditanggung rakyat, kedudukan persaraan pasaran buruh dan kadar produktiviti semasa susulan pelaksanaan gaji minimum.

Saya kira hasil daripada pandangan, perbincangan, kajian, seminar yang telah pun diadakan dan berakhir mungkin 31 Mei 2014, mungkin penemuan akan kita lihat Tuan Yang di-Pertua. Apakah yang akan berlaku kepada pelaksanaan gaji minimum? Cadangan Yang Berhormat nanti untuk bilakah gaji minimum ini akan dinaikkan, tidak boleh saya jawab hari ini kerana kita belum mendapat keputusan yang muktamad daripada pandangan-pandangan yang telah diberikan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Soalan tambahan Yang Berhormat Senator...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Ada satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Oh! Ada lagi.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Mengenai dengan kadar bayaran. Sepatutnya kadar bayaran perubatan ini, prosedur dan konsultasi perubatan ini dijawab oleh Kementerian Kesihatan tetapi sebagai jabatan, kementerian yang secara *teamwork* bekerja dalam melaksanakan apa juga kerja-kerja yang berkaitan dengan pekerja ini maka saya berikan juga sedikit tentang perkara ini.

Kenaikan fi perubatan ini untuk prosedur dan konsultasi bagi pekerja asing adalah berdasarkan kadar inflasi keseluruhan dan indeks harga pengguna (IHP) khususnya bagi sektor penjagaan kesihatan dalam tempoh lapan tahun iaitu dari tahun 2002 hingga tahun 2012. Keputusan ini dibuat setelah berunding dengan pelbagai kementerian dan juga pihak-pihak yang berkepentingan memandangkan fi perubatan yang sedia ada tidak pernah disemak sejak tahun 2002.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk meningkatkan fi perundingan diambil setelah mengadakan perbincangan mengenai kos yang dikenakan berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan seperti tempoh perundingan yang bergantung kepada setiap kes dan kerumitan ditambah pula dengan tahap kepakaran kecekapan penilaian klinikal yang berbeza diambil kira dalam menentukan kuantum fi ini. Ini satu usaha oleh kerajaan untuk mengawal kos rawatan di hospital swasta dalam masa yang sama memberikan manfaat dan menjaga kebajikan rakyat.

Oleh yang demikian, terpulung kepada pengamal perubatan untuk mengenakan bayaran yang munasabah kepada pesakit. Sehingga kini warganegara asing mendapat rawatan di hospital dan *facility* Kementerian Kesihatan telah menikmati subsidi perubatan antara 50 peratus hingga 60 peratus daripada kos rawatan sebenar. Justeru itu, langkah mengenakan caj rawatan penuh kepada mereka merupakan satu tindakan yang tepat kerana ia adalah sebahagian daripada proses rasionalisasi subsidi yang sedang dilaksanakan secara berperingkat oleh kerajaan bagi memastikan bantuan dan subsidi kerajaan hanya diterima oleh golongan sasaran sahaja dan tidak memberi faedah lebih kepada pekerja asing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya silakan soalan tambahan.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri juga kerana beri jawapan. Soalan tambahan saya ialah begini. Kesulitan rakyat terutama yang berpendapatan rendah bertambah buruk bukan sahaja kerana kos sara hidup tetapi juga oleh kenaikan kos ubat-ubatan dan konsultasi. Selain daripada itu juga kerana penarikan subsidi dan tidak lama lagi mungkin kenaikan 6 peratus GST. Jadi yang saya ingin tahu ialah sama ada Timbalan Menteri menganggap gaji minimum yang wujud sekarang ini munasabah ataupun tidak? Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, kita sering meletakkan apabila sesuatu keadaan itu berlaku, kita letakkan negatif dahulu. Maknanya, apalah salahnya kalau kita mengatakan kita mengajak masyarakat bagaimana menghadapi beban hidup yang- kita mencari jalan, bagaimana cara kita menguruskan kewangan kita, bagaimana cara kita menambahkan pendapatan dan sebagainya.

■1040

Saya ingat soalan Yang Berhormat itu ialah tentang apakah memadai gaji minimum yang ada sekarang. Bagi saya, semalam pun saya telah jawab Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itulah kalau kita lihat perbandingan dengan negara-negara lain, kita ada negara-negara lain tetapi kita menetapkan gaji minimum RM900 di Semenanjung dan RM800 di Sabah, Sarawak dan Labuan ini adalah berasaskan perbincangan, perundingan, pandangan-pandangan daripada bukan sahaja orang-orang yang berada di negara kita di segi pekerja, majikan, pakar-pakar bahkan kita melibatkan juga peringkat antarabangsa, Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Bank Dunia dan mereka menganggapkan bahawa bayaran gaji minimum RM900 di Semenanjung dan RM800 di Sabah, Sarawak dan Labuan ini adalah sesuai, munasabah buat ketika ini di negara kita.

Jadi bagi saya, Yang Berhormat Senator memanglah bagi saya, *why not*, dengan izin, kalau kita boleh memberikan gaji yang lebih baik kepada pekerja kita. Itu yang paling baik. Akan tetapi apakah majikan kita bersedia? Apakah kadar bayaran buruh dan sebagainya bersedia untuk kita memberikan gaji minimum yang terbaik? Saya, bagi saya, memang saya bersetuju.

Oleh sebab itu, kita tunggulah *revision* ataupun semakan semula ini, saya kira sesuatu yang positif mungkin dapat kita lihat dengan syarat sokongan perlulah diberikan bukan sahaja oleh pihak kerajaan tetapi oleh pihak sebelah sana. Janganlah kita menguar-uarkan yang tidak baik kepada setiap program yang dilaksanakan oleh kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu, saya hendak memberi jawapan sikit, bukan apalah. Keprihatinan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, saya rasakan kita rasakan semua. Akan tetapi kalau boleh saya menggunakan kebijaksanaan falsafah Minangkabau, kita harus menimbang antara yang patut dengan yang mungkin. Apakah yang patut itu tak semestinya mungkin? Itu satu.

Kemudian, saya hendak menggunakan kesempatan ini mengenai *time frame*, kajian Yang Berhormat sebutkan tadi. Ada tak *time frame* untuk kajian semula ini? Semalam, saya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan bertanya tentang *time frame*, kajian semula silibus sejarah. Jadi saya hendak bertanya, sekiranya dalam kajian semula untuk menyemak gaji minimum ini, ada tak *time framenya*? Terima kasih. Okey, sebelum itu. Itu soalan daripada *Chair*. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Setakat ini, sejauh manakah para majikan patuh gaji minimum? Sebab ada yang patuh, ada yang tak patuh. Kalau patuh, berapa *percents* yang patuh? Ini kerana banyak yang tak patuh. Kedua, apakah tindakan yang dikenakan kepada para majikan yang tak patuh? Berapa ramai yang didakwa kerana tak patuh? Apakah mereka dihadapkan ke mahkamah atau lain-lain tindakan?

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Dato' Rahman.

Yang pertama saya hendak respons kepada Tuan Yang di-Pertua punya soalan. Sebab itu kita bagikan pandangan dan juga apa juga komen tentang gaji minimum ini kita bagi tempoh sehingga 31 Mei 2014. Itu pandangan. Selepas itu kita menjangkakan mungkin dalam tempoh satu, dua bulan, kita akan harap Majlis Perundingan Gaji Negara ini akan membuat keputusan untuk dipanjangkan kepada pihak berkuasa, pihak kerajaan dan sebagainya.

Berbalik kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman, semalam saya sudah jawab Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan pemeriksaan berkanun yang dijalankan di seluruh negara sehingga 31 Mac 2014, sebanyak 6,588 dan daripada jumlah tersebut, didapati 179 orang majikan ataupun 2.7 peratus didapati tidak melaksanakan gaji minimum dan notis pematuhan telah pun dikeluarkan kepada mereka. Sehubungan itu, bolehlah disimpulkan majoriti majikan iaitu 97.3 peratus telah melaksanakan gaji minimum.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada majikan-majikan yang cukup prihatin tentang pekerja. Itu cukup banyak, kita ada berapa ratus ribu orang majikan. Sebahagian besar mereka telah mengadakan gaji minimum ini. Cuma sedikit sahaja, 2.7 peratus sahaja.

Kembali kepada tindakan yang dilakukan dalam akta ini, maknanya kalaulah majikan itu tidak membayar pertama kali gaji minimum kepada pekerja dia, dia boleh dikenakan denda sebanyak RM10,000 seorang pekerja. Andai kata peraturan itu juga tidak dipatuhi dan diulangi, maknanya RM1,000 tiap-tiap hari dia kena bayar kepada setiap pekerja. So, andai kata yang pertama tadi sudah diselesaikan dan ulang sekali lagi kesalahan dibuat, kita kenakan denda dia RM20,000 dan kita boleh penjarakan dia lima tahun. Saya ingat cukup serius usaha kita hendak membantu rakyat ini, pekerja ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Datuk Chin Su Phin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah perkembangan terkini perbincangan antara AirAsia, MAHB dan pihak KKIA dalam menyelesaikan kemelut sedia ada berkenaan arahan berpindah ke terminal 1 dan adakah kerajaan bersedia untuk menimbang agar pembinaan terminal tambang murah diwujudkan di KKIA atau berhampiran dengannya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab bersekali pertanyaan ini bersama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Kadzim Haji M. Yahya pada 5 Mei 2014 di mana kedua-dua soalan adalah lebih kurang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan supaya semua syarikat penerbangan tambang murah termasuk AirAsia yang sedang beroperasi di Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ataupun KKIA dipindahkan ke Terminal 1 KKIA. Kerja-kerja penaiktarafan *connecting Taxiway Mike* serta sebahagian kerja di *Taxiway Charlie* di KKIA akan dapat disiapkan sepenuhnya pada hari ini. Dalam hubungan ini, pihak Kementerian Pengangkutan telah pun meminta MAHB mengambil tindakan untuk melaksanakan proses perpindahan operasi AirAsia dan syarikat-syarikat penerbangan lain dari Terminal 2 ke Terminal 1 KKIA.

Terminal 1 KKIA direka untuk menampung 9 juta orang penumpang setahun sedangkan Terminal 2 hanya berkemampuan mengendalikan 2 juta orang penumpang setahun. Pada tahun 2013, Terminal 1 hanya mengendalikan 3.4 juta orang penumpang sedangkan di Terminal 2, jumlah penumpang yang dikendalikan pada tahun 2013 telah mencapai 3.5 juta orang penumpang. Oleh itu, Terminal 2 mengalami kesesakan kerana telah melebihi kapasiti 2 juta orang penumpang. Oleh sebab itulah, kerajaan menetapkan operasi penerbangan dipindahkan ke Terminal 1.

Untuk makluman, Terminal 2 dibina pada tahun 2006 sebagai terminal sementara menunggu kerja-kerja pembinaan dan penaiktarafan Terminal 1 disiapkan. Dalam hal ini, pihak MAHB telah menjemput AirAsia untuk memulakan perbincangan melalui surat bertarikh 24 Mac 2014 bagi tujuan pemindahan operasi AirAsia dari Terminal 2 ke Terminal 1 KKIA. AirAsia melalui surat bertarikh 27 Mac 2014 telah bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan MAHB. Tarikh perbincangan di antara MAHB dan AirAsia akan ditetapkan kemudian.

Berhubung dengan persoalan untuk membina sebuah terminal tambang murah di KKIA, dimaklumkan bahawa buat masa ini, kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk membina sebuah terminal tambang murah di KKIA. Ini adalah kerana Terminal 1 KKIA sedia ada mampu untuk menampung semua jenis operasi penerbangan penumpang termasuk operasi syarikat penerbangan tambang murah.

Berkenaan dengan ugutan AirAsia untuk menghentikan operasinya di Sabah, kerajaan tidak pernah menerima sebarang surat bertulis daripada AirAsia berkenaan perkara tersebut. Terima kasih.

■1050

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan tadi. Satu soalan sahaja. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bagi penjelasan. Pada bulan Februari yang lepas AirAsia ada mengatakan bahawa mereka akan menjadikan KKIA sebagai hab AirAsiaX dan menjadikan Kota Kinabalu sebagai hab bagi rantau kecil kawasan pertumbuhan ASEAN Timur, Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina. Sekiranya masalah terminal dapat diselesaikan, bolehkah kerajaan menjelaskan secara terperinci mengenai perancangan mereka ini dan apakah mereka ada sebarang tuntutan daripada kerajaan? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perancangan dan harapan AirAsia untuk menjadikan KKIA sebagai hab adalah satu yang memberangsangkan. Sebab itu pihak kerajaan telah membina dan menaik taraf Terminal 1 untuk tujuan KKIA sebagai hab di sebelah Timur.

Maka sebab itu peningkatan kemampuan untuk Terminal 1 ditingkatkan kepada 9 juta orang penumpang setahun untuk menampung keperluan yang semakin meningkat. Maka sebab itu Terminal 1 telah disiapkan naik taraf pada tahun 2010. Baru lebih kurang tiga tahun yang lepas dan telah dapat dibesarkan dengan meningkatkan kawasan tempat parkir sebanyak 1,400 buah tempat parkir dan kaunter Imigresen di Terminal 1 ada 20 kaunter imigresen untuk ketibaan dan 16 untuk pelepasan. Kaunter masuk ada 64 dan *carousel* tuntutan bagasi ada enam. Ini untuk memastikan harapan menjadikan KKIA sebagai hab di sebelah timur. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebelum saya mempersilakan soalan tambahan berikut, saya minta kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini masalah istilah atau terminologi yang dalam peristiwa MH370 berlarut-larut tapi saya hendak minta kepastian adakah istilah yang digunakan oleh AirAsia ini bersetuju untuk berbincang dengan MAHB atau memohon untuk berbincang dengan MAHB. Saya rasa istilah ini nampak *subtle* tetap implikasi ini banyak. Dia bersetuju hendak berbincang atau memohon untuk berbincang. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab sekarang. Saya silakan Datuk Boon Som.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia Kuala Lumpur merupakan satu hab tambang murah yang makin hari makin bertambah dan saya difahamkan tidak lama lagi satu lagi syarikat penerbangan akan dilancarkan. Saya tidak tahu tapi adakah perkembangan ini baik untuk Malaysia Airlines (MAS) dan adakah kerajaan bercadang untuk menjual saham MAS kerana atas kerugian yang semakin tahun ke tahun, kerugian yang kita hadapi. Adakah dengan adanya *competitor* seperti tambang murah ini akan memberi perkembangan yang tidak baik untuk Malaysia Airlines. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai persaingan dari industri penerbangan sesuatu yang subjektif kerana dalam dunia yang semakin mengguna pakai sistem liberalisasi, kita juga terikat dengan *International Civil Aviation Organization*. Kita telah pada dasarnya bersetuju untuk mengguna pakai *Open Sky Policy* pada tahun 2015 di mana syarikat-syarikat penerbangan dunia boleh datang ke negara kita dengan kemudahan yang sepatutnya kita berikan. Maknanya sekiranya kita tidak membangunkan syarikat-syarikat penerbangan dalam negara, pasaran dalam negara kita akan dikaut oleh syarikat-syarikat penerbangan dari luar.

Maka sebab itu dasar kita kena seiring dengan dasar *Open Sky Policy*. Daripada kita memberi ruang kepada syarikat-syarikat penerbangan dari luar mengambil pasaran kita, kita membuka kepada syarikat-syarikat penerbangan dalam negara untuk kita meningkatkan kemampuan industri kita selain daripada menampung juruterbang-juruterbang yang kita telah latih, telah bangukan yang tidak mendapat pekerjaan. Ini kerana syarikat-syarikat penerbangan luar tidak mungkin akan mengambil juruterbang-juruterbang dari Malaysia tetapi sekiranya syarikat-syarikat dari Malaysia ia pastinya akan menggunakan kemudahan ataupun sumber-sumber dalam negara.

Maka sebab itu dengan *Open Sky Policy* ataupun langit terbuka yang kita akan guna pakai pada tahun 2015 ini, persaingan amat tidak dapat dielakkan dan kita juga mahu membawa seberapa ramai pelancong untuk kita menjayakan *Visit Malaysia Year 2014*. Maka ini akan memberi kepada kemajuan ekonomi kita lebih baik. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kemusykilan saya tentang istilah itu tidak jawab tidak apalah tapi *please take note*, dengan izin. Selanjutnya saya mempersilakan Datuk Muhammad Olian untuk mengemukakan soalan berikut.

6. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah status pencapaian Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli (PSKOA) (2011-2015) terutamanya:

- (a) jumlah kemudahan prasarana dan ameniti yang Berjaya dibangunkan mengikut negeri; dan
- (b) jumlah perkampungan orang Asli yang telah dibangunkan ekopelancongan hasil daripada pembangunan PSKOA.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk ALexander Nanta Linggi]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab soalan nombor 6.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli (PSKOA) tahun 2011-2015 merupakan perancangan projek pembangunan komprehensif yang mengandungi enam teras utama meliputi pembangunan modal insan, pembangunan ekonomi, perluasan akses prasarana, peningkatan tahap kualiti hidup dan kesihatan, pemerkasaan pengetahuan tradisional dan warisan Orang Asli serta pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus yang baik.

Perluasan akses prasarana dan ameniti sosial menjadi keutamaan dan merupakan teras ketiga yang digariskan dalam PSKOA 2011-2015. Selepas pembangunan modal insan dan pembangunan ekonomi dengan matlamat utama mengurangkan jurang sosioekonomi masyarakat Orang Asli dengan masyarakat arus perdana. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) terus komited dalam memperluaskan liputan akses prasarana ke perkampungan Orang Asli. Empat elemen prasarana yang diberi tumpuan ialah jalan perhubungan, rumah, bekalan elektrik dan bekalan air luar bandar atau bekalan air terawat.

Setakat ini daripada sebilangan 853 perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, sebanyak 733 buah kampung iaitu 86 peratustelah disediakan akses jalan perhubungan yang sempurna. Manakala sebanyak 603 buah kampung iaitu 70.7 peratustelah mempunyai bekalan elektrik 24 jam dan sebanyak 678 buah kampung iaitu 79.5 peratustelah mempunyai kemudahan bekalan air terawat.

■1100

Baki kampung-kampung yang belum menerima kemudahan jalan perhubungan, bekalan elektrik, bekalan air terawat akan diteruskan secara berperingkat-peringkat sehingga sasaran kita tahun 2017. Untuk kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli, Program Bantuan Rumah (PBR) yang meliputi bantuan baik pulih rumah dan bina baru diteruskan dan diberi keutamaan oleh kementerian bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh. Pada tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM39.7 juta untuk tujuan ini telah dibelanjakan bagi melaksanakan 786 unit rumah bina baru dan 1,067 unit rumah baik pulih. Manakala pada tahun 2014, peruntukan sejumlah RM9.8 juta kita sediakan untuk pelaksanaan PBR meliputi sasaran 132 unit rumah bina baru dan 394 unit rumah baik pulih.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian menerusi JAKOA turut menggalakkan program-program ekopelancongan sebagai sumber baru ekonomi yang boleh diketengahkan. Sebelum ini, JAKOA telah mengenal pasti 24 buah kawasan atau perkampungan Orang Asli di negeri-negeri yang berpotensi dan bersesuaian untuk dibangunkan pembangunan ekopelancongan. Namun begitu, pelaksanaan program berkenaan memerlukan komitmen semua pihak dan JAKOA menghadapi kekangan-kekangan tertentu seperti kepakaran, keutamaan kewangan dan kesediaan individu atau komuniti tempatan yang akan melaksanakannya.

Setakat ini tiga buah kampung telah dikenal pasti sebagai yang berjaya dan mendapat sambutan ramai iaitu Kampung Orang Asli Peta, Mersing Johor diusahakan oleh Long Hamzan dengan aktiviti kebudayaan seperti kraf tangan, masakan Orang Asli dan Jennerat binatang serta Kampung Orang Asli Pontian, Johor melalui aktiviti utamanya memancing di kelong diusahakan oleh Kamal Abu Bakar.

Manakala satu lagi kampung yang berjaya sebagai destinasi ekopelancongan ialah Kampung Orang Asli Semelor, Hulu Perak. Antara tarikan utama kampung berkenaan ialah keindahan dan kebersihan kampung itu sendiri serta keindahan alam semula jadi yang dikelilingi oleh Tasik Temenggor selain daripada aktiviti kebudayaan.

Apa yang lebih menarik, kampung ini telah diusahakan oleh komuniti dan telah memenangi Anugerah Desa Cemerlang Perkampungan Orang Asli peringkat kebangsaan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian menerusi JAKOA terus komited dalam melaksanakan program-program pembangunan secara inklusif kepada masyarakat Orang Asli. Justeru itu, sistem pemantauan secara berkala diperkenalkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh menerusi laporan inisiatif nombor 28, menangani keperluan kumpulan sasar khususnya masyarakat Orang Asli melalui pelaksanaan program bersepadu. Ini adalah untuk memastikan masyarakat Orang Asli seiring dan bersama-sama dengan masyarakat lain menikmati arus kemajuan negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan satu jawapan yang cukup baik.

Tuan Yang di-Pertua, ekopelancongan merupakan sumber baru kepada peningkatan ekonomi masyarakat Orang Asli. Jadi oleh itu, apakah bentuk promosi yang telah dilakukan bagi memperkenalkan program perkampungan ekopelancongan ini dan apakah bentuk latihan pengurusan yang akan diberikan dan yang telah diberikan kepada masyarakat Orang Asli bagi memastikan pembangunan ekopelancongan ini berterusan dan dapat meningkatkan ekonomi mereka? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, kaedah mempromosikan ekopelancongan di kawasan ataupun di perkampungan Orang Asli yang telah kita kenal pasti tadi adalah seperti biasa sebab ianya perlu didedahkan kepada masyarakat umum dan juga kita masukkan sama juga dalam usaha-usaha mempromosikan pelancongan di peringkat negara kita yang selalunya juga dalam tanggungjawab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan JAKOA memainkan peranan yang besar dalam memastikan kampung-kampung ini dimasukkan juga dalam usaha-usaha mempromosikan pelancongan di negara kita.

Dalam bentuk pentadbirannya, kita sesungguhnya menggunakan yang terbaik tetapi kita juga mendapat pandangan bagaimana kita boleh menambahbaikkan sebab untuk hendak mentadbir urus sesuatu itu memang ada peluang dan ruang untuk kita menambah baik. Jadi kalau ada cadangan ataupun ada sesuatu yang boleh diketengahkan dan dimajukan oleh Yang Berhormat untuk membantu, kami amat mengalu-alukan. Sekian, terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Majlis ini tentang harta-harta Orang Asli. Ambil contoh tanah Orang Asli disewa oleh orang dan Orang Asli itu hanya dapat sedikit duit sahaja. Budak perempuan Orang Asli disengajakan dengan bertujuan untuk menikmati *facility* Orang Asli. Budak perempuan ini selalunya dikahwinkan dengan pekerja asing yang orang berniat buruk. Adakah itu kesedaran JAKOA dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk melindungi pihak Orang Asli ini jangan ditipu orang? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa *point* ini terkeluar sedikit daripada yang ditanya dalam soalan asal. Akan tetapi saya boleh berkongsi sedikit bersama untuk respons sedikit kepada Yang Berhormat Senator. Semua masalah yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli, JAKOA dan KKLW walaupun kerajaan memang kita mengambil perhatian dan kita amat prihatin kepada masyarakat ini. Sesiapa pun orang asingkah, orang Malaysiakah atau sesiapa pun yang sengaja *abuse* masyarakat Orang Asli ataupun masyarakat yang lain, kita seharusnya mengutuk dan kita menasihati masyarakat Orang Asli sendiri dan kepimpinan mereka dan juga kesemua untuk kita kalau boleh membantu mereka. Apa yang penting mereka sendiri juga harus sedar. Oleh itu kita seharusnya juga membuat sesuatu untuk kita membantu mereka.

Memang itu keprihatinan kerajaan. Jadi kalau sesiapa pun kita tahu. Tadi ditanya adakah kita tahu? Memang kita tahu, kita sedar dan kita dalam JAKOA ataupun di KKLW, memang kita ada program-program untuk kita mendidik dan menasihatkan mereka supaya ini jangan berlaku. Akan tetapi kalaulah seorang dua itu hendak berkahwin, bagaimana kita hendak melarang, ya tetapi yang penting kesedaran di kalangan mereka, itu tanggungjawab kita.

Memang ada usaha daripada JAKOA dan KKLW dan kita mengharap juga pihak-pihak lain dan kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat harus juga mengambil peranan dalam ini. Bukan kesemuanya yang berkaitan dengan Orang Asli diserahkan bulat-bulat kepada JAKOA atau Kementerian Luar Bandar dan Wilayah sebab- macam pendidikan. Ya sebenarnya pendidikan di kalangan Orang Asli dan untuk anak-anak Orang Asli tanggungjawab Kementerian Pendidikan tetapi JAKOA sebagai jabatan yang khusus kepada mereka, kita ada peranan juga. Sekian, terima kasih.

■1110

7. Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, jenis-jenis geran yang kementerian tawarkan dan jumlah yang telah diberikan pada tahun lalu serta bilangan syarikat yang berjaya mendapatkannya. Sila nyatakan jumlah syarikat yang telah memohon dan apakah peratusan yang berjaya.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh*, salam sejahtera, salah 1Malaysia. Kalau di kementerian dikata salam 1MOSTI. Saya jugalah salam inovasi.

Semenjak akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua kementerian saya menjadi sangat ramai orang berminat kerana bercerita tentang geran. Ini kerana maklumlah geran ini satu pemberian kerajaan kepada orang yang memohon tanpa kena bayar semula. Tadi orang cakap pasal bunga 4 peratus, 6 peratus. Kementerian saya ini, kita bagi duit untuk membuat penyelidikan yang telah dinilai untuk menjamin masa depan negara. Tadi kita pun bercakap jika hendak maju kena ada banyak usahawan. Jadi, usahawan ini perlulah usahawan yang berasaskan kepada inovasi supaya menjadi *entrepreneur* pada masa depan agar negara kita menjadi negara berpendapatan tinggi pada masa hadapan.

Merujuk kepada soalan yang ditanya kepada saya oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Senang sahaja kalau hendak ingat. Geran di bawah MOSTI ini Yang Berhormat senang sahaja. Dia ingat nama kementerian. Kementeriannya ialah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi atau pun *Ministry of Science Technology Innovation*. Geran yang pertama Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dipanggil *ScienceFund*, geran kedua dipanggil sebagai *TechnoFund* dan yang ketiganya dipanggil sebagai *InnoFund*. Jadi ada tiga, *ScienceFund*, *TechnoFund* dan *InnoFund*. Ada tiga, okey.

Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk mewujudkan atau memupuk satu ekosistem yang mendorong untuk menggalakkan penyelidikan, pembangunan atau pengkomersialan atau pun lebih dikenali dengan RD&C. Berdasarkan matlamat tersebut, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah menyediakan berbagai-bagai dana dalam bentuk geran yang sebahagiannya saya telah katakan tadi dan pinjaman bagi tujuan RD&C bermula daripada Rancangan Malaysia Ketujuh, Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sebelum saya menjurus menjawabnya, saya berminat hendak mengatakan pada Rancangan Malaysia Kesembilan sahaja Yang Berhormat, kita telah diperuntukkan daripada 2006 sehingga 2010. Laporan ini saya telah edarkan kepada pemberita baru-baru ini. Peruntukannya sebanyak RM3.8725 bilion dan kita berbelanja setakat sekarang kerana bila geran kita *commit*, kita kena bayar balik kerana ada penyelidikan yang belum siap dan menunggu masa yang lama, kita telah *commit*, kita telah berbelanja lebih kurang RM3 bilion. Banyak duit ini RM3 bilion. Kalau kita kira RM50, penuh satu Dewan agaknya.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh terdapat enam jenis geran yang saya sebutkan tadi. *ScienceFund*, Dana Pengkomersialan *InnoFund* dan *TechnoFund* dan Dana Pengkomersialan Bioteknologi (BCF), Dana Pengkomersialan R&D (CRDF), Dana Perolehan Teknologi (TAF) dan dana untuk Program Nano Malaysia di bawah kelolaan MOSTI dan agensi di bawahnya. Kita ada agensi yang dipanggil Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan. Kemudian dana oleh MOSTI pada asasnya bertujuan untuk menyediakan platform bagi menggalakkan pembangunan aktiviti R&D dan menjana inovasi menerusi teknologi yang berorientasikan pasaran untuk kemajuan sosioekonomi negara. Tadi diceritakan daripada Kementerian Kewangan hendak mewujudkan *technopreneur zone*, inilah sebahagian daripada apa yang dibuat oleh kerajaan.

Khusus kepada soalan Yang Berhormat. Pada tahun 2013 yang lepas, jumlah nilai projek yang telah diluluskan mengikut dana di bawah kelolaan MOSTI adalah seperti berikut:

- (i) *ScienceFund* RM64.36 juta;
- (ii) *TechnoFund* RM112.74 juta;
- (iii) *InnoFund* RM1.70 juta;
- (iv) Dana Pengkomersialan Bioteknologi RM36.22 juta;
- (v) Dana Pengkomersialan R&D (CRDF) RM86.4 juta; dan
- (vi) Dana Perolehan Teknologi (TAF) RM8.6 juta.

Betapa geniusnya Kerajaan Barisan Nasional ini. Tentu sahaja kita kena sokong Barisan Nasional, jangan sokong parti lain. Jumlahnya semua RM310.02 juta Yang Berhormat. Pecahan bagi syarikat pula sebanyak 180 buah syarikat telah mengemukakan permohonan di bawah dana *TechnoFund* dan 31 pula di bawah dana *InnoFund* pada tahun 2013. Saya boleh bagi *detail* kejam lagi, jangan risau.

Daripada jumlah tersebut 32 buah syarikat, 17.7 peratus telah berjaya di bawah dana *TechnoFund*. Manakala dua buah syarikat, 6.5 peratus diluluskan di bawah *InnoFund*. Akan tetapi tiada peruntukan dana untuk Program Nano Malaysia kerana Program Nano Malaysia ini ada duit lagi bagi tahun 2011, 2010. Masih ada sedikit dengan dia. Jadi, dia berbelanja beli itulah tetapi dia tidak mahu bagi apa-apa duit itu kerana nano ini ia mengambil masa yang lama, yang panjang sedikit.

Menerusi Program Dana Pengkomersialan Bioteknologi atau pun *Biotechnology Commercial Fund* atau BCF pada tahun 2013, *BiotechCorp* telah menerima permohonan sebanyak 31 permohonan dana BCF dari syarikat-syarikat berstatus BioNexus untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21 permohonan lengkap telah diproses sepenuhnya, sementara bakinya masih lagi dalam penilaian.

Sebanyak 13 buah syarikat atau pun 41.9 peratus berstatus BioNexus telah layak diluluskan bagi dana BCF. Manakala melalui MTDC atau pun Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (MTDC), kerajaan telah menyediakan Dana Pengkomersialan R&D (CRDF) dan Dana Perolehan Teknologi (TAF) untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat berteknologi melalui pengkomersialan hasil R&D dan inovasi tempatan dan perolehan teknologi dari luar negara. Pada tahun 2013, sebanyak 84 permohonan diterima di bawah CRDF dengan 49 atau 58.33 peratus daripadanya telah diluluskan. Di bawah dana TAF pula, tujuh permohonan telah diterima, empat daripadanya 57.14 peratus telah diluluskan. Ini yang detil Tuan Yang di-Pertua.

ScienceFund, ini mungkin yang dikehendaki. Untuk *ScienceFund*, daripada *Public and Private Institutions of Higher Learning*, 825 permohonan, 198 berjaya, lebih kurang RM38.14 juta. Untuk *Private Institution The Higher Learning*, universiti swasta pun boleh memohon, 147 permohonan, 44 telah diluluskan, RM8.092613 juta. Untuk *Public Research Institute*, 36 permohonan, 16 lulus, RM3.650580 juta. Main juta lagi. *Private Research Institution*, dua sahaja yang memohon, satu yang lulus dapat RM244,000 sahaja. Untuk agensi di bawah MOSTI, bermakna kita sendiri ada institut penyelidikan yang kita sendiri, kita ada 23 buah agensi di bawah kita.

Kita juga aktif membuat *research*, 178 permohonan. Kita punya orang pun minta 178 orang yang memohon, 46 orang sahaja yang kita luluskan, RM14.235500 juta.

Untuk dana TechnoFund iaitu institusi pengajian tinggi, ini dana pengkomersialan, pra pengkomersialan. Sebanyak 21 permohonan, enam berjaya, RM15.164288 juta. *Research Institution*, 16 permohonan, 11 lulus, RM26.107758 juta. Syarikat, 180 buah yang memohon, 32 yang diluluskan dengan RM71.46518855 juta yang membawa jumlah RM112.73716455 juta.

Dana InnoFund, ini dana pengkomersialan. Syarikat yang telah memohon sebanyak 31 buah. Ini kena tengok dana pengkomersialan kurang sedikit kerana pengkomersialan ini kita kena kaji betul-betul, kena tengok betul-betul kerana kita hendak memastikan selepas dia dapat dana ini, produk ini mesti berada di *supermarket*, mesti berada di farmasi, mesti boleh dijual dan mesti mewujudkan *entrepreneur*. Ini satu peringkat tinggi. Daripada 31 permohonan, kita hanya luluskan dua permohonan dengan RM815,000. Bagi komuniti ada 16 yang memohon, dua sahaja dapat, RM750,000. Individu ada enam orang memohon, tiga orang sahaja yang diluluskan, RM136,000 dan jumlahnya RM1.701500 juta. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri. Jawapan dia begitu dengan perasaan- *emotion*. Saya tertarik dengan dua, tiga perkataan dalam jawapan tadi Tuan Yang di-Pertua. Nombor satu tentang *entrepreneur*, usahawan. Nombor dua tentang inovasi dan nombor tiga buah platform. Bila saya mengkaji geran-geran yang telah dikeluarkan iaitu *InnoFund*, *ScienceFund* dan *TechnoFund*. *ScienceFund* ini lebih menunjukan *research* yang *engineerkah*, saintis, universiti, *government institute*. *TechnoFund* saya berpendapat ia lebih menunjukan kepada syarikat yang telah sedia ada, *established*, yang sudah ada *department research* yang mahu menggantikan satu *research* yang baru sebab *fund* itu hanya boleh digunakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Ya, maaf Tuan Yang di-Pertua. Boleh gunakan untuk pembelian, bukan untuk pegawai-pegawai. Jadi soalan saya nombor satu, jika kita betul-betul hendak bawa inovasi dan memberi peluang kepada *entrepreneur* ini, *fund* mana ini, dana mana ini yang sesuai untuk seorang yang baru keluar daripada universiti yang hendak pergi bidang penyelidikan?

Soalan nombor dua, daripada lepas kita beri Rancangan Malaysia Kesembilan ini, berapa banyak yang telah berjaya? Manakala yang berjaya itu masuk ke *commercialization stage*. Saya dengar tadi dua berjaya, ertinya banyak tidak berjaya. *I meant* itu hanya daripada pemberitahuan Yang Berhormat, ini pendapat saya. Jadi berapa yang berjaya sebenarnya *research* mereka yang boleh pergi ke pasaran daripada Rancangan Malaysia Kesembilan? Terima kasih.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya ingat Yang Berhormat memang membaca orangnya, saya ingat membaca tetapi ada yang Yang Berhormat tidak faham yang saya kena terangkan sedikit. Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua minta maaf. Nama pun *research*...

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab ya.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Nama pun *research*. Kalaulah bagi duit gerenti jadi, itu bukan nama *research*. Itu namanya industri pembuatan kilang namanya. Jadi *research* ini kita belanja kerana ideanya bagus, pengetahuannya bagus dan kita berharap di hujung nanti akan hasil produk tetapi tidak semestinya berasaskan produk. Kalau itu tidak boleh *research*, itu saya kata Yang Berhormat, yang sebenar yang itu ada berlaku kekhilafan, mungkin tidak faham sangat. Biar saya fahamkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, jadi ingat ini benda ini berlaku. Kalau kita kata gerenti hendak jadi, ini bukan *research*. Itu kementerian saya, yang itu kerjanya, yang itu sebabnya sebelum minta itu kita kena komiti, kaji, kaji, kaji, kaji.

Bila kadang-kadang kaji juga, kadang-kadang tidak jadi juga tapi dia kena buat repot dengan kita mengatakan kata ini tidak berlaku kerana ini, ini, ini dan kita akan beritahu kelak. Ada orang lain memohon kemudian, jangan ikut cara ini kerana cara ini tidak akan menghasilkan produk. *That is* penyelidikan *all about* yang saya belajar.

Terima kasih Yang Berhormat, saya faham yang itu. Saya boleh jawab soalan itu dengan baik kerana saya ditanya dengan pemberita dalam minggu ini terlalu banyak. Jadi saya boleh hafal sebenarnya tapi tidak mengapa, saya membacalah. Takut nanti pegawai-pegawai MOSTI kata...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, rasanya juga ramai juga yang tidak faham sini. Elok saya cadangkan MOSTI adakan satu penerangan di luar.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Hari ini tidak payah. Soalan tambahan sini untuk menjimatkan. Jawab saja apa yang boleh dalam soalan.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Baik, baik Tuan Yang di-Pertua. Saya faham yang itu, sangat tepat. Tadi saya kata dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita membelanjakan RM3 bilion tadi Yang Berhormat. Projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Yang Kesepuluh ya, hendak tanya Rancangan Malaysia Kesepuluh, Oh! Rancangan Kesembilan tadi. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini *is not bad*, daripada RM3 bilion tadi Tuan Yang di-Pertua, projek yang diluluskan 4,566, projek siap 3,848, menghasilkan prototaip yang siap 3,848, yang menghasilkan prototaip 537, projek yang dikomersialkan, seperti yang ditanya tadi 314, *it is not bad* berbanding lebih kurang 8 peratus hingga 10 peratus. Saya tengok daripada negara maju lebih kurang 8 peratus hingga 10 peratus tapi kita hendak meningkatkan lagi supaya boleh melebihi daripada negara maju yang lain. Ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan. Saya bagi peluang kepada OKU lah, wakil OKU. Yang Berhormat Yang Berhormat Puan Bathmavathi.

Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah adakah pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi memantau tahap perkembangan penyelidikan nano teknologi ini? Adakah ia sudah mula diaplikasikan dalam bidang perubatan khususnya di hospital-hospital kerajaan?

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan nano teknologi, dia satu bidang yang kadang-kadang saya bila tengok penyelidikan, saya pun tidak berapa faham juga. Ini kerana nano, cerita nano ini saiznya sangat kecil, dikecilkan lagi. Mereka ini, penyelidikan nano ini, sebenarnya Nano Teknologi Malaysia, kita tidak buat penyelidikan sendiri. Kita hanya dapat duit daripada kerajaan dan kita bagi geran ini kepada institusi penyelidikan yang melibatkan nano tapi kita akan monitor, kita akan memantau keputusan ini supaya kita tidak hendak bila dia buat itu tidak dapat mengumpul keseluruhan keputusan itu untuk membantu Malaysia. Ini adalah nano Malaysia ya. Kita tidak hendak dia buat, dia buat, dia buat tapi kita hendak, kita biaya, kita biaya, kita bagi lepas itu kita kumpul *result* dan kita buat.

Sekarang ini masih lagi kecil-kecil. Tengah buat klinikal, tengah buat benda itu kerana bila kata cerita ubat-ubatan ini tidaklah boleh mengambil masa setahun, dua tahun boleh jadi. Saya tahu, saya boleh bagi detil kalau hendak, detilnya saya boleh bagi kemudian apa yang dia tengah buat. Akan tetapi lawatan saya baru-baru ini nano, mereka menunjukkan kemajuan yang baik dan ada barang-barang produk mereka yang telah pun menjalani kajian klinikal tetapi untuk dipasarkan masih lagi belum lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

8. Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, sama ada DBKL ada bercadang mendapatkan pandangan pemimpin-pemimpin masyarakat sebelum melaksanakan sesuatu dasar. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dalam proses pelaksanaan setiap dasar, DBKL sentiasa mendapatkan pandangan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat setempat mengikut isu-isu berbangkit sebagai contoh perjumpaan secara berkala tiga bulan sekali antara pihak DBKL dengan pengerusi-pengerusi Persatuan Pendudukan dan Majlis Gabungan Persatuan Penduduk Perumahan Awam. Melalui forum ini, pelbagai pandangan dan cadangan dapat dibincangkan dan akan dijadikan input bagi pelaksanaan dan perancangan dasar yang akan dilaksanakan.

Public engagement, dan perjumpaan khas dikendalikan oleh jabatan-jabatan yang menyelaraskan sesuatu dasar atau isu. Maklumat lanjut mengenai perkara tersebut boleh diperoleh daripada jabatan-jabatan yang pernah mengendalikan *public engagement* dan perjumpaan khas seperti Jabatan Pentadbiran, Jabatan Perancangan Fizikal, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Pengangkutan Bandar, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran, Jabatan Reka Bentuk Bandar dan Bangunan, Jabatan Kewangan, Jabatan Landskap dan Pejabat-pejabat cawangan DBKL. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ada dua di sini. Tuan Yang di-Pertua rakyat ketika ini melihat banyak dasar yang dilakukan oleh DBKL agak lemah dalam beberapa aspek penerangan terhadap sesuatu tindakan. Contohnya seperti isu cukai taksiran, pencerobohan rumah ibadah serta rumah setinggan. Dilihat tindakan yang dibuat oleh DBKL tidak berapa konsisten dalam soal ini. Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh pihak kementerian bagi memastikan setiap perkara yang berbangkit dapat diatasi dengan baik dan sistematik?

■1130

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan di DBKL masih terdapat simpanan lebih kurang RM3 bilion iaitu duit DBKL. Kita lihat keperluan rakyat di Wilayah Persekutuan terutamanya di rumah perumahan awam dan juga di rumah PPR, rakyat di sana yang di bawah mengeluh memohon terutamanya tentang parkir. Saya rasa simpanan yang ada dalam DBKL sebanyak RM3 bilion, apakah salahnya kita buat perkara-perkara yang boleh memanfaatkan rakyat? Parkir di rumah PPR dan rumah PA agak tidak terurus sangat-sangat hari ini. Seterusnya, saya harap hendak berkongsi dengan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, saya nampak hari ini dalam DBKL ada perkara-perkara yang di antara pegawai-pegawainya tidak rasa berpuas hati antara satu sama lain.

Pertamanya, soal kenaikan pangkat. Masih ramai lagi pengarah-pengarah yang servisnya 30 tahun lebih, hampir 40 tahun daripada umur muda sampai ke tua masih duduk di jawatan Timbalan Pengarah ataupun Penolong Pengarah Gred 52, Gred 54. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri untuk menyelesaikan perkara-perkara ini, masalah-masalah dalaman ini yang membuatkan tindakan DBKL agak lesu, agak lemah dan sebagainya. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri dalam soal ini? Kalau boleh yang baru kadang-kadang itu sudah bagi JUSA, sudah bagi SUB...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, faham sudah faham. Cukup Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator dalam soalan tambahan Yang Berhormat Senator tadi ada tiga perkara yang ditimbulkan. Perkara yang pertama adalah berkenaan dengan dasar-dasar yang kita gunakan semasa kita mengendalikan sesuatu isu. Dalam dasar ini dia telah dengan spesifiknya memberitahu tentang cukai.

Dalam perkara cukai ini, perkara cukai ini satu perkara yang kita kendalikan menurut undang-undang yang sedia ada. Ia bukannya sesuatu yang kita buat sesuka hati.

Manakala perkara seperti rumah ibadat dan setinggan ini, kita menjalankan *engagement*. Kita ada *engagement* dengan pihak-pihak yang tertentu, dengan pihak pemaju ataupun pihak DBKL sendiri. Ada kalanya saya sendiri pernah menjalankan *engagement* ini dan kita mencari satu penyelesaian pada masalah tersebut. Akan tetapi adanya pihak-pihak yang setelah bersetuju dengan penyelesaian ini, mereka mengubah minda mereka dan mereka cuba hendak melawan balik. Perkara ini ditimbulkan melalui surat khabar dan publisiti melalui *blog* dan sebagainya. So, itulah sebabnya walaupun kita gunakan dasar yang sudah sedia ada, akan tetapi kadang-kala sesuatu itu terpaksa kita gunakan kaedah lain, dasar lain ataupun *engagement* dengan cara lain, tanpa menggunakan semuanya secara ikut *the book*, tapi *out of the box*.

Perkara kedua berkenaan dengan wang simpanan rizab RM3 bilion. Wang simpanan rizab RM3 bilion ini adalah wang amanah yang telah diberi kepada DBKL untuk menjalankan pelaksanaan projek-projek tertentu. Ia bukan boleh digunakan untuk semua yang kita kehendaki. Ada yang dibayar sebagai ganti kepada parkir yang tidak dapat disediakan oleh pemaju. Ada yang disediakan kerana mereka tidak dapat sediakan jalan yang sepenuhnya kerana tempat-tempat lain belum lagi dibangunkan. Dalam hal ini ada berbagai-bagai wang yang telah dibayar kepada DBKL untuk diamanahkan bagi melaksanakan program-program dan projek-projek.

Ketiga, kenaikan pangkat. Kenaikan pangkat ini DBKL adalah *close service* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab bila ia *close service*, kita mempunyai masalah untuk menaikkan pangkat seseorang ini bila kita tidak ada kekosongan. Walaupun macam Yang Berhormat Menteri Senator cakup kita ada. Okey, katakan jabatan 'A', jabatan 'A' akan menguruskan teknikal. Mereka mungkin dari *background engineering*. Kita tidak boleh ambil *engineering* dan masukkan dalam pentadbiran. Kita tidak boleh ambil yang pentadbiran masuk dalam *engineering* walaupun pada masa sekarang kita sedang mengkaji semula bagaimana kita hendak susun semula di jabatan-jabatan ini dan peruntukan-peruntukan jawatan di dalam jabatan-jabatan ini.

Akan tetapi kita juga mempunyai banyak-banyak kekangan dalam kawasan ini. Jika sekiranya ia *closed service* tetapi walaupun *closed service*, bila kita hendak menaikkan pangkat seseorang itu, kita juga kena dapat persetujuan daripada JPA. So, ini ialah kekangan-kekangan yang kita hadapi semasa kita hendak buat sesuatu penyusunan semula berkenaan dengan jawatan-jawatan di DBKL. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

9. Dato' Khairudin Samad minta Menteri Kerja Raya menyatakan, mengapa kebanyakan jalan dan bangunan yang telah siap mengalami pemendapan dan keretakan, adakah ia disebabkan jalan raya dan bangunan tersebut dibangunkan di atas tanah gambut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerja-kerja asas tanah atau *earth work*, dengan izin, merupakan antara aspek terpenting dalam pembinaan struktur sesebuah bangunan atau jalan.

Kegagalan melaksanakan kerja-kerja asas ini mengikut spesifikasi yang ditetapkan akan memberi risiko berlakunya kes pemendapan bagi sesuatu struktur bangunan atau jalan yang dibina. Di samping faktor tanah seperti tanah gambut yang memerlukan kaedah rawatan tanah yang lebih rumit berbanding rawatan tanah biasa, terdapat juga faktor-faktor lain yang mengakibatkan berlaku kerosakan atau kegagalan dalam struktur jalan. Ini seperti faktor turapan jalan yang telah menjangkau tempoh jangka hayat ataupun *the life span*, dengan izin, bahan binaan yang tidak mengikuti spesifikasi dan kesan beban kumulatif kenderaan atau trafik yang melalui sesuatu jalan itu.

Manakala untuk keretakan berlaku pada bangunan pula. Umumnya terdapat tiga kategori keretakan iaitu keretakan pada permukaan bangunan, *plaster crack*, dengan izin, keretakan pada *apron*, *non-suspended apron*, dengan izin.

Di mana ia berlaku disebabkan masalah mendapan tanah akibat kerja-kerja tanah *earth work*, dengan izin, yang tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi dan keretakan atau kegagalan pada struktur utama bangunan sehingga boleh mengakibatkan keruntuhan disebabkan oleh perbezaan mendapan *differential settlement*, dengan izin, asas bangunan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat terdapat beberapa kaedah pembaikan tanah yang boleh diguna pakai untuk meningkatkan kekuatan struktur tanah seperti penggantian tanah atau melalui kaedah pengukuhan tanah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kaedah pembaikan tanah ini perlu mengambil kira faktor-faktor seperti jenis tanah, struktur bangunan atau jalan, tempoh masa kerja dan peruntukan kewangan. Sekian, terima kasih.

Dato' Khairudin Samad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dapat lihat apa yang berlaku sekarang ini kebanyakannya yang berlaku kerosakan jalan-jalan ini oleh sebab tanah gambut dan saya ingin tahu sama ada kementerian ada memantau atau tidak yang mereka ini yang hendak membangunkan jalan. Kalau tanah itu tanah gambut, ia mesti *clear* tanah gambut itu dulu. Ini bermakna tanah ditimbus dulu sehingga pemendapan itu tidak berlaku seperti saya lihat di negara jiran. Dia ada pemantauan daripada segi untuk hendak perkukuhkan jalan itu ataupun bangunan sebelum dibangunkan. Termasuk juga tanah-tanah yang dilombong. Sekian.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirli: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan tambahan. Yang Berhormat, izinkan saya menjawab dengan menyatakan bahawa kementerian kalau boleh kita elak, kita akan mengelak pembangunan yang dilaksanakan di tanah gambut ya Yang Berhormat. Namun pada masa yang sama kita tidak boleh mengelak disebabkan oleh jajaran jalan itu perlu dilaksanakan di atas tanah gambut.

■1140

Dalam soal ini Yang Berhormat saya ingin menyatakan bahawa sekiranya pembangunan terpaksa dilakukan di kawasan tanah gambut, lazimnya kos rawatan tanah bagi tanah tersebut adalah lebih mahal. Jadi kita akan memastikan bahawa kos rawatan tanah perlu dilaksanakan. Oleh daripada itulah Yang Berhormat melihat bahawa kadang-kadang kos pembinaan jalan raya kita berbeza. Ada kilometer yang agak pendek tetapi melibatkan jumlah yang besar. Antara faktornya disebabkan masalah ini Yang Berhormat ya. Rawatan tanah.

Rawatan tanah ini yang melibatkan tanah gambut ini Yang Berhormat lebih mahal jika kita bandingkan dengan rawatan tanah-tanah yang lain. Ini disebabkan oleh teknologi yang digunakan juga pelbagai. Tidak ada satu teknologi khusus untuk tanah gambut ini kerana dalam erti kata yang lain, ia melibatkan rawatan ini Yang Berhormat lebih melibatkan kepada ketebalan, melihat kepada ketebalan jalan tersebut, daripada segi kejuruteraannya, daripada segi ketinggian tambatan yang perlu dilaksanakan dan faktor-faktor yang lain Yang Berhormat.

Jadi, untuk menjawab kepada persoalan Yang Berhormat itu, memang kita di peringkat kementerian memastikan bahawa rawatan tanah ini perlu dibuat untuk kawasan-kawasan gambut Yang Berhormat. Saya juga ingin berkongsi kepada Yang Berhormat di negara kita sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai hanya lebih kurang 8 peratus tanah yang melibatkan tanah gambut Yang Berhormat ya.

Izinkan saya untuk memberi contoh. Kalau di negeri yang kebanyakannya 8 peratus ini berada di negeri Sarawak Yang Berhormat. Seperti Pekan Sibul sendiri merupakan sebahagian besarnya tanah gambut. Kalau di Semenanjung Malaysia ini di negeri Selangor seperti contoh di Sepang dan sebahagian Kuantan di negeri Pahang juga merupakan tanah gambut. Begitu juga di Johor seperti Batu Pahat, Air Hitam dan sebagainya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

10. Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta Menteri Kewangan menyatakan, status terkini cadangan penswastaan Syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat menjawab, saya ingin menarik perhatian semua. Selamat hari jadi kepada Yang Berhormat hari ini [*Tepuk*]

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Terima kasih, terima kasih. Kali pertama dalam sejarah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang keberapa Yang Berhormat?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kali pertama dalam sejarah dapat ucapan daripada Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang keberapa Yang Berhormat?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ke-48. Tua dah... [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Tahniah, tahniah. Muda lagi. muda lagi. Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada awalnya kerajaan telah menerima cadangan daripada Syarikat MMC Corporation Berhad untuk melaksanakan kajian ketekunan wajar atau *due diligence* dengan izin, bagi tujuan penswastaan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan hasil kajian berkenaan akan dibentangkan kepada kerajaan.

Walau bagaimanapun, MMC telah menyemak semula cadangan mereka dengan mengemukakan cadangan baru yang melibatkan usaha sama antara MMC dengan KTMB untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan dan operasi KTMB. Pada masa ini, kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan atau komitmen mengenai cadangan terbaru berkenaan kerana ia perlu diperhalusi dengan lebih terperinci agar ia benar-benar memberi pulangan terbaik kepada kerajaan dan manfaat kepada rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Chandra.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini hadiah untuk hari jadinya. Dua soalan tambahan. Satu, memandangkan penswastaan ini masih satu *possibility*, buat masa ini belum lagi tetapi satu *possibility*. Adakah kementerian akan meneruskan dengan rancangan Pengerusi Lembaga KTMB untuk mempertingkatkan lagi *capital investment*. Baru-baru ini Pengerusi telah mengeluarkan dalam rancangan KTMB untuk meningkatkan *capital investment* dalam *rolling stock* seperti lokomotif dan infrastruktur. Tujuan saya kalau akan diswastakan, satu *possibility* buat apa kita melabur dulu? Itu soalan yang pertama.

Soalan tambahan yang kedua adakah kementerian telah kaji penswastaan sebelum ini. Kenapakah gagal penswastaan sebelum ini? Contoh Konsortium Mara Unggul pada tahun 1997, sudah swasta kemudian kerajaan ambil balik. Tujuan saya kalau kita sudah dapat kaji supaya kita tidak mengulang kesilapan yang berlaku sebelum ini. Dua soalan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana saya sebut tadi, kita sedang meneliti. Tidak ada lagi cadangan penswastaan tetapi cadangan *joint venture* antara MMC dengan KTMB. Mengenai *capital investment* dengan izin, memang betul kita di bawah kepimpinan baru KTMB iaitu Yang Berhormat Ahli Parlimen Langkawi menjadi pengerusinya yang baru. Beliau begitu bersemangat sekali untuk melaksanakan transformasi dalam KTMB. Kemudian memang sebelum ini Mara Unggul Sdn. Bhd. yang terdiri daripada Renong Berhad 50 peratus Kumpulan DRB 30 peratus dan Bolton Properties 20 peratus memang mengambil alih KTMB dari tahun 1997 hingga 2001.

Pada ketika itu, prestasi perkhidmatan KTMB telah meningkat susulan daripada pengukuhan hasil pendapatan dan pengurangan yang signifikan kepada kos operasi. Namun, KTMB masih pada ketika itu merekodkan kerugian tahunan disebabkan oleh kos operasi yang meningkat setiap tahun.

Berikutan daripada itu, objektif utama penswastan tidak dapat tercapai dan perjanjian pengurusan KTMB dan Marak Unggul tidak dilanjutkan dan ditamatkan pada 31 Disember 2001. Sebenarnya perkhidmatan kereta api di mana-mana pun dalam dunia ini tidak untung sebenarnya. Jadi, kalau mereka ingin melakukan penswastan dan sebagainya, mereka kena fikir dua-tiga kali lah. Ia lebih merupakan khidmat sosial kerajaan pada rakyat. Terima kasih.

11. Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apa tindakan kementerian terhadap 300,000 PATI yang tidak dapat dihantar pulang ke negara asal kerana keengganan negara itu menerima mereka pulang di atas beberapa sebab yang tertentu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menjelaskan. Ini kerana selama ini sepanjang yang saya tahu setahun dalam KDN ini, kita belum perelaskan apakah ertinya istilah PATI itu sebenarnya supaya difahami semua wakil rakyat, Senator dan sebagainya. Masyarakat di luar sana kalau ada pendedahan dalam surat khabar.

Ini kerana istilah ini banyak disalahtafsirkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sekali lagi. Definisi pendatang asing tanpa izin ataupun PATI membawa kepada maksud warga asing yang melakukan kesalahan-kesalahan berikut:

- (i) melakukan kesalahan di bawah seksyen 6(3), Akta Imigresen 1959/63 iaitu tidak memiliki pas permit yang sah untuk masuk dan berada di Malaysia. Ini yang dikatakan pendatang asing. Tidak ada passport dan sebagainya;
- (ii) melakukan kesalahan di bawah seksyen 15(4), Akta Imigresen 1959/63 iaitu tinggal melebihi tempoh pas yang dibenarkan. Maknanya, dia datang sini secara halal menerusi port dan *airport* sebagainya, tetapi dia tidak balik mengikut masa yang telah ditetapkan; dan
- (iii) melakukan kesalahan di bawah Peraturan 39(d), Peraturan Imigresen 1963 iaitu melanggar atau gagal mematuhi syarat pas atau permit yang dikeluarkan.

Hal ini lebih penting lagi Tuan Yang di-Pertua sebab ia menjelaskan bahawa kita mempunyai enam sektor perindustrian. Dia bekerja dalam satu sektor, pindah kepada satu sektor yang lain, ini juga dikatakan PATI. Diistilahkan sebagai PATI. Kalau dijumpai, dia didapati bersalah dan dia diklasifikasikan sebagai PATI.

Umpamanya saya baru balik dari Melaka dan membuat satu penangkapan. Ada seorang itu bekerja dengan syarikat nelayan tetapi syarikat nelayan itu sudah berhenti, sudah gulung tikar. Jadi, dia masih pas cukup, passport ada, semua ada. Hak berada di Malaysia itu ada tetapi dia bekerja di tempat lain, sektor lain, sektor pembinaan. Ditangkap dalam *construction site*. Jadi, dia juga diklasifikasikan sebagai PATI. Jadi, sebenarnya orang ini ada hak di Malaysia tetapi tidak ada hak bekerja di sektor yang berlainan. Jadi, enam sektor itu bercampur aduk dan diklasifikasikan PATI.

■1150

Jadi saya berharap penjelasan ini cukup jelas, kalau boleh itu tanyakan lagi ya? Laporan menyatakan 300 PATI yang tidak dapat dihantar pulang ke negara asal anggaran sahaja jika dipandang dari sudut jumlah yang masih lagi dalam siasatan *Royal Commission of Inquiry on illegal immigrants* di Sabah RCI. Pelarian dari Myanmar yang masih dalam tindakan *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) pelarian Acheh dan Selatan Thai berada di negara kita.

Kerajaan tidak mengiktiraf status pelarian memandangkan Malaysia bukan negara yang menandatangani konvensyen mengenai status pelarian 1921 dan protokol 1967.

Walau bagaimanapun, kerajaan atas dasar perikemanusiaan membenarkan pelarian, “*Yang merupakan parti-parti memegang kad UNCHR yang sah atau tinggal berada sehingga dihantar pulang ke negara asal ataupun ditempatkan di negara ketiga.*”

Tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani masalah apa yang dikatakan sejumlah 300,000 orang pendatang asing tanpa izin atau PATI yang tidak diterima pulang oleh negara asal adalah berbincang dengan pihak kedutaan-kedutaan, wakil-wakil kerajaan negara tersebut terbabit bagi mencari kaedah yang menyeluruh untuk dihantar balik PATI ini.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah mengadakan kerjasama di antara depot tahanan imigresen dan badan-badan bukan kerajaan seperti UNHCR, *International Committee of Red Cross*, ICRC bagi proses penghantaran warga asing berkenaan ke negara ketiga. Dasar terkini mengenai penghantaran pulang PATI menetapkan tambang balik dibiayai oleh PATI sendiri, atau majikan, atau perwakilan negara asing atas waris ataupun waris saudara mara PATI. Usaha ini secara langsung akan dapat mengurangkan kos perbelanjaan kerajaan menjamin PATI dapat dihantar pulang ke negara masing-masing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat *sorry*. Silakan Yang Berhormat Datuk Jamilah soalan tambahan.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan saya, kita melihat bahawa masalah yang berkaitan PATI ini telah bertambah runcing bukan sahaja melibatkan masalah sosial malah banyak lagi masalah lain seperti keselamatan, ekonomi, politik. Jika tidak dibendung dan diambil langkah drastik saya percaya pada suatu hari kelak mereka ini akan mengancam dan menggugat kestabilan, kesejahteraan, kemakmuran dan keselamatan rakyat Malaysia.

Soalan saya pertama iaitu justeru itu saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri adakah kerajaan telah mengkaji ancaman PATI ini sebagai musuh nombor satu negara? Kedua, apakah status terkini Program 6P? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama kerajaan belum lagi mengisytiharkan bahawa kedatangan PATI di Malaysia ini sebagai musuh nombor satu Yang Berhormat. Ini kerana dia kalau kita pandang daripada semua sudut dia belum lagi mendatangkan masalah. Kita buat kajian juga umpamanya masyarakat Myanmar yang berada di negara ini kita dapati mereka tidak banyak melakukan kesalahan-kesalahan keselamatan dan juga jenayah. Bahkan kajian yang dibuat oleh pihak polis menunjukkan bahawa mereka ini hanya berlaku pergaduhan di antara mereka sendiri dan jarang membabitkan dalam tahun 2012 hingga 2013.

Hanya tiga kes sahaja yang didapati yang mana mereka ini membabitkan pergaduhan dengan masyarakat Malaysia itu sendiri. Kebanyakan kes yang kita dapati terlibat pergaduhan antara mereka sendiri. Ini pun telah dapat polis, imigresen, RELA dan JPAM bundungkan. Hingga kini kita tidak lagi mendengar masalah ini berlaku di kalangan pihak ini. Pendatang daripada negara-negara lain umpamanya daripada Aceh, daripada Selatan Thailand juga kita tidak melihat dia membawa gejala keselamatan dan jenayah yang berleluasa di negara kita yang akhirnya iaitu pihak yang di Sabah iaitu pelarian daripada Selatan Filipina.

Ini masih dalam kajian kita oleh sebab kita belum dapat lagi laporan *Royal Commission of Inquiry* yang belum lagi dibentangkan di Parlimen dan belum lagi dikaji oleh pihak kerajaan hingga perkara ini dikaji oleh pihak kerajaan dan diputuskan oleh pihak kerajaan apakah tindakan yang perlu diambil susulan daripada kajian RCI ini barulah kita boleh mengenai status sebenar apakah masalah yang terbesar kita hadapi kalau mereka ini berada di sana dan apakah rintangan dan halangan bakal kita hadapi apabila kita perlu kalau ada mereka ini perlu dihantar balik ke negara asal. Terima Tuan Yang di-Pertua.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) 2014 Bacaan Kali Yang Kedua

11.57 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang yang disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian dari tahun 2013. Bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi bahagian tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus kedua tahun 2013 ini dibentangkan menurut perkara 100 dan perkara 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau kurang diperuntukkan dalam Bajet 2013 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 2013 yang dibentangkan adalah berjumlah RM2,703.6 juta iaitu pertama sebanyak RM311.5 juta tambahan perbelanjaan tanggungan. Kedua sebanyak RM2,392.1 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan.

Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM2,392.1 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut. Sebanyak RM2,099.9 juta adalah untuk pindahan lebih daripada akaun hasil disatukan 2013 ke kumpulan wang pembangunan. Pindahan ini dicaj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 peruntukan kepada kumpulan wang terkanun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1), Akta Prosedur Kewangan 1957 dan bukan satu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2013 yang jumlah RM42,209.8 juta.

Bakinya dibiayai melalui pinjaman dan sebanyak RM292.2 juta adalah bagi merekrut semula jumlah yang telah didahulukan daripada kumpulan wang luar jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2013. Seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 2014.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak RM55.6 juta;
- (ii) Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM53.4 juta;
- (iii) Kementerian Kerja Raya sebanyak RM50 juta;
- (iv) Kementerian Komunikasi dan Multimedia sebanyak RM46.9 juta;
- (v) Kementerian Luar Negeri sebanyak RM28.1 juta;
- (vi) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak RM20 juta;
- (vii) Kementerian Dalam Negeri sebanyak RM16 juta;
- (viii) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sebanyak RM13.8 juta;

- (ix) Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar sebanyak RM8.4 juta;
- (x) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sebanyak RM20 token; dan
- (xi) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM10 token.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2013 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1, Tahun 2014, dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A, Tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sebelum Yang Berhormat semua mulakan bahas, sebagaimana biasa, saya memohon kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat sila kemukakan nama-nama yang ingin menyertai perbahasan ini. Sekarang saya silakan pertama sekali Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Selepas itu Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

12.02 tgh.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang saya berbahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Perbahasan saya bukan panjang, saya ada hanya lebih kurang lima point yang saya hendak sentuh.

Baru-baru ini, Perdana Menteri telah mempengerusikan satu Jawatankuasa Khas untuk komuniti kaum India di mana jawatankuasa ini akan mengkaji, meneliti perkembangan isu-isu berkaitan dengan komuniti kaum India dan akan mengeluarkan program-program untuk meningkatkan dan menyelesaikan masalah-masalah kaum India. Saya hendak ucapkan terima kasihlah kepada Perdana Menteri kerana telah mengambil inisiatif baru ini, menunjukkan *concern* ataupun bagaimana Kerajaan Barisan Nasional memang *concern* dengan kedudukan komuniti kaum India.

Walau bagaimanapun, untuk sesuatu jawatankuasa berjaya ini, setakat menguruskan mesyuarat itu tidak cukup. Kita juga perlukan satu unit khas. Unit khas ini bukan sahaja dianggotai oleh Menteri atau Timbalan Menteri, tetapi juga perlu kakitangan. Kakitangan bukan di pusat tetapi di seluruh tempat, di seluruh penjuru di Malaysia di mana keadaan-keadaan ini, masalah-masalah orang India dikehendaki diselesaikan. Saya hendak tahu, daripada bajet tambahan ini saya tidak nampak apa-apa yang menyebut tentang komuniti kaum India di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak tahu, apakah rancangan Jabatan Perdana Menteri mengenai unit ini dan sama ada akan memasukkan bajet kali ini atau akan membawa ke bajet yang akan dibentangkan pada tahun ini?

Kedua, tentang pendidikan. Saya masih teringat tahun lalu, selepas keputusan SPM dan STPM diumumkan, ada lebih kurang 50 orang pelajar yang telah mendapat keputusan cemerlang, *straight A's* ataupun *4 flat* yang tidak dapat diberikan kursus oleh IPTA untuk bidang yang mereka minat sama ada perubatan ataupun pergigian, tidak dapat. Jadi mereka diberikan bidang-bidang lain.

Apabila saya lihat bajet tambahan ini, daripada Kementerian Pendidikan, saya tidak lihat apa-apa tindakan ataupun bajet untuk memberikan mereka peluang yang mereka minati.

Jadi saya bercadang di sini ataupun fikir lebih baik sebab langkah itu bukan banyak, lebih kurang 50 orang. Kalau kita boleh menyediakan dana khas RM5 juta atau RM6 juta, memberi mereka geran RM200,000 atau RM300,000 untuk mengikuti bidang yang mereka minat sama ada di IPTS atau di luar negeri. Kalau kita boleh buat begitu, saya rasa rakyat yang dapat A, 4 flat ini yang tidak dapat mengikuti, dia akan senang hati. Dia akan lihat kerajaan ini memang *concern* bagi masa hadapan mereka ini.

Ketiga, negara kita akan perlahan-lahan masuk ke dengan izin, *aging nation slowly*. Populasi warga emas pun naik. Walau bagaimanapun, dalam bajet atau bajet tambahan ini, saya tidak melihat apa-apa perenggan yang menyentuh perkara-perkara atau isu-isu tentang warga emas ini. Pada saya, kita mesti menyediakan negara yang agensi-agensi kerajaan menyediakan untuk memberi kemudahan atau mementingkan warga emas ini. Daripada segi insentif yang sedia ada ini iaitu peruntukan sebanyak RM5,000 untuk perubatan, *taxes deduction*, dengan izin, perubatan atau *nursing care* ini, saya rasa tidak cukuplah sekarang. Ia tidak selaras dengan harga pasaran, hendak pergi *nursing* hampir RM1,000, RM1,200 sebulan, tetapi *deduction* untuk keluarga yang mengeluarkan wang untuk ibu atau bapanya, *deduction* RM5,000 ini tidak cukup. Saya rasa masanya sudah tiba kita *review* balik.

Selepas itu, kita mesti hendak *encourage* dengan izin, semua rakyat dalam masa 30 tahun atau 40 tahun membuat pelan untuk *saving*, dengan izin, *for retirement*. Ini kerana EPF atau pencen, saya rasa tidak cukup. Daripada segi *tax* insentif sekali lagi, hanya RM6,000 untuk insurans, EPF pun tidak selaras dengan masa sekarang. Itu pun saya minta Kementerian Kewangan kalau boleh lihat benda ini betul-betul. Berilah satu *equation*, dengan izin, yang lebih selaras dengan pasaran sekarang. Berapa banyak kita bayar untuk insurans, berapa banyak kita bayar untuk *medical care*, berapa banyak kita perlu bayar untuk ibu bapa. Jadi insentif tentang *tax* ini mestilah selaras. Kalau tidak, *does not make sense*, dengan izin.

Keempat, daripada Maksud B.47 mengenai Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya mendapati jumlah pertambahan ini untuk menggalakkan bidang komunikasi, menggalakkan MSC. Jadi nampak macam banyak kita belanja untuk menggalakkan industri ini. Akan tetapi industri telekomunikasi ini memang industri yang begitu cepat, pesat dia berkembang. Tidak galakkan pun, orang pakai *hand phone*. Saya pun tidak tahu kenapa- tetapi, apakah sebab RM40 juta ini digunakan untuk menggalakkan? Kalau kita galakkan, *what is the return*, apa kita dapat balik? Sama ada kita dapat balik pasaran RM2 bilionkah, atau pasaran RM10 bilionkah, apakah kita dapat balik? Saya hendak tahu.

■1210

Satu lagi perkara saya hendak sentuh ini. Dua lagi, tambah satu, baru teringat. Ini tentang KLIA 2. Saya terbaca di akhbar baru-baru ini, saya pun hendak ucapkan tahniahlah, ramai yang telah mengunjungi KLIA baru-baru ini, sambutan yang didapati daripada orang ramai begitu bagus sekali tetapi dalam akhbar juga telah menyatakan bajetnya telah naik begitu banyak. Saya tidak tahu sama ada betul atau tidak betul yang hendak buat rel itu untuk satu kilometer jumlahnya begitu banyak. Kalau betul, kita sebagai kerajaan yang *responsible* beritahu apa *breakdown*. Kalau tidak betul kita *clearkan*, jangan kita bagi persepsi kepada orang yang diceritakan dalam blog ini betul, sebab saya tidak tahu. Saya dengar blog kata RM100 *million per one kilometer*. Betul atau tidak, mungkin tidak betul. Jadi *it's better* kita *clearkan*.

Akhir sekali saya hendak sentuh sedikit tentang kebajikan Ahli Parlimen. Minggu lalu Senator dia buat satu *phrase* bawa pencen balik sampai mati. Saya rasa perkara itu mesti kita lihat dengan lebih mendalam sebab memanglah sekarang ini walaupun sumbangan yang kita dapat itu mungkin nampak banyak daripada gajinya kurang, elaun banyak. Jadi kalau kita boleh buat gajinya lebih. Jadi untuk mereka yang datang ke sini dan selepas itu pencennya bagus sedikit.

Satu lagi Menteri, sebagai Ahli Parlimen kita mendapat satu keistimewaan iaitu mendapat satu AP. Ini satu keistimewaan untuk kami dan dalam bahasa Inggeris *once a lifetime opportunity to own an imported car*. Jadi saya pun telah mengambil peluang ini membawa kereta masuk daripada UK. Akan tetapi sebelum itu memang saya ada buat sedikit *research*, tanya kawan-kawan saya yang pegang AP itu. Apa cukai dan dia beritahu kereta yang hendak dibawa ini cukai lebih kurang RM150,000.

Apabila saya membawa kereta masuk ke Malaysia dan apabila pergi ke Jabatan Kastam saya dikenakan cukai sebanyak RM265,000. Saya terkejut. Saya tanya soalan ke Jabatan Kastam dan dia beritahu saya bahawa cukai yang dikenakan untuk AP persendirian *calculationnya* lain daripada cukai yang dikenakan oleh pemegang AP bumiputera, yang pemegang AP keretalah. Saya beritahu dia saya Ahli Parlimen ini. Ini dalam seumur hidup sekali saya bawa *mai*, lagi mahal hendak bayar cukai daripada RM100,000 lebih. Selepas itu saya jumpa dengan Menteri Kewangan II dan dia bagi diskaun 20%. Walau bagaimanapun cukai itu masih RM205,000.

Saya berpendapat nombor satu kenapa kita mempunyai dua cara. *It doesn't make sense*. Mungkin cara lama itu tidak *direview* tetapi kenapa kita ada dua cara pengiraan cukai membawa kereta sama ada AP persendirian atau pun AP pengimport ini cara pengiraannya lain.

Nombor dua kita Ahli Parlimen. Kenapakah hendak bagi kita keistimewaan ini kalau harga cukai itu lebih tinggi daripada harga pasaran? Jadi kereta yang saya hendak bawa ini sekarang lagi mahal jika saya beli di Malaysia. Sudah enam bulan di Port Klang, saya pun tidak ada wang hendak bawa kereta ini keluar. Saya sudah tulis rayuan kepada Kementerian Kewangan pada 12 Mac. Sehingga hari ini saya tidak dapat apa-apa keterangan.

Akan tetapi saya rasa nombor satu daripada segi dasar pun tidak betul. Saya ingat kalau orang tahu ini, tidak boleh terima. Nombor dua kita Ahli Parlimen ini tidak boleh hendak pergi selalu tunggu di sana hendak jumpa ini, jumpa itu. Kenapakah buat susah untuk kita? Sebab masa kita ini sepatutnya memberi masa kepada rakyat, bukan hendak pergi melobi dengan orang di sana sini, tunggu dua jam, tiga jam, empat jam. Apa gunanya kalau Ahli Parlimen kita *treatment* macam ini. Saya rasa *we say go back to drawing board*. Pergi tengok balik apakah masalahnya. Itu sahajalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya sokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Mulai sekarang kerana masa dan kita ada empat rang undang-undang, saya kena hadkan masa. Kalau boleh dijimatkan lagi baik. Silakan Yang Berhormat.

12.14 tgh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membahagikan perbahasan saya ini kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah umum, melibatkan beberapa persoalan dan bahagian kedua khusus membincangkan kementerian-kementerian dan peruntukan-peruntukan tertentu. Dua perkara yang umum. Pertama ialah tentang perbekalan tambahan. Perbekalan tambahan ini sudah menjadi perkara biasa berlaku setiap sesi dan ada kalanya sekali dan ada kalanya dua kali. Ini akan menambahkan defisit. Defisit perbelanjaan negara sentiasa negatif, defisit sentiasa berlaku selama 15 tahun.

Jadi ingin saya mengemukakan soalan. Kita tahu bahawa kerajaan bercadang dan cuba untuk mengurangkan defisit ini. Adakah pernah difikirkan cara-cara yang paling efektif untuk mengurangkan ataupun menghapuskan defisit ini? Saya rasa perlu dikaji secara serius bagaimanakah hendak mencapai itu? Ada kalanya memang bagus defisit, ada kalanya memang perlu surplus. Akan tetapi dalam keadaan sekarang ini mungkin kita perlu fikirkan hal ini.

Perkara kedua saya lihat tidak kurang daripada sepuluh kementerian ditentukan bekalan tambahan yang disebut sebagai tanda atau token.

Tanda ini melibatkan ada yang RM10, ada melibatkan RM20, ada RM50, ada RM80. Dua soalan yang timbul di sini ialah: pertama adakah difikirkan ataupun dibayangkan, kerana tidak ada disebut di sini, berapakah maksimum yang boleh misalnya ditambah bagi token-token itu? Jadi ertinya ada atau tidak *ceilingnya*.

Soalan kedua ialah: adakah nanti akan dibentangkan kepada Parlimen perbelanjaan-perbelanjaan yang bertambah akibat daripada token-token tersebut kerana saya percaya apabila token, tidak itulah yang dikehendaki bukan RM10, bukan RM20, bukan RM80 tetapi jauh lebih besar akan dibelanjakan.

Sekarang saya pergi kepada perkara yang khusus. Pertama sekali ialah maksud B.6 dalam perbelanjaan bekalan. Saya ambil perbelanjaan bekalan dahulu. B.63 menyebutkan sebanyak RM8 juta adalah bagi menampung kos operasi dan pentadbiran ESSCOM. Ada seorang pegawai tinggi polis yang bersara yang dilaporkan dalam akhbar sebagai mengatakan bahawa ESSCOM ini membuang masa dan membuang duit sahaja. Saya kurang bersetuju dalam hal ini kerana saya rasa ESSCOM ini penting bukan sahaja untuk menjaga keselamatan terutama apabila berlaku misalnya penculikan dan sebagainya.

Akan tetapi kita harus menjaga sempadan kita, kawasan laut kita. Di sini saya rasa kita memerlukan bukannya belanja yang sedikit di sini bahkan lebih banyak lagi. Sepatutnya perbelanjaan diperuntukkan bagi menjamin keselamatan di pantai terutama di Sabah. Jadi di sini saya ingin bertanya adakah akan bertambah nanti peruntukan itu?

Pergi kepada B.21 ini daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Peruntukan sebanyak RM20 juta adalah dikehendaki untuk pembiayaan keperluan perbelanjaan insentif hasil tangkapan. Memang kita perlukan insentif untuk menambahkan tangkapan, untuk menambahkan bekalan ikan dalam negara ini supaya ikan lebih murah barangkali dan tidak bergantung misalnya kepada negara-negara luar yang kita import ikannya.

■1220

Akan tetapi sehubungan ini saya rasa perlu difikirkan masalah ini iaitu banyak ikan yang ditangkap oleh nelayan-nelayan di sini dijual ke luar. Misalnya dijual di negara-negara yang berdekatan dengan kita di sebelah utara dan juga sebelah selatan. Adakah penting bagi kita untuk memastikan bahawa ikan yang ditangkap oleh nelayan-nelayan kita seharusnya dijual di negara ini juga? Akan tetapi ini saya rasa memerlukan satu syarat. Syaratnya dan insentifnya ialah mesti harga yang baik dapat ditawarkan kepada mereka. Kalau harganya terlalu rendah dibandingkan di luar tentu mereka menghantar ke luar. Salah satu sebab misalnya harga ikan murah ialah kerana bila sampai sahaja ikan, dia boleh dikatakan sudah monopoli pembeliannya oleh orang-orang tengah. Kita telah banyak mendengar daripada Menteri dua hari lalu tentang bagaimana umpamanya orang tengah ini menentukan harga yang murah bagi nelayan-nelayan ini.

Jadi saya ingin bertanya, adakah akan dilaksanakan cara-cara untuk memastikan bahawa harga yang baik dapat diperoleh sama ada dengan penentuan koperatifkah ataupun agensi-agensi yang lain? Sekarang saya berpindah kepada...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang ikan dijual kepada negara asing. Jadi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, nelayan itu bukanlah bodoh sangat. Mestilah mereka pilih harga yang terbaik untuk menjual ikan mereka. Kenapa tidak? Kalau dijual kepada negara lain apabila mereka boleh dapat untung lebih serta mengalirkan wang asing ke Malaysia serta membangunkan ekonomi negara kita? Itu sahaja. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya sudah kemukakan pada pandangan saya tadi. Saya mengatakan salah satu sebab dijual di luar ialah harga baik. Itu sebab mesti ada insentif supaya mereka menjual dalam negara dan insentifnya ialah harga. Jadi tentang koperatif dan agensi boleh dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Berpindah kepada maksud B.23 iaitu nombor lima, sebanyak lebih RM5.6 juta adalah diperlukan untuk melaksanakan Program Kerjasama Konservasi *Giant Panda*. *Giant Panda* sebanyak dua ekor ini dibawa dari negara China dan kalau tidak salah saya dibeli ataupun dipinjamkan dengan harga yang agak mahal iaitu RM3 juta ke RM4 juta. Saya tidak pasti harga yang sebetulnya.

Kalau kita lihat misalnya perbelanjaan perbekalan seluruhnya, untuk perbelanjaan bekalan tambahan bagi panda ini ialah keseluruhannya RM10 juta yang ada dalam dokumen di sini. Sebelum daripada ini saya percaya telah diluluskan sebanyak RM25 juta. Jadi kalau RM25 juta, tambah dengan RM10 juta dan tambah pula bagi bayaran untuk panda itu, bererti sudah menjadi kira-kira RM40 juta. Jadi soalan saya ialah kenapakah perbelanjaan begitu tinggi untuk panda ini? Saya sedar bahawa membeli panda ataupun menunjukkan panda ini akan merapatkan lagi hubungan diplomatik di antara dua buah negara. Akan tetapi kita hendak tahu juga sama ada bila kita ada tempat pameran panda ini kita boleh dapat modal balik daripada yang kita belanjakan sebanyak itu.

Maksud B.27 iaitu nombor enam, RM50 juta adalah diperlukan bagi membiayai kos kerja-kerja membaiki kerosakan infrastruktur jalan-jalan rosak akibat banjir di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Saya rasa memang perlulah membaiki jalan-jalan yang rosak ini. Akan tetapi terutama di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak, keadaan jalan adalah sangat teruk. Kanak-kanak sekolah kadang-kadang kena jalan berbatu-batu sebelum sampai ke sekolahnya. Bertolak dari rumah pagi-pagi, ini selalu diberitakan dalam akhbar misalnya. Jadi saya berharap bahawa pihak Kementerian dan pihak kerajaan akan menambahkan lagi peruntukan terutama kepada kawasan-kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak untuk membanyakkan jalan-jalan yang baru selain daripada membaiki jalan-jalan yang sedia ada.

Akhir sekali Kementerian Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, saya akan membincangkan Kementerian Dalam Negeri ini pada yang akhir nanti. Akan tetapi sebelum itu saya hendak pergi dahulu kepada perbelanjaan pembangunan iaitu Kertas Perintah 2A, daripada P.23 hingga P.42, kita lihat di situ peruntukan-peruntukan token yang saya sebut tadi. Saya harap kalau boleh di tiap-tiap kementerian nanti akan disebutkan berapa yang dibelanjakan akhirnya tambahan daripada token ini.

P.22 - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu sebanyak RM72 juta. Saya tidak mahu menyangkal ataupun menentang tambahan di sini sebab saya rasa Kementerian Luar Bandar dan Wilayah ini sebagaimana yang saya tekankan ataupun Kementerian gesa, ya? Memang perlu mendapatkan tambahan yang seumpama itu. Bahkan saya sentiasa menyatakan peruntukan bagi kawasan luar bandar, golongan miskin mesti ditambah banyak lagi. Mungkin 10 kali ganda daripada ini. Ini kerana merekalah yang memerlukan bantuan sepenuhnya. Kita tahu bahawa sebahagian besar daripada mereka adalah orang Melayu dan Bumiputera. Kalau kita menambahkan perbelanjaan itu, bererti kita akan dapat menambahkan dan menaikkan lagi taraf hidup mereka.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membincangkan tentang Kementerian Dalam Negeri tadi. Bekalan tambahan diminta bukan sahaja untuk pembangunan tetapi juga untuk yang lagi satu itu. Antara misalannya menambahkan perbelanjaan untuk membeli motosikal dan sebagainya. Ada disebutkan juga di sini untuk memperbaiki keadaan tempat tahanan perlindungan. Saya percaya yang di Taiping dan sebagainya. Memang ada perkara-perkara yang harus ditambah baik di sana berdasarkan pengalaman-pengalaman, orang tahanan, termasuklah saya. Akan tetapi selain daripada menjadi tahanan politik dan tahanan perlindungan, saya juga pernah dimasukkan ke dalam lokap polis bersama dengan penjenayah-penjenayah selama beberapa hari.

Keadaan di lokap-lokap tersebut adalah sangat buruk. Umpamanya, pengalaman saya dalam misalannya sel 10 kaki kali lapan kaki (10 kaki x 8 kaki) dimasukkan di situ antara lapan hingga sepuluh orang.

■1230

Jadi berasak macam sardin. Jamban adalah dalam sel itu. Kalau hendak mandi beramai-ramai di bahagian lapang, bertelanjang. Saya rasa ini boleh menghina manusia dan tentulah bertentangan dengan kehendak agama.

Saya berharap bahawa keadaan terutama di sel-sel polis ini dapat diperbaiki. Ia bukanlah kita hendak jadikan ia hotel atau sebagainya tetapi sekurang-kurangnya biarlah bersesuaian dengan taraf manusia. Ini kerana saya pernah misalnya kalau tidak salah, sekali dalam tahanan di sel ini bersama-sama dengan Tuan Syed Shahir dan dapat menjelaskan misalnya apa yang sebenarnya berlaku.

Satu lagi yang penghabisan dan saya harap sangat Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya bercakap tentang perkara ini ialah berkenaan dengan perlunya pemantauan dalam sel-sel penjara ini. Pemantauan saya tidak tahulah macam mana. Adakah dengan adakan CCTV? Kalau CCTV misalnya perlu difikirkan buruk baiknya Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang soal privasi dan sebagainya perlu difikirkan juga. Akan tetapi saya harap kajian akan dibuat. Ini ialah kerana sudah berlakunya beberapa kes kematian dalam dan luar sel. Saya telah mengumpulkan beberapa maklumat yang rasmi dan saya hendak kemukakan di sini.

Menurut Kementerian Dalam Negeri, seramai 147 orang mati dalam tahanan polis antara bulan Januari 2000 hingga bulan Februari 2010. Hanya tiga tahun kemudian, maklumat yang diterima di Parlimen pada 26 Jun 2013, daripada kerajaan, sebagai jawapan kepada soalan Menterimengumumkan sebanyak 231 orang mati dalam tahanan antara tahun 2000 hingga 2013. Kebanyakan daripada mereka ini adalah orang Melayu.

Pada bulan April 2010, seorang yang bernama Aminul Rashid bin Hamzah 15 tahun telah ditembak mati dalam keretanya di Shah Alam Selangor. Kemarahan umum terhadap kematian pelajar menyebabkan siasatan kerajaan terhadap peraturan tersedia mengenai kekerasan dan senjata api. Siasatan kerajaan mengakibatkan pindaan kepada peraturan tersedia tetapi penemuan siasatan tidak pernah diumumkan.

Jadi berkaitan dengan ini, saya juga ingin menambah bahawa Kementerian Dalam Negeri menubuhkan panel khas berhubung dengan Aminul Rashid ini yang diketuai oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu pada waktu itu Yang Berhormat Datuk Wira Abu Seman Yusop untuk membuat siasatan. Pada 15 September, Mahkamah Seksyen Shah Alam menjatuhkan hukuman lima tahun ke atas Koperal Jenain Subi atas kesalahan yang menyebabkan kematian Aminul Rashid bin Hamzah. Setelah diyakinkan bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan di luar keraguan munasabah bahawa peluru yang menyebabkan kematian pelajar sekolah itu merupakan salah satu daripada 21 biji peluru yang ditembak oleh Koperal Jenain Subi.

Kemudian satu kes lagi menyebabkan Mohd Shamil Hafiz Shafie, ini di luar lokap ya, bukan di dalam lokap. Mohd Shamil Hafiz Shafie berumur 15 tahun, Mohd Khairul Nizam Tuah 20 tahun, Mohd Hanafi Omar 22 tahun di Glenmarie, Shah Alam pada 13 November 2010. Polis menembak dan membunuh Mohd Shamil Hafiz Shafie, 15 tahun dan ketiga-tiga ini. Polis mendakwa bahawa ketiga-tiga mereka ini merompak stesen minyak dan mereka kemudian menyerang polis dengan parang memaksa polis untuk menembak mereka. Ketiga-tiga mereka mengalami luka kena tembak di dahi dan dada.

Laporan *postmortem* Mohd Shamil Hafiz Shafie mendapati sisa serbuk letupan di bajunya dan membuat kesimpulan bahawa peluru memasuki badannya pada sudut *trajectory* 45 darjah, mencadangkan beliau telah ditembak pada jarak dekat dan tidak pada jarak jauh seperti yang diterangkan oleh pihak polis. Jadi ini di luar dari lokap, banyak juga misalnya kes yang di dalam lokap. Saya ada banyak contoh. Saya hendak baca satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada masa ringkas lagi untuk tamatkan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Ya, saya minta kemukakan satu contoh lagi sebab semua contoh ini saya akan serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua sebab Tuan Yang di-Pertua hendakkan *documentary proof* tentang hal-hal yang saya sebutkan dahulu. Akhir sekali ialah Kugan a/l Ananthan, umur 20 tahun Subang Jaya, Selangor. Pada 20 Januari 2009, Kugan a/l Ananthan mati tidak lama selepas dipukul dengan teruk di Balai Polis Taipan, Subang Jaya. Autopsi pertama memutuskan bahawa Kugan telah mati disebabkan *edema pulmonary* ataupun berlendir dalam paru-paru.

Kesimpulan ini dipertikaikan oleh *post mortem* kedua yang mendapati bahawa kematian Kugan disebabkan oleh kegagalan buah ginjal akut atau buah pinggang, disebabkan trauma pukulan benda tumpul ke atas otot skalenus. Walaupun 12 orang pegawai polis digantung kerana memukul Kugan hingga mati dalam tahanan polis, pada bulan Januari 2009, hanya seorang pegawai konstabel polis iaitu Navindran a/ Vivekanandan dibicarakan dan didapati bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan contoh-contoh ini. Pertama sekali sebab saya katakan terpaksa dibaiki keadaan di penjara dan di luar. Kadang-kadang kita tidak mahulah pihak polis ini dianggap suka-suka sahaja menembak orang. Jadi anggapan saya katakan, ya dan untuk mengatasi anggapan ini kita harus latih pegawai-pegawai polis daripada segi undang-undang, etika dan daripada segi kemanusiaan apakah yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Ini memerlukan perbelanjaan dan itu sebab saya kaitkan dengan bekalan perbelanjaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin. Kita had masa tidak lebih daripada 30 minit Yang Berhormat. Kalau lagi ringkas lagi baik kerana kita ada empat lagi rang undang-undang yang penting. Silakan Yang Berhormat.

12.38 tgh.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk saya turut serta dalam perbahasan Akta Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengemukakan perbekalan tambahan sebanyak RM2.3 bilion daripada kumpulan wang disatukan bagi perbelanjaan tambahan bagi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan ke Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun dan kementerian-kementerian lain.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh Butiran B.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam yang memohon peruntukan tambahan sebanyak RM55,600,000 bagi tujuan untuk menampung pembayaran rawatan perubatan Pesara Awam Persekutuan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang sentiasa prihatin kepada penjawat awam dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah berkhidmat dan menyumbang bakti kepada negara. Saya juga ingin mencadangkan agar kemudahan rawatan perubatan kepada penjawat awam dan anggota ATM ini dapat dipanjangkan kepada bekas penjawat awam berjawatan kontrak yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun dan anggota ATM yang berhenti sebelum 21 tahun berkhidmat bagi memastikan jaringan sosial yang berterusan.

■1240

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan maksud B.13 – Kementerian Luar Negeri berhubung dengan peruntukan 030100 – Politik dan Keselamatan Pelbagai dan Perlucutan Senjata berjumlah RM4.9 juta dan peruntukan 030400 – Hal Ehwal Islam Pelbagai Hala sebanyak RM23.1 juta. Saya ingin mendapatkan penjelasan Tuan Yang di-Pertua yang selanjutnya daripada kerajaan khususnya Kementerian Luar Negeri berhubung dengan kedua-dua perbelanjaan ini.

Saya dapati daripada penjelasan memorandum perbendaharaan yang menyatakan peruntukan tambahan berjumlah RM28.1 juta ini adalah bagi membiayai kos operasi Kementerian Luar Negeri. Saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah peruntukan tambahan bagi hal ehwal Islam pelbagai hala ini dapat dimanfaatkan kepada hubungan negara ini dengan negara-negara Islam lain?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah pendirian Malaysia sebagai negara anggota OIC terhadap keadaan dan situasi yang sedang berlaku di Palestin, Syria dan Mesir. Tuan Yang di-Pertua, konflik di Syria yang bermula pada Mac 2011 lalu dengan tunjuk perasaan awam iaitu sebahagian daripada kebangkitan *Arab Spring* yang meluas dan merebak kepada pemberontakan di seluruh negara dan seterusnya telah mencetuskan perang saudara pada 2012. Konflik di Syria telah mengorbankan berpuluh ribu orang awam. Begitu juga krisis di Mesir yang terus meruncing dan tindakan yang sama mendukacitakan ke atas pengikut Ikhwan Mukminin semenjak akhir-akhir ini.

Penyatuan nasional yang mengembalikan sistem demokrasi di Mesir semakin sukar. Konflik di Syria dan krisis Mesir memerlukan perhatian pertubuhan kerjasama Islam OIC supaya pembunuhan sesama umat Islam ini dapat dihentikan. Dalam masa yang sama Malaysia berpotensi menjadi jambatan harmoni bagi mewujudkan perdamaian dan semangat sejagat demi kepentingan Palestin. Kejayaan Malaysia menjadi perantara membantu proses perjanjian damai di antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) adalah amat membanggakan. Tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak yang menjadi ikon mewujudkan kedamaian sejagat. Jadi, apa langkah kerajaan bagi memainkan peranan yang lebih berkesan bagi keamanan Palestin, Syria dan Mesir khususnya melalui pertubuhan kerjasama Islam OIC ini?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan tambahan peruntukan B.29 – Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air, 070200 – Program Pendidikan Pengguna Utiliti Air berjumlah RM13.8 juta yang bertujuan bagi membiayai pelaksanaan pelan komunikasi bagi pengurusan perkhidmatan bekalan air negara. Saya ingin mendapatkan penjelasan terperinci kerajaan berhubung dengan pelan komunikasi bagi pengurusan perkhidmatan bekalan air negara ini dan kepentingannya kepada awam dan penggunaan bekalan air negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan peruntukan tambahan bagi peruntukan tambahan maksud P.22 – Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu butiran 00300 – Pusat Sumber Masyarakat dan 00800 – Teknologi Maklumat ICT sebagai peruntukan tanda untuk mewujudkan butiran bagi membolehkan pindaan peruntukan dari butiran projek yang lain. Saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut KLBW berhubung dengan pelaksanaan kedua-dua cadangan ini. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan bilangan pusat info desa yang telah diwujudkan di seluruh negara hingga kini. Apa status pusat-pusat desa masa kini dan sambutanannya pada masyarakat, serta apakah langkah untuk menarik lebih ramai penduduk desa celik IT?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan peruntukan tambahan bagi maksud P.43 – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu bagi butiran 31000 – Perolehan Kenderaan, Helikopter dan Kelengkapan Bomba sebanyak RM12 juta untuk membiayai perolehan *emergency medical rescue services* dan kenderaan penarik iaitu *prime mover*. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sejauh manakah pembelian peralatan bomba ini dapat meningkatkan kecekapan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM).

Berhubung dengan JBPM ini, saya ingin mendapatkan penjelasan berapakah bilangan balai bomba sedia ada seluruh negara dan nyatakan bilangan balai bomba yang akan dibina JBPM hingga tahun 2020 bagi mengimbangi pembangunan pesat negara. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan anggota baru bomba untuk JBPM dan anggota bomba bantuan dan pasukan bomba sukarela. Saya ingin juga mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua untuk mendapatkan penjelasan sejauh manakah anggota JBPM dilindungi insurans. Saya juga ingin mencadangkan agar gaji anggota JBPM dikaji supaya setanding dengan anggota keselamatan seperti polis dan Angkatan Tentera Malaysia.

Itu sahaja perbincangan saya Tuan Yang di-Pertua dan sekian saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang terbuka untuk dibahaskan. Saya tidak ada terima nama siapa-siapa yang hendak berbahas lagi. Silakan...

12.47 tgh.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila kemukakanlah kalau boleh. Senang saya buat percaturan masa. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih kerana memberi ruang ini dan sehingga 12 minit lagi saya akan sudahkan ucapan saya.

Pertamanya mengenai maksud B.13. Maksud B.13 ini ialah peruntukan untuk Kementerian Luar Negeri. Saya ingin menanyakan kepada kerajaan berhubung dengan status sama ada pembelian atau pembangunan di pejabat wakil-wakil kita di Switzerland, di Geneva khususnya. Sepertimana yang kita maklum bahawa di Geneva itu merupakan pusat kepada badan-badan antarabangsa, antaranya ialah *United Nations, World Trade Organization*, dengan izin, ILO dan sebagainya.

Kita memang menghantar wakil-wakil yang terdiri daripada Menteri hinggalah kepada pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai tinggi dan juga wakil-wakil badan lain setiap tahun untuk menghadiri persidangan-persidangan yang penting yang melibatkan negara-negara anggota *United Nations, World Trade Organization, ILO* dan sebagainya. Umum mengetahui bahawa sewa dan bayaran perkhidmatan termasuk hotel dan sebagainya meningkat dari semasa ke semasa di Switzerland, khususnya di Geneva. Kita dapati bahawa sebahagian daripada negara-negara lain mempunyai bangunan mereka sendiri.

■1250

Dalam kata lain, ertinya apabila ada wakil daripada negara mereka, mereka tinggal atau ditempatkan di bangunan yang telah disediakan. Ertinya tidak perlu menyewa lagi. Jadi, pertanyaan saya ialah, adakah usaha untuk membangunkan bangunan atau tempat dan kalau perlu tempat kediaman sementara bagi wakil-wakil kita yang menghadiri persidangan tersebut sebab saya tahu misalnya ada negara-negara termasuk Singapura mempunyai bangunan mereka sendiri di tengah-tengah kota Geneva itu. Ini boleh menyelamatkan wang kerajaan dan wang rakyat, itu yang pertama.

Keduanya mengenai kos operasi ini. Apakah yang dimaksudkan dengan kos operasi ini? Kita ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai kos operasi sepanjang mengenai Maksud B.13. Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Maksud B.27, yang ini mengenai Kementerian Kerja Raya. Permintaannya ialah RM105 juta untuk projek pembaikan cerun bagi Jalan-jalan Persekutuan. Saya mohon disenaraikan, apakah projek-projek tersebut?

Seperti mana yang kita maklum, memang tidak lama dahulu telah berlaku tanah longsor di Jalan Mahameru berhadapan dengan Wisma Tani. Di mana *alhamdulillah*, tidak ada kemalangan yang melibatkan jiwa. Namun cukup untuk mengharukan perjalanan trafik pada waktu itu. Ada pandangan yang berbeza sepanjang mengenai lungsurnya tanah di tebing cerun tersebut. Namun itu soal yang lain, yang perlu diberi perhatian ialah ada banyak lagi jalan-jalan yang kita perhatikan sekarang ini berhampiran dengan cerun-cerun tersebut dan dalam beberapa hari ini sahaja kita lihat setiap petang hujan berlaku. Kalau kita tidak pantau ini, ada kemungkinan akan berlaku lagi. Ini kalau boleh mohon diberi perhatian oleh Kementerian Kerja Raya kerana kalau sudah berlaku kemalangan tidak ada ertinya lagi kalau kita meratap sekali pun.

Perkara yang ingin saya timbulkan lagi mengenai jalan curam daripada Genting Highlands menghala ke bawah, pulang pergi. Seperti mana yang kita maklum, telah berlaku kemalangan atau kecelakaan lalu lintas iaitu pada Ogos 2013 yang melibatkan sebuah bas yang berulang-alik daripada Genting Highlands ke Kuala Lumpur, yang mengorbankan lebih daripada 30 nyawa. Secara khusus 37 nyawa.

Jadi, yang ingin saya tanyakan ialah siapakah yang bertanggungjawab dalam mengurus dan menjaga jalan tersebut? Memang kita tahu bahawa setiap tahun Kerajaan Pusat atau *Federal Government* memberikan sejumlah wang kepada negeri-negeri untuk menguruskan Jalan-jalan Persekutuan, itu tidak dinafikan. Namun dalam hal ini, saya ingin tanya mengenai jalan Genting Highlands ke terowong Genting Sempah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali adalah berhubung dengan Maksud B.21 iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yakni dimohon sebanyak RM20 juta. Saya ingin tahu, apakah yang dimaksudkan dengan perbelanjaan insentif hasil tangkapan nelayan? Adakah ini melibatkan nelayan-nelayan pantai? Oleh sebab kita tahu bahawa nelayan-nelayan pantai merupakan penangkap ikan ataupun orang yang terlibat dengan bot-bot kecil. Biasanya mereka tidak mempunyai kelengkapan untuk menangkap ikan sehingga jauh dari pantai. Jadi, soalan saya ialah apa yang dimaksudkan dengan insentif hasil tangkapan ikan ini?

Sementara kita bercakap mengenai hasil ini, kita juga maklum bahawa sekarang ini jelasnya banyak hasil ikan yang dulunya pernah kita mudah dapati. Sebagai contoh misalnya, ikan terubuk. Kalau di Johor, di Muar atau di Batu Pahat memang terkenal dengan ikan terubuk. Akan tetapi sekarang ini memang susah untuk kita dapat ikan tersebut malah *supply* atau bekalan yang kita dapat dari Bangladesh ataupun dari Myanmar. Begitu juga dengan ikan parang, yang satu waktu dulu kalau di Melaka terkenal dengan ikan parang. Sekarang ini sukar bagi kita untuk mendapatkan bekalan ikan parang.

Soalnya ialah, apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian yang berkenaan dalam memastikan bahawa benih ataupun induk ikan-ikan ini berada di perairan kita? Malah kalau misalnya kita ke Sarawak, peniaga di Sarawak itu akan menyatakan kepada kita bahawa ada dua pilihan. Sama ada kita mahu beli terubuk yang berasal dari Sebuyau atau terubuk yang berasal dari Bangladesh. Kalau pergi ke Pasar Satok sebagai contoh, kita akan dapati keadaannya yang berbeza sekali dengan 15, 20 tahun yang lampau. Soalnya ialah apakah yang telah berlaku kepada hal yang telah saya maklumkan tadi?

Akhir sekali ialah saya juga berminat untuk tahu daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berhubung dengan maksud B.23 iaitu sebanyak RM8,439,150 bagi pertamanya, untuk melaksanakan Program Kerjasama Konservasi *Giant Panda* ini. Jadi saya ingin tahu, apakah nilai tambahnya kepada kita? Keduanya ialah berhubung dengan wang sebanyak RM2,790,350 untuk menampung perbelanjaan darurat bagi kerja-kerja kecemasan pembaikan cerun runtuh di laluan masuk seperti mana yang dinyatakan di Institut Alam Sekitar, Bangi. Apakah maksud ini? Seperti mana yang telah dinyatakan dalam maksud B.23 itu. Itu sahaja yang hendak saya sampaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat berhenti betul waktu masanya. Jam pun sudah tepat jam 1. Kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang ini. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

2.30 ptg.

[YB Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah mempengerusikan Mesyuarat.]

2.30 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita teruskan perbahasan petang ini dengan saya mempersilakan Dato' Dr. Johari bin Mat dalam senarai ini. Yang Berhormat Tuan Syed Shahir sudah selesai sudah? Tuan Syed Shahir ada? Ada ya.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Cukup, cukup.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Cukup? Tidak mahu tambah lagi?

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Cukup untuk jimatkan waktu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Langkah berjimat cermat Yang Berhormat Tuan Syed Shahir memberi peluang untuk Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam membincang Akta Perbekalan Tambahan (2013) 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut beberapa perkara di sini. Pertama sekali peruntukan yang dipohon di sini ialah sebanyak RM2,392,077,572 daripada Kumpulan Wang Disatukan. Saya melihat di sini ada 12 kementerian yang telah mengemukakan senarai di sini yang telah memohon untuk mendapatkan peruntukan ini. Sementara itu kementerian-kementerian lain tidak dicatat. Saya mengucapkan syabas kepada semua kementerian yang tidak memohon untuk tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut di sini beberapa perkara dan saya terus pergi kepada *points* untuk menjimatkan masa. Pertama ialah saya ingin merujuk kepada B.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam. B.7 ini kita melihat tambahan sebanyak RM55 juta lebih dikehendaki untuk menampung pembayaran rawatan perubatan Pesara Awam Persekutuan dan Angkatan tentera Malaysia.

Saya rasa ini merupakan satu tanggungjawab sosial yang perlu diberi perhatian. Cuma saya ingin tahu sebenarnya berapa banyak jumlah tahun-tahun lepas bayaran rawatan perubatan pesara awam dan tentera ini? Kalau boleh kita hendak tahu sebanyak mana. Ini merupakan satu perkara yang penting kepada kita.

Kemudian saya hendak pergi kepada B.21 iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yakni Kertas Perintah 1 iaitu di sini kita melihat Kementerian Pertanian memohon RM20 juta untuk insentif hasil tangkapan nelayan. Jadi bagi saya sebenarnya di sini tidak sebut tentang bagi pertanian mungkin sudah cukup, nelayan sahaja. Untuk petani-petani lain yang menanam padi dan sebagainya nampaknya tiada permohonan. Ertinya sudah cukup di situ.

Apa yang saya hendak bangkit di sini ialah saya melihat dalam saya berjalan di mana-mana, banyak tanah terbiar, tanah pertanian terutama tanah padi yang tidak diusahakan dan terbiar. Saya melihat pihak kementerian boleh memikirkan bagaimana memajukan tanah-tanah sawah yang terbiar ini kerana kita tahu, saya melihat semakin hari semakin kurang tanah ini diusahakan dan digunakan. Alangkah baiknya kalau sekiranya hal ini boleh diberi perhatian supaya peningkatan hasil tani kita bertambah dari semasa ke semasa. Pada waktu yang sama petani kita dapat melakukan kerja-kerja lain selain daripada menanam padi.

Saya hendak pergi kepada kementerian B.27 - Kementerian Kerja Raya. Peruntukan sebanyak RM50 juta diperlukan bagi membiayai kos kerja-kerja membaiki kerosakan infrastruktur jalan-jalan yang rosak akibat banjir Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kita mengetahui bahawa setiap kali banjir jalan tetap rosak, berlubang dan membahayakan. Jadi kita merasakan ini satu kewajaran. Cuma saya ingin menyarankan supaya dipercepatkan pembaikan itu sebaik sahaja banjir selesai kerana saya pengguna jalan raya yang setia.

Apabila sahaja lepas hujan lebat ataupun apa lagi selepas banjir jalan ini akan berlopak dan kadang-kadang lopaknya besar. Kalau sekiranya motosikal mungkin terjatuh akan membahayakan. Begitu juga kenderaan lain seperti kereta atau sebagainya. Ini boleh mengelakkan daripada kemalangan jalan raya.

Seterusnya saya ingin pergi kepada Kertas Perintah 2. Dalam Kertas Perintah 2 ini ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan. Pertamanya ialah berhubung dengan P.6. Dalam P.6 ini ada disebut di situ butiran projek 11900 - baru disebut di situ. Saya hendak mendapat penjelasan dan maklumat daripada pihak kementerian maksud baru itu.

Apakah maksud baru? Baru ini adakah baru diluluskan di peringkat kementerian atau baru bagaimana? Kita hendak tahu penjelasan ini. Kedua, adakah projek ini baru diluluskan di peringkat kementerian ataupun maksudnya bagaimana? Oleh sebab saya tengok ada yang tidak tulis baru. Ada yang sebut baru. Jadi ini boleh beri penjelasan di situ.

Saya mengalu-alukan projek ini iaitu Jabatan Perdana Menteri 11900 - Bangunan Baru Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Ini bagi saya dapat melicinkan lagi pentadbiran Mahkamah Syariah yang sedia ada dengan dapatnya bangunan yang baru.

Kemudian saya hendak pergi kepada P.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga memohon peruntukan untuk membina jalan-jalan luar bandar.

■1440

Saya ingin dapat maklumat di sini. Kementerian Kemajuan Luar Bandar juga membina jalan. Kementerian Kerja Raya juga membina jalan. Saya yakin tidak ada pertindihan di situ tetapi cuma saya hendak tahu jalan yang macam mana Kementerian Luar Bandar laksanakan dan begitu juga Kementerian Kerja Raya?

P.23, 4.2 – Jabatan Alam Sekitar. Saya melihat di sini peruntukan diperlukan sebanyak RM2 juta untuk membiayai program pengawasan hutan melalui udara yang baharu diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi. Hutan kita ini, alam sekitar ini merupakan salah satu daripada komponen kehidupan insan dan untuk memberi kesejahteraan kepada semua masyarakat.

Jadi saya lihat hal yang berlaku di dalam masyarakat kita ini seperti jerebu. Jerebu ini sudah menjadi seperti ulang tahun begitu, setiap tahun berlaku. Jadi saya hendak tahu dari Jabatan Alam Sekitar langkah-langkah yang telah diambil, dirancang supaya jerebu ini tidak berulang dan begitu juga kalau berulang, ia boleh dapat atasi dengan program atau langkah-langkah yang konkrit. Kita tahu bahawa apabila jerebu ini datang, orang-orang yang ada menghidap penyakit asma menjadi masalah. Kita dapati bahawa klinik-klinik atau hospital kerajaan akan ramailah yang menghidap penyakit asma itu akan pergi.

Saya ingin pergi kepada P.27 Kementerian Kerja Raya. Di sini disebut 7.1 Butiran Projek 00500 iaitu Jalan Simpang Pulau-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang Pakej Lapan. Jadi saya mengalu-alukan program ini, rancangan ini, projek ini. Cuma apa yang saya hendak tahu adalah sejauh mana perkembangan ini telah berlaku? Seterusnya saya hendak tahu, adakah rancangan kerajaan untuk menaikkan atau memperbesarkan jalan dari Gua Musang ke Kuala Krai?

Walaupun jalan itu sudah ada dua hala tetapi saya melihat ia perlu diperbesarkan, dilebarkan kerana penggunaanya ramai. Saya ingin tahu adakah ini juga termasuk dalam rancangan kerajaan? Kalau sudah masuk, bilakah hendak buat? Kalau tidak masuk saya syorkan supaya diberi perhatian. Begitulah juga saya hendak tahu- saya tahu bahawa projek lebuh raya Kuala Krai-Kota Bharu sudah dimulakan. Saya hendak tahu berapakah kos yang dianggarkan daripada pihak kementerian?

Seterusnya, P.31 Kementerian Pelancongan. Kementerian Pelancongan merupakan sebuah kementerian yang telah diberi tanggungjawab untuk menarik seramai mungkin pelancong datang ke Malaysia. Jadi, salah satu daripada tarikan pelancong ialah keunikan masyarakat kita. Apa yang pelancong mahu tengok ialah perkara-perkara unik di negara kita yang tidak ada di negara mereka. Itu yang menarik. Kalau sekiranya kita sekadar- perkara yang ada di negara mereka kita juga tunjuk apa yang ada di negara mereka, maka itu tidak memberi tarikan untuk datang semula.

Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya Kementerian Pelancongan memberi tumpuan-tumpuan kepada tempat-tempat yang tidak dimasukkan dalam senarai yang biasa, yang popular. Sebagai contoh, apabila saya bertanya pelancong-pelancong yang datang dari Asia Barat, mereka hanya diberitahu mereka ada sepuluh hari atau 12 hari berada di Malaysia dan tempat-tempat yang mereka akan pergi selain dari Kuala Lumpur ialah di Genting, kemudian Pulau Pinang dan Langkawi. Itu sahaja. Jadi saya mengesyorkan kepada pihak kementerian supaya menyebarluaskan program ini melalui ejen-ejen yang ada di luar negara supaya pelancong boleh datang ke tempat yang lebih luas daripada apa yang telah menjadi popular itu.

Seterusnya, saya hendak pergi kepada P.24 Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan merupakan satu kementerian yang diberi tanggungjawab untuk memberi khidmat kesihatan kepada masyarakat kita. Setakat ini saya ingin tahu, berapa *ratio* seorang doktor dengan penduduk kita? Berapa ramai lagi keperluan kita yang sebenar kepada doktor-doktor supaya kita dapat capai tahap yang standard dengan dunia? Begitu juga saya lihat ada- walaupun saya mendengar dalam Dewan ini pada sesi lalu bahawa orang-orang yang pergi mendapatkan rawatan tidak perlu menunggu lama. Akan tetapi sebenarnya ada tempat-tempat di hospital-hospital kerana kekurangan tempat dan juga kekurangan kakitangan sehingga orang terpaksa menunggu lama. Ada yang sampai pergi dua jama atau tiga jam. Ini merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian kepada hal ini terutama yang menunggu itu ialah golongan warga emas.

Kemudian terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya ingin tahu berapakah jumlah bantuan yang diberikan kepada orang miskin, warga tua dan orang kurang upaya mengikut kategori masing-masing. Saya dapat tahu bahawa ia tidak sama pemberian bantuan itu kepada orang kurang upaya atau orang miskin dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit apa yang saya dapat kongsi pada petang ini dan saya ucapkan terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Mat. Dalam senarai yang ada di hadapan saya sekarang, ahli berikut yang meminta untuk bercakap ialah Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Silakan.

2.47 ptg.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan peluang dan ruang kepada saya menyertai perbahasan Akta Perbekalan Tambahan 2013 ini. Saya ingin menyentuh Maksud B.21 iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jumlah sebanyak RM20 juta adalah untuk insentif hasil tangkapan nelayan. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang harga getah yang menurun begitu rendah dan penoreh getah kita terus menjadi mangsa. Apa yang saya faham, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ialah langkah jangka sederhana dan langkah jangka panjang. Jadi di sini saya ingin bertanya, adakah langkah-langkah oleh kerajaan untuk membantu penoreh getah kita dalam masa yang dikira kritikal ini?

Saya juga ingin menyentuh tentang insiden petani tomato khususnya di Cameron Highlands baru-baru ini yang mana harga tomato jatuh sampai 20 sen atau 30 sen. Saya memang tahu punca harga turun iaitu dengan izin, *supply more than demand*. Jadi adakah apa-apa langkah oleh kerajaan untuk membantu petani khususnya buah-buahan dan sayur-sayuran untuk dengan izin, *stabilised* harga hasil mereka supaya mereka jangan mengalami keuntungan besar serta merosot kehidupan harian mereka?

■1450

Tentang Maksud B.23 iaitu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kita mengalami jerebu setiap tahun dan masalah tersebut menjadi masalah tahunan. Jadi, saya memang tidak faham kenapa negara jiran yang melakukan kebakaran serta terjadi masalah jerebu itu dan negara kita kena tanggung semua akibat buruk seperti aktiviti di luar tidak boleh dijalankan, sekolah-sekolah terpaksa tutup dan kos kesihatan menambah sebab memanglah orang ramai akan jatuh sakit.

Jadi saya memang tak faham keadaan begitu. Kenapakah berterusan? Adakah apa-apa langkah oleh kerajaan supaya masalah tersebut boleh diatasi?

Tuan Yang di-Pertua, tentang B.27, jumlah RM50 juta untuk memperbaiki jalan-jalan rosak akibat banjir itu. Jadi, adakah apa-apa langkah untuk kerajaan diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah dari akar umbi iaitu mengurangkan banjir. Itulah punca kepada kerosakan jalan-jalan dan di sini saya ingin menarik perhatian kementerian tentang jalan dari Raub kawasan saya ke Bentong. Sebahagian jalan laluan lapan. Jalan ini memang dengan izin *bouncy* dan dia ada nama lain iaitu *ribbon road*. Saya memang tidak faham kenapa kejadian tersebut sebab jalan ini sejak dibina diguna pakai sampai sekarang memang begitu. Jadi saya harap kementerian ambil berat tentang ini sebab jalan yang *bouncy* ini memang akan mengakibatkan kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Majlis yang mulia ini tentang cuaca panas dan musim kemarau baru-baru ini. Cuba bayangkan kalau hujan tidak datang pada bulan April. Kalau musim kemarau lanjut satu bulan atau lama lagi, apakah akan terjadi? Jadi, saya memang tahu ada langkah-langkah oleh kerajaan dan langkah-langkah itu memang jangka sederhana atau jangka panjang. Jadi apakah langkah-langkah jangka pendek untuk menyelesaikan masalah tersebut?

Saya memang tahu tadi kata hendak jadi *magnet rain*. Kalau langit kita tanpa awan pun yang cara *magnet rain* itu pun tidak akan berjaya. Jadi selain daripada langkah itu, eloklah kerajaan cari langkah yang lebih baik. Saya berharaplah ada langkah yang lebih baik supaya janganlah kita dijadikan mangsa.

Saya ingin membawa masalah golongan yang layak, yang minat membeli rumah yang boleh dikira mampu milik. Saya kalau tidak silap saya, orang yang layak, yang minat membeli rumah tersebut tidak dapat membeli rumah tersebut sebab peraturan pinjaman bank yang begitu ketat atas kepentingan mereka sendiri. Jadi, prosedur bank-bank ini sudah menjejaskan impian rakyat dan kerajaan untuk memiliki sebuah rumah setiap keluarga yang itu impian kitalah tetapi memang sukar hendak dapati. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

2.57 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014.

Saya petang ini cuma hendak bercakap dua, tiga perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua dengan tujuan dan hasrat supaya rakan-rakan saya dapat mengambil peluang untuk membahaskan rang undang-undang perbekalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Keluarga dan Masyarakat iaitu mengenai dengan isu kependudukan merupakan perkara utama yang perlu ditangani negara pada dapat mencapai pembangunan yang mampan.

Menurut Laporan Perangkaan KPWK, terdapat 29.34 juta orang penduduk dengan 67.9 peratus penduduk adalah dalam lingkungan umur 15 tahun sehingga 64 tahun. Sejumlah 5.6 peratus dalam lingkungan umur 14 tahun dan 26.5 peratus adalah golongan 65 tahun ke atas. Dilaporkan purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan 2.6 peratus bagi tahun 1991 hingga tahun 2000.

Menyedari perkembangan kependudukan yang semakin pesat sekarang ini, banyak isu penduduk yang dijangka akan berlaku di masa akan datang terutamanya isu-isu baru yang akan timbul akibat perubahan demografi, proses liberalisasi global, perubahan cuaca dan pasaran buruh Asia serta kebanjiran pekerja asing di Malaysia.

Perbelanjaan negara yang lebih besar terpaksa disediakan bagi menyediakan dasar yang lestari bagi pembangunan kependudukan yang lebih mampan. Perbelanjaan tersebut adalah bertujuan memberikan kemudahan-kemudahan asas dalam bidang pelajaran, kesihatan, perumahan dan kebajikan dan lain-lain.

Di sini saya ingin bertanya kepada yang berkenaan, setiap tahun sejak tahun 2005, berapakah jumlah bajet yang diperuntukkan untuk pembangunan penduduk secara keseluruhannya? Berapakah bajet secara khusus untuk pembangunan kesihatan seksual reproduktif? Apakah kerjasama yang dilaksanakan antara kementerian dan NGO dalam hal pembangunan penduduk di negara ini? Seterusnya, apa peranan dan sumbangan yang diberikan oleh negara kita dalam merangka *blueprint* atau pelan tindakan di peringkat yang dimainkan oleh kerajaan kita di peringkat antarabangsa seperti menyediakan pelan tindakan (ICPD) atau *International Conference of Population Development*, dengan izin, dan apa kerjasama yang dilaksanakan di peringkat dunia dalam hal ini?

■1500

Saya juga ingin mengambil kesempatan dengan peruntukan tambahan ini untuk Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terutamanya bekalan air. *Alhamdulillah* masalah air dan catuan air di sekitar Selangor kini telah berakhir. Cukuplah apa yang dihadapi oleh penduduk lebih 2.2 juta orang. Di sekitar Daerah Hulu Klang, Selangor selama tiga bulan atau lebih ekoran penyusutan berterusan semua empangan di Selangor yang membekalkan air kepada penduduk di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Telah banyak kerugian yang dialami oleh sebahagian rakyat terutamanya peniaga-peniaga seperti pengusaha-pengusaha restoran yang perlu menggunakan pinggan polistirena kerana ketiadaan air dan pengusaha pusat cuci kereta kerana tidak boleh beroperasi. Masalah cuaca kering yang melampau baru-baru ini akibat musim kemarau yang bermula semenjak pertengahan Januari, masalah-masalah seperti paip bocor atau tumpahan ammonia dalam tangki air ditambah pula dengan kualiti udara yang semakin merosot menjadikan produktiviti pekerja juga terkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kini rakyat mahu tahu bagaimana masalah air boleh diatasi dan sejauh manakah masalah ini tidak akan berulang lagi. Rakyat semestinya perlukan jawapan jaminan tuntas daripada pihak berwajib mengenai isu air ini kerana air merupakan keperluan asas rakyat dan manusia. Kita kasihan Tuan Yang di-Pertua kerana kalau rumah bawah tidak apa, ini kalau rumah pangsa menjadi kesulitan khususnya kepada yang ada anak-anak kecil.

Apa tindakan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan rakyat di sekitar kawasan yang terbabit dengan catuan ini tidak mengalami catuan lagi terutamanya ketika Ramadhan yang semakin dekat ini. Apakah alternatif jangka pendek dan jangka panjang yang disediakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah air di kalangan masyarakat penduduk sendiri? Kadar air takungan hujan atau *rain harvesting* merupakan alternatif yang paling murah dan wajar digalakkan di kalangan penduduk, dan apa tindakan kementerian bagi menggalakkan lebih banyak syarikat dan orang ramai mengaplikasikan kaedah ini. Kita lihat kaedah ini diaplikasikan di R&R Serdang, di kompleks beli-belah, kilang di Shah Alam- Flextronics, dan wajar sekali kerajaan menyediakan insentif-insentif tertentu untuk pihak-pihak yang menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu untuk penjimatan air ini.

Di samping itu juga kerajaan perlu mengadakan usaha berterusan mendidik masyarakat untuk menaung air hujan untuk kegunaan semasa dan anak-anak di sekolah seperti menggalakkan sekolah-sekolah menggunakan kaedah ini kerana kaedah ini amat murah dan mudah untuk diaplikasikan. Memang Tuan Yang di-Pertua kalau difikirkan usaha untuk menaung air hujan ini memang amat sukar untuk dilaksanakan khususnya suri rumah-suri rumah tangga tetapi ia perlu diaplikasikan kerana keadaan yang terpaksa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Untuk makluman, Skim *MyHome* ini memberikan insentif RM30,000 kepada pembeli yang layak untuk membeli rumah kos sederhana rendah dan kos sederhana di kawasan bandar.

Insentif RM30,000 tersebut adalah termasuk duit pendahuluan 10 peratus daripada harga rumah yang perlu dibayar. Ini secara tidak langsung dapat membantu pembeli membeli rumah MyHome kerana mereka tidak perlu mengeluarkan duit pendahuluan tersebut. Pada tahun ini kementerian melaksanakan Skim *MyHome* untuk 10,000 unit perumahan dengan peruntukan sebanyak RM300 juta. Permohonan boleh dibuat dengan melayari *website* KPKT.

Di sini saya ingin tahu apakah kelayakan untuk rakyat memohon perumahan tersebut? Dan apa tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan Skim *MyHome* ini sampai kepada golongan sasaran. Mohon kementerian nyatakan kawasan pembinaan rumah *MyHome* ini akan dibina? Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua mudah-mudahan apa yang kita sampaikan ini dapat dijawab dengan baik dan berkesan oleh pihak-pihak yang berkenaan dan terima kasih banyak. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat 'Datuk' Hajah Rohani binti Abdullah.

3.06 ptg.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya belum Datuk lagi tapi nenek.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey. Mudah-mudahan masin mulut saya.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: *Aamiin. Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* sekali lagi, salam 1Malaysia. Sampai gugup saya sebab dipanggil "Datuk" [*Ketawa*] Terima kasih kerana diberi ruang dan peluang untuk sama turut berahas...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat tak hendak saya panggil nenek, kan?

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Ada, sudah lapan orang cucu.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pada tahun ini. Saya ingin sentuh tentang Kementerian Dalam Negeri iaitu B.62 yang permohonannya berjumlah hampir RM16 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak sentuh akses khas pengadu melalui Police Reporting System (PRS). PRS yang dibangunkan oleh PDRM sejak 2006 untuk menerima sistem laporan polis melalui sistem komputer yang dibekalkan di balai-balai polis di seluruh Semenanjung merupakan satu sistem yang sangat baik yang akan bantu proses penyiasatan dapat dijalankan dengan lancar.

Yang keduanya, saya juga ingin mencadangkan seperti PRS ini dapat menyediakan satu akses khas kepada pengadu di mana pengadu dapat mengikuti perkembangan kes yang dilaporkan melalui dengan cara melayari portal berkenaan. Seterusnya ia bukan sahaja membolehkan pengadu mengetahui perkembangan kes yang dilaporkan dengan melihat tindakan-tindakan susulan yang diambil oleh pegawai penyiasat, malah juga dapat memperbaiki persepsi negatif setengah-setengah rakyat terhadap pihak polis.

Yang keduanya iaitu berkaitan dengan menilai semula kurikulum PDRM. Saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian dapat melaksanakan penilaian semula terhadap kurikulum ini yang digunakan oleh PULAPOL. Satu jawatan kuasa khas penilai kokurikulum PDRM boleh ditubuhkan dengan melantik pakar-pakar akademik dalam bidang yang bersesuaian serta pegawai-pegawai kanan polis yang telah bersara bersama dengan pakar-pakar yang lebih pakar dalam bidang kepolisan ini.

Ini adalah penting untuk memastikan kurikulum yang digunakan bersesuaian dengan keadaan semasa dengan mengambil kira semua aspek kepolisan yang dapat mempersiapkan anggota dan pegawai polis dalam menghadapi cabaran kepolisan pada era ini.

■1510

Ketiga pula untuk mengukuhkan lagi atau membangunkan aplikasi MyPDRM. Saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian dapat mempertimbangkan atau membangunkan aplikasi MyPDRM yang dapat dimuat turun oleh semua pengguna telefon pintar dan seumpamanya. Pengguna yang memerlukan bantuan kecemasan atau memberi maklumat tertentu kepada PDRM boleh menggunakan aplikasi ini di mana pengguna harus daftar untuk kali pertama dengan maklumat peribadi supaya aplikasi ini tidak disalahgunakan. Dengan bantuan GPS, pihak polis dapat mengenal pasti lokasi seseorang yang menggunakan aplikasi ini untuk mendapat bantuan kecemasan daripada pihak polis. Ia juga dapat memudahkan pengguna untuk mendapatkan bantuan polis dengan cepat dan berkesan serta memberi maklumat kepada pihak polis dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak sentuh sedikit tentang Kementerian Komunikasi dan Multimedia- B.47 yang telah diluluskan sebanyak RM46,900,000. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik untuk membincang prelu khusus di bawah Butiran 210000 iaitu menyekat penyiaran filem-filem berunsur keganasan melampau. Saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian melalui jabatan tertentu yang bertanggungjawab supaya mengawal dengan tidak membenarkan penyiaran filem-filem yang mempunyai unsur keganasan yang melampau. Penyekatan yang lebih diperlukan terhadap filem-filem dari luar negara yang terutamanya di mana unsur keganasan yang terdapat adalah terlampau sehingga mempunyai kesan yang negatif terhadap masyarakat kita.

Hal demikian kerana ramai anak muda terpengaruh dengan adegan filem yang mempunyai unsur-unsur keganasan ini. Contohnya pergaduhan yang berlawan menggunakan parang, penggunaan pistol, membawa kenderaan secara melulu dan sebagainya dan amat menakutkan. Ini merupakan satu faktor yang mempengaruhi minda segelintir remaja yang terlibat dengan ahli kumpulan atau geng untuk mengikuti misalnya watak-watak filem dan berangan-angan untuk menjadi hero di dunia sebenar.

Saya juga ingin mencadangkan supaya penyekatan sama digunakan terhadap filem-filem yang menyentuh sebarang sensitiviti masyarakat yang merangkumi soal agama khususnya. Adalah tidak dinafikan pihak kementerian sentiasa memantau filem-filem yang ditayangkan, namun saya berharap kaedah pemantauan dapat diketatkan dengan penyiaran filem-filem yang mempunyai unsur yang akan memberi impak negatif kepada masyarakat tidak harus dibenarkan sama sekali di mana sijil tidak harus dikeluarkan oleh kementerian untuk filem-filem sebegini. Kementerian harus mempunyai *zero tolerance* dalam hal ini kerana ia membawa kemudaratan yang besar kepada masyarakat kita.

Kedua yang saya cadangkan ialah buku poket dasar kerajaan iaitu saya ingin cadang supaya pihak kementerian dapat mempertimbangkan untuk menyediakan buku poket dasar kerajaan, *pocket book of national policies* untuk diberi kepada rakyat. Buku ini harus mengandungi ringkasan dasar-dasar kerajaan sejak dahulu sehingga ke dasar-dasar terbaru yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui pelbagai kementerian untuk pengetahuan rakyat. Saya berpendapat bahawa kebanyakan dasar-dasar unggul kerajaan kadang-kadang tidak diketahui atau tidak difahami oleh rakyat di peringkat akar umbi. Kadang-kadang peringkat pertengahan pun tidak berapa faham, mungkin pihak atasan sahaja.

Sebenarnya dasar kerajaan haruslah menjadi pengetahuan am iaitu *general knowledge* untuk rakyat, namun keadaan ini tidak benar kerana dasar pada kebanyakan masa hanya berada di peringkat atasan seperti yang saya katakan tadi. Buku poket ini harus diedarkan kepada rakyat terus melalui Jabatan Penerangan Negeri masing-masing. Pemberian buku poket ini akan dapat menjadikan rakyat lebih menghargai usaha-usaha kerajaan yang telah dilakukan melalui berbagai-bagai dasar kerajaan.

Ketiga, penyiaran dasar kerajaan dan statistik utama terpilih. Saya ingin mencadangkan supaya dasar-dasar kerajaan serta statistik utama terpilih disiarkan di televisyen pada waktu *prime time*.

Kerajaan harus menyiarkan semua dasar kerajaan serta statistik terpilih ini dari semasa ke semasa supaya ramai rakyat mengetahui dan memahami dasar kerajaan dengan lebih baik serta juga mengetahui statistik-statistik utama terpilih supaya rakyat lebih peka dengan keadaan semasa serta *well informed*.

Seterusnya saya sentuh tentang Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu B.43 tiada peruntukan yang dipohon, mungkin sudah cukup peruntukan yang lepas. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik untuk membincangkan penyelenggaraan perumahan di bawah Butiran 04001 iaitu Satu Konsep Bina dan Jual. Rumah terbengkalai dan kes pemaju gagal menyiapkan projek mengikut jadual mendorong kerajaan memperkenalkan konsep baru yang dikenali sebagai bina dan jual. Antara transformasi penting bagi menangani isu tersebut ialah penerapan kaedah bina dan jual bagi menggantikan sistem beli dan jual. Konsep baru ini diharap dapat melindungi hak pengguna apabila menerusi pembeli hanya dikenakan bayaran 10 peratus daripada harga rumah manakala 90 peratus dibuat selepas rumah itu siap dibina.

Namun demikian, tidak dapat dinafikan konsep beli jual yang menguntungkan pembeli ini dilihat telah menimbulkan kebimbangan di kalangan pemaju pula. Lantas saya khuatir bahawa akan wujud muslihat tertentu yang akan membebankan pembeli atau kos tersembunyi sehingga pembeli membayar harga rumah yang lebih tinggi jika sistem baru *build and sell* dilaksanakan sepenuhnya. Lantaran itu saya amat berharap agar kerajaan boleh membantu mengawal harga rumah dengan penggunaan sistem bina baru jual ini.

Saya juga ingin membawa perhatian kerajaan terhadap masalah iaitu masalah harga *sub sales* yang akan dijual dengan harga lebih tinggi daripada harga pasaran yang akan membebankan pengguna. Saya mahu kerajaan bersungguh-sungguh melihat semua lompong dan sudut yang boleh membebankan pembeli sebelum pelaksanaan konsep ini pada tahun 2015. Itu sahaja sedikit daripada saya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014 ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Rohani. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan saya ini ada sepuluh nama yang telah dikemukakan sebentar tadi yang ingin turut mengambil bahagian dalam perbincangan tentang Akta Perbekalan Tambahan 2013 ini.

■1520

Manakala dua orang telah mengemukakan nama untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Cukai Barang kerana kita sekarang masih lagi membincangkan Akta Perbekalan Tambahan 2013. Maka saya silakanlah yang telah mengemukakan nama terlebih dahulu iaitu Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Sila, permohonan yang saya terima petang tadi.

3.20 ptg.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk sama-sama turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (2013) 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil kesempatan pada petang ini untuk berbahas soal P.23 iaitu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Dalam perkara ini, saya hendak jelaskan dan beritahu kepada Dewan yang mulia ini, program yang telah dilaksanakan iaitu pengawasan hutan melalui udara bertujuan mengesan punca pencemaran atau pelanggaran undang-undang alam sekitar. Dalam bab ini RM2 juta telah diperuntukkan bagi menjayakan program ini.

Pada 23 Oktober 2013 yang lepas, tahun lalu, kita dikejutkan dengan satu insiden iaitu banjir besar yang melanda Cameron Highlands yang mengorbankan lebih kurang empat nyawa. Saya hendak tahu, saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk mengekang daripada segi penguatkuasaannya untuk menyelesaikan masalah ini? Banjir yang kita tahu diakibatkan oleh pencemaran ataupun pembukaan tanah yang berleluasa di Cameron Highlands, pencerobohan haram ini berlaku di Cameron Highlands. Jadi saya harap pihak kementerian kena bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah ini.

Kita dapati juga dalam soal ini apa yang terdapat di *dam* ataupun empangan di kawasan Cameron Highlands. Kita lihat dan diberitahu oleh pihak media dan sebagainya bahawasanya di dalam empangan tersebut banyak terdiri daripada kayu-kayan, sampah dan sebagainya dan daripada segi timbusan selut dan sebagainya. Jadi, perkara ini harus diambil perhatian oleh kementerian supaya ia dapat diselesaikan.

Dalam keadaan *dam* ataupun empangan sedemikian rupa, 60 peratus daripada 4.6 juta padu air kapasiti Empangan Hidroelektrik Sultan Abu Bakar di Cameron Highlands dipenuhi dengan hakisan-hakisan yang sangat membimbangkan kita. Jadi saya harap pihak kementerian kena serius dalam perkara ini.

Keduanya, saya hendak sentuh soal banjir yang melanda negara kita terutamanya di Pahang tempoh hari. Rakan-rakan kita juga banyak mengutarakan bahawa banyak kerosakan yang berlaku daripada segi jalan raya dan sebagainya, prasarana dan sebagainya. Saya berharap pihak kementerian juga harus bertindak untuk menyelesaikan masalah ini. Saya difahamkan sampai hari ini terutamanya di kawasan Kemaman dan Kuantan masih merasai penderitaan yang dialami, masih merasai bahana, bencana yang menimpa pada tahun lepas. Jadi perkara ini juga harus diambil serius oleh pihak kementerian daripada segi kerosakan dan sebagainya.

Seterusnya dalam masa yang terhad ini, saya hendak sebut sedikit fasal pengurusan Imigresen bagi Maksud B.62 Kementerian Dalam Negeri. Baru-baru ini kita digemparkan dengan pesawat MH370 dan kita dapat laporan kita diberitahu bahawa ada dua orang luar menggunakan pasport palsu menaiki pesawat MH370 dan polis telah membuat penyiasatan. Apa yang menjadi kemusykilan kepada kita, kenapakah perkara ini boleh berlaku?

Saya lihat Tuan Yang di-Pertua keadaan hari ini kalau kita pergi Pejabat Imigresen hendak buat pasport ataupun sebagainya dan juga dari kapal terbang *touch down* hendak masuk ke pusat imigresen, hendak melintasi pusat imigresen hendak masuk negara kita ia mengambil masa yang begitu singkat, pantas sangat. Sepatutnya ini melibatkan *national security*, seharusnya diambil perhatian yang lebih. Kadang-kadang hendak buat pasport dalam masa setengah jam atau satu jam, siap. Kenapakah ini boleh berlaku kepada kita? Jadi perkara ini juga harus diambil perhatian.

Daripada segi kehadiran dan kebanjiran warga asing dalam negara kita, penyalahgunaan pas-pas lawatan dan sebagainya. Kadang-kadang kebanyakan-umpamanya orang *Thailand* datang sini dengan pas lawatan hendak melancong, orang Indonesia datang untuk melancong di sini tetapi akhirnya mereka bekerja di sini. Mereka bekerja dan menimbulkan keadaan sosial yang tidak baik untuk negara kita. Terdapat banyak kedai tomyam. Dia datang bukannya untuk buka kedai tomyam contohnya di warung-warung di tepi jalan. Kebanyakan dia datang untuk melawat dan sebulan sekali dia kena keluar balik ke Pejabat Imigresen untuk cap pasport dan sebagainya. Perkara ini juga harus dilihat oleh Kementerian Dalam Negeri.

Saya tempoh hari- minta maaf Tuan Yang di-Pertua, keadaan saya tidak berapa selesa. Batuk, selesema dan suara pun sudah cepat hilang.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Malam tadi balik pukul 12.30 malam, bukan, tidak?

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Balik 12.30 malam macam Tuan Yang di-Pertua. Tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua balik awal, saya pun tidak tahulah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya balik pukul 1 pagi.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Pukul 1 pagi? Samalah kita. Satu perkara lagi yang kita dapat lihat soal pendatang asing dalam negara kita. Tempoh hari saya lihat KDN, Yang Berhormat Menteri memang beria-ia buat *enforcement* dan sebagainya. Kadang-kadang kita lihat sebuah tempat, *enforcement* yang dibuat oleh pihak-pihak penguat kuasa imigresen, kadang-kadang pergi ke satu tempat itu memang sudah awalnya satu tempat itu ramai pendatang asing, orang Negro dan sebagainya. Akan tetapi apabila dia pergi, apabila sampai ke tempat itu sudah tidak ada tangkapan.

Mungkin dalam soal ini ada juga ketirisan, ada tali barut di kalangan mungkin kita tidak boleh hendak tuduh, kita tidak tahu tetapi ini yang berlaku kepada kita dan kepada keselamatan dalam negara. Kita sekarang letih sudah Tuan Yang di-Pertua. Negara kita ini banyak sangat yang datang dengan ada kebenaran, tanpa kebenaran, dan sebagainya. Ini harus diselesaikan supaya kita tidak menimbulkan banyak masalah sosial dalam negara kita.

Saya malas hendak sebut sebab saya sebelum ini banyak sudah saya bincangkan, bahaskan soal-soal pendatang asing dan sebagainya. Itu sahajalah sedikit yang saya hendak persembahkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk petang ini dan untuk Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014. Jadi, itulah. Terima kasih dan saya mohon menyokong. Suara tidak elok Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

■1530

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yahaya dan saya sedar masalah pendatang ini, semalam heboh juga kita bincang di sini dan moga-moga akan mendapat perhatian yang lebih bersungguh-sungguh. Seterusnya saya dengan hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul.

3.30 ptg.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014. Selamat petang, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Saya ingin memfokuskan kepada Kementerian Kewangan Tuan Yang di-Pertua iaitu khusus ke Tabung Pemiagaan Belia. Kita maklum bahawa pelbagai jenis tabungan yang disediakan oleh kerajaan membantu belia khususnya kepada mereka yang berminat untuk memulakan perniagaan sendiri. Pada pandangan saya, maklumat tentang tabung-tabung ini mungkin sukar untuk difahami oleh belia di akar umbi khususnya di luar-luar bandar. Ada kalanya belia masih tidak puas hati di mana titik mulanya, bagaimana, macam mana untuk mendapatkan bantuan ataupun tabungan ini.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya diwujudkan satu *one-stop centre*, dengan izin, supaya seluruh atau semua tabung ini dapat diletakkan di bawah satu bumbung yang dapat menyediakan akses kepada pelbagai maklumat dan perkhidmatan perniagaan bagi golongan belia secara khususnya. Ini penting kerana semua belia sama ada dari bandar atau luar bandar boleh mendapatkan dana dengan lebih mudah dan memahami tentang aspirasi yang diutarakan oleh pihak kerajaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua di bawah B.6, Jabatan Perdana Menteri, saya memfokuskan kepada ESSCOM. Mengenai perkara 3, di bawah Maksud B.6, Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM 8 juta adalah bagi menampung kos operasi dan pentadbiran ESSCOM. Saya ada beberapa perkara ingin diutarakan. Pertamanya berkenaan dengan kes penculikan di Semporna. Saya ingin mengetahui status terkini mengenai kejadian ini dan apakah nasib mangsa culik tersebut?

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan. Saya ingin mendapat jawapan kementerian sejak ditubuhkan sehingga sekarang, berapakah kos operasi dan pentadbiran yang sebenar yang telah digunakan oleh ESSCOM sehingga sekarang? Adakah objektif dan sasaran yang diletakkan tercapai?

Ketiga, berkenaan dengan capaian maklumat di antara ESSCOM dengan rakyat Sabah khususnya. Saya percaya dengan penyampaian berita dan maklumat terkini dari semasa ke semasa berkenaan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak ESSCOM, dapat membantu penduduk Sabah berasa yakin dan selamat sekali gus tidak berwaswas dengan usaha keras Kerajaan Persekutuan dalam memastikan keselamatan mereka.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada pihak ESSCOM kerana berjaya membersihkan pekerja asing yang tidak memiliki dokumen lengkap di pusat-pusat peranginan di Semporna, Sabah baru-baru ini. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, apakah tindakan susulan yang tegas boleh diambil sekiranya pihak pengusaha *resort* ini masih berdegil untuk menggunakan khidmat pekerja asing yang tidak sah? Apakah bentuk hukuman yang boleh dikenakan sekiranya pengusaha ini masih berdegil?

Keduanya, apakah sasaran ESSCOM pada jangka masa pendek dan sederhana dalam memastikan seluruh kawasan *resort* yang berada di bidang ESSCOM mematuhi syarat-syarat yang dikenakan bagi menjamin keselamatan pengunjung dan pelancong asing?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga pergi kepada Maksud B.27, Kementerian Kerja Raya iaitu tambahan sebanyak RM50 juta adalah diperlukan bagi membiayai kos-kos memperbaiki kerosakan infrastruktur jalan-jalan yang rosak akibat banjir di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pertamanya soalan saya kepada kementerian, berapakah yang diperuntukkan untuk jalan-jalan yang rosak akibat banjir di Sabah dalam keseluruhan peruntukan ini dan apakah jalan-jalan persekutuan yang terlibat? Keduanya mengenai kualiti jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu khawatir akan kualiti jalan-jalan di Sabah sama ada di Jalan Persekutuan ataupun kerajaan negeri yang banyak yang telah rosak dan sangat membimbangkan kondisinya. Saya kurang pasti sama ada masalah ini berpunca daripada ketidakupayaan kontraktor menyediakan jalan yang berkualiti ataupun kelemahan kementerian dalam menjalankan pemantauan. Saya harap ini dapat diatasi terutamanya kawasan-kawasan yang memiliki risiko banjir yang agak tinggi. Saya juga berharap agar kerajaan lebih bertegas dengan kontraktor yang terbabit terutamanya daripada segi kualiti jalan raya dalam tempoh masa yang diberikan. Dua perkara ini tidak boleh kompromi sama sekali.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud B.62, Kementerian Dalam Negeri iaitu sebanyak RM10 juta bagi menampung keperluan perolehan motosikal untuk Unit Rondaan Motosikal PDRM. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, setakat ini, berapa banyak unit rondaan bermotosikal di Sabah dan mengikut tambahan ini, berapa lagi penambahan yang terlibat untuk negeri ini mengikut perancangan jangka masa panjang kementerian? Keduanya, sejauh manakah keberkesanan Unit Rondaan Bermotosikal ini atau URB ini dalam menangani kes-kes keselamatan yang membabitkan jenayah di kalangan warga asing di Sabah? Berapakah jumlah tangkapan yang dibuat oleh mereka dan apakah bentuk jenayah yang dilakukan?

Tuan Yang di-Pertua, B.43 di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu merujuk kepada Butiran 31000. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan dengan peruntukan RM12 juta iaitu perolehan kenderaan, helikopter dan kelengkapan bomba. Setakat ini, apakah aset-aset paling utama bagi anggota bomba yang masih kurang di setiap negeri terutamanya di negeri Sabah?

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua di bawah kementerian ini adalah berkenaan dengan permasalahan rumah di kalangan belia. Disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat tadi.

Saya juga mendengar bahawa kerajaan sedang merangka pelbagai dasar baru berkaitan dengan belia dalam negara ini dan saya yakin bahawa yang dirancang itu perlu mengambil kira tentang situasi dan kedudukan generasi muda pada hari ini.

Hari ini kita tahu bahawa mereka mewakili daripada 46 peratusdaripada rakyat negara ini. Oleh sebab itu, soal pemilikan rumah ini menjadi salah satu isu utama yang sering dibangkitkan oleh mereka. Pertamanya, saya ucapkan syabas kepada kerajaan kerana memberikan tumpuan pada perkara ini malah komitmen kerajaan untuk membina sejuta rumah yang disasarkan dalam tempoh penggal ini untuk dilaksanakan adalah satu komitmen yang cukup besar.

Cuma, saya mahu mendapat penjelasan daripada kerajaan, bagaimana prestasi dan untuk itu juga, saya dalam Dewan ini memohon supaya kerajaan mengkaji Program *MyHome* ini. Program *MyHome* ini kita melihat memang mendapat sokongan dan juga perhatian serta begitu diminati oleh generasi muda. Tuan Yang di-Pertua, realiti pada hari ini ialah kebanyakan belia termasuk graduan yang baru memasuki pasaran kerja tidak mampu untuk membeli rumah kerana menghadapi kekangan mendapatkan pinjaman perumahan dan sebagainya. Lantas, kebanyakan golongan belia menyewa rumah sekurang-kurangnya lima tahun sehingga pinjaman perumahan ini boleh diluluskan.

■1540

Hal ini agak mendukacitakan kerana sekiranya mempunyai akses kepada pinjaman perumahan pada peringkat awal, mereka dapat membayar sejumlah wang yang digunakan untuk membayar sewa dan membayar balik pinjaman perumahan. Di mana dalam jangka masa panjang mereka akan memiliki rumah tersebut dan juga akan menjadi aset kepada mereka. Justeru itu, saya mohon mencadangkan supaya kerajaan menilai kriteria yang ditetapkan untuk pembelian pinjaman perumahan oleh pihak bank termasuk gaji minimum atau pembayaran sepuluh peratus dan sebagainya yang sering kali menjadi kekangan kepada golongan belia untuk membeli rumah.

Saya juga ingin mencadangkan supaya sejumlah rumah dapat disediakan khas kepada golongan muda. Sebagai contoh, Rancangan Perumahan Belia 1Malaysia (BR1MA) yang membina sejumlah rumah mampu milik yang hanya dibuka kepada golongan generasi muda sahaja. Ini adalah penting untuk memastikan golongan belia mampu memiliki sebuah rumah pada usia yang masih muda lagi. Saya berharap akan ada perbincangan yang lebih serius oleh Kementerian yang terbabit, sama ada bersama dengan Majlis Perumahan Negara dengan izin, *National Housing Council* yang telah ditubuhkan dalam merealisasikan cadangan yang saya rasakan relevan pada masa sekarang. Dengan hujah-hujah demikian, maka saya ingin menyokong. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany.

3.42 ptg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih kerana memberi saya ruang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014. Dalam rang undang-undang ini sebanyak RM2.392 bilion diperlukan sebagai tambahan kepada peruntukan dalam Perbekalan Tambahan 2013. Dalam rang undang-undang ini bagi rujukan B.7 Jabatan Perkhidmatan Awam. Tambahan sebanyak RM55.6 juta telah digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk tujuan bayaran kos perubatan pesara dan Angkatan Tentera Malaysia.

Jumlah peruntukan ini sebenarnya tidak dapat dipastikan kerana masalah kesihatan pesara ini tidak dapat dijangka. Bagaimanakah jumlah ini ditaksirkan dan pecahannya?

Walau bagaimanapun, saya ingin memohon JPA agar pengurusan skim kesihatan untuk pesara kerajaan ini dipertingkatkan kualitinya terutama mengenai pemberitahuan dan pengurusannya. Kadang-kadang terdapat masalah yang mungkin melibatkan balu iaitu penerima pencen terbitan sukar untuk mendapatkan kemudahan perubatan percuma kerana tidak tahu akses kepada senarai kemudahan yang diterima oleh mereka. Bantuan juga perlu diberikan kepada kakitangan di hospital kerajaan untuk mengenal pasti golongan pesara atau balu pesara untuk mendapatkan kemudahan secara percuma dengan mudah.

Saya juga ingin membangkitkan isu berhubung dengan keadaan pesara ini terpaksa mendahulukan kos pembelian perubatan yang mana stok ubat ini tidak berada dalam inventori hospital atau klinik. Mereka juga kadang-kadang terpaksa mendahulukan kos bagi pembelian alat bantu perubatan. Saya mendapat maklum balas proses tuntutan balik bayaran kos pendahuluan ini memakan masa kadang-kadang sampai selama enam bulan. Oleh itu, untuk mempercepatkan proses meringankan beban kewangan pesara dan balu ini, saya mohon JPA mempercepatkan proses tuntutan agar kebajikan pesara terpelihara dan tidak terbeban.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang B.21 yang diperlukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membiayai insentif hasil tangkapan ikan nelayan. Kos yang dipohon untuk diluluskan adalah sebanyak RM20 juta. Bagi maksud insentif ini, saya memohon penjelasan kementerian, apakah impak ke atas harga pasaran tempatan bagi ikan yang didaratkan oleh nelayan yang mendapat manfaat daripada peruntukan ini? Persoalan kedua, berapakah bilangan pasar nelayan yang telah beroperasi kini dan adakah stok simpanan tangkapan ikan mencukupi untuk memenuhi permintaan pasaran ikan agar harganya tidak dieksploitasi oleh orang tengah? Saya juga memohon agar kementerian memberikan keterangan terperinci mekanisme insentif ini dan impak kepada sektor ekonomi negara.

Saya juga ingin *highlight* kan bajet yang telah diluluskan Disember tahun lalu iaitu sebanyak RM210.5 juta. Satu jumlah yang besar dan kini minta lagi RM20 juta. Persoalannya, kenapakah ikan masih mahal? Mohon penjelasan sama ada di rekod atau jenis insentif dan jumlah nelayan yang mendapat manfaat ini. Kementerian juga digesa untuk memperhebatkan penguatkuasaan yang lebih berkesan bagi memantau kebocoran subsidi diesel di kalangan nelayan bagi setiap zon dengan memastikan jumlah pendaratan di jeti-jeti atau pangkalan pendaratan ikan memenuhi permintaan pasaran tempatan ikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud B.27 pula iaitu Kementerian Kerja Raya, sebanyak RM50 juta diperlukan untuk memperbaiki kerosakan jalan raya yang rosak kerana musibah banjir pada Disember 2013 dan Januari 2014. Namun, dalam permohonan dalam bajet ini kementerian tidak menyatakan jumlah agihan mengikut negeri yang terlibat dan jenis kerosakan yang terlibat seperti penurapan jalan, baik pulih jambatan atau bahu jalan yang rosak atau mungkin cerun yang runtuh.

Menyentuh tentang cerun, saya juga memohon penjelasan daripada kementerian tentang status kerja baik pulih cerun runtuh di MRSM Bentong. Ini kerana pada sidang Dewan 2012, saya dimaklumkan bahawa kerja-kerja akan siap pada April 2013. Akan tetapi dilanjutkan ke Oktober 2013. Malangnya pada Disember 2013 di mana hujan lebat berlaku di Pahang, cerun yang dibaiki runtuh semula. Oleh itu, saya memohon kementerian memberikan maklumat status terkini Projek Baik pulih Cerun MRSM Bentong ini. Berapakah kos tambahan terlibat dan bilakah tarikh akhir untuk memuktamadkan Projek Baik pulih Cerun MRSM Bentong ini? Untuk makluman, MRSM ini telah empat tahun ditutup dan ini merugikan negara kerana hampir seribu peluang kemasukan pelajar cemerlang dinafikan tempat kerana masalah cerun runtuh di MRSM ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin meminta penjelasan dari Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengenai Maksud B.47 di mana keperluan RM25.65 juta bagi program penggalakan industri komunikasi dan multimedia dan Insentif Galakan Pelaburan Syarikat ICT-MSC sebanyak RM16.5 juta serta keberkesanan SKMM terhadap aduan syarikat penyediaan telekomunikasi tentang ketidakprihatinan penyedia terhadap aduan mengenai liputan dan masalah *call dropped*.

Saya ingin merujuk kepada beberapa aduan oleh pengguna yang menggunakan talian mudah alih yang mana tidak melanggan perkhidmatan data 3G. Pada Januari lepas, saya dapati terdapat banyak aduan daripada pengguna terutama *Celcom* mengenakan caj kepada pengguna bil data 3G tanpa pengetahuan mereka kerana alasan pelanggan menggunakan *smartphone* dan cas data 3G dikenakan kerana mereka menyalahkan pengguna yang mengguna data 3G yang secara automatik dihidupkan operasinya kerana tetapan *update software* aplikasi telefon pintar. Ada di kalangan mereka yang tidak melanggan data 3G dibilkan sehingga RM8,000 tetapi pihak *Celcom* mengehadakan caj hanya pada RM250.

■1550

Penggunaan data 3G dan rebat diberikan dalam bil mereka. Apabila ada aduan, syarikat ini menyalahkan pelanggan kerana guna *smartphone* yang *auto update software* dan tetapan *mobile data* dihidupkan. Syarikat *Celcom* tidak mahu bertanggungjawab. Persoalan saya kenapa syarikat *Celcom* secara tidak jujur dan tidak telus dengan pelanggan? Sepatutnya apabila pelanggan tidak melanggan perkhidmatan data 3G, mereka tidak patut caj perkhidmatan ini. Jangan jadikan alasan tetapan pengeluaran telefon pintar yang menyebabkan berlakunya penggunaan data secara automatik.

Oleh itu, saya memohon penjelasan kementerian apakah SKMM sebagai *regulator* mengetahui perkara ini dan bagaimana tindakan SKMM memantau, menyediakan komunikasi supaya tidak menipu atau mengelirukan pelanggan dengan pelbagai caj tersembunyi yang membebankan pengguna. Mohon kementerian menjelaskan masalah ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Sumber Manusia. Mengenai Maksud P.46 yang mana bajet sebanyak RM5.75 juta diperlukan untuk pembelian dan pembangunan alat jabatan keselamatan dan kesihatan pekerjaan Malaysia. Dalam memorandum permohonan bajet P.46, kementerian tidak menyatakan dengan jelas apakah jenis alat yang mahu dibeli. Saya ingin memohon penjelasan daripada kementerian, apa jenis alat yang mahu dibeli sama ada ia merupakan alat pemeriksaan, uji kaji atau pemantauan untuk sokongan penguatkuasaan atau forensik kejuruteraan bagi membantu penyiasatan kes-kes kemalangan.

Saya juga ingin memohon penjelasan kepada Kementerian Sumber Manusia mengenai permohonan kod 08800 buah komputer kementerian terutamanya mengenai status dan prestasi ICT, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Saya ingin memohon penjelasan lanjut mengenai aplikasi mencetak sendiri sijil perakuan kelayakan (CF) bagi jentera yang memerlukan sijil perakuan JKPP. Saya dimaklumkan daripada sumber dalaman penggunaan *DG cert* ini mendedahkan risiko JKPP terhadap trend pemalsuan sijil oleh pemilik jentera dan kerugian kutipan hasil jabatan. Oleh itu, saya mohon kementerian menjelaskan secara jelas mengenai penggunaan aplikasi sijil perakuan atau CF dalam talian.

Seterusnya saya ingin memohon penjelasan lebih lanjut mengenai maksud pinjaman butiran projek 70101 bagi Maksud P.10 Perbendaharaan terhadap pinjaman sebanyak RM60.8 juta pada Johor Corporation bagi menampung keperluan pembinaan dermaga baru, jeti kargo cecair, pelabuhan Tanjung Langsat. Kita memohon penjelasan Perbendaharaan mengenai struktur bayaran semula Johor Corporation kepada Kerajaan Pusat dan tempoh bayaran serta faedah yang dikenakan bagi pinjaman tersebut. Ini untuk memastikan pinjaman yang diberikan mempunyai asas yang kukuh dan tidak merugikan pelaburan kerajaan serta jaminan pulangan yang selamat.

Saya sudahkan Tuan Yang di-Pertua dengan terima kasih, dan saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mariany. Seterusnya saya silakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan.

3.54 ptg.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan (2013) 2014. Saya ingin menyentuh Maksud B.12 iaitu peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun yang merupakan sebahagian daripada keperluan daripada perbelanjaan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini pada pertengahan bulan April dalam mesej Yang Amat Berhormat kepada masyarakat India telah mengulangi komitmen kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat India dengan kaedah apa yang dia kata ialah satu *inclusive approach*. Kalau boleh / quote, "An inclusive approach towards ensuring a better quality of life".

Kalau kita tengok masyarakat India, terdapat banyak isu pelbagai masalah. Sebenarnya bukan sahaja masyarakat India, semua masyarakat dalam Malaysia pun menghadapi pelbagai isu, pelbagai masalah. Masyarakat Melayu, masyarakat Cina, masyarakat Kadazan semua masyarakat. Akan tetapi, untuk petang ini, / hanya hendak fokus kepada masalah yang dihadapi oleh masyarakat kaum India.

Macam / cakap ia bukan bererti lain masyarakat tidak ada *problem*. Ada juga dia punya...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Semua ada masalah.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: ...Semua ada masalah. Itu memang saya akui ya. Hari ini kalau kita hendak cerita fasal masalah, banyak sangat masalah. / cuma hendak fokus kepada isu pendidikan. Sebenarnya isu sekolah rendah, sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil. Memandangkan perjanjian dan juga perasaan tidak puas hati yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada kaum India.

Kalau kita tengok daripada segi bajet, peruntukan kepada sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil ialah sebanyak RM100 juta. Ini purata RM100 juta setahun. Setahun lepas. Cuma tahun lepas ada peruntukan *special allocation* sebanyak RM20 juta lagi ya. Kalau kita tengok di Malaysia ini sekarang ini terdapat lebih kurang 523 buah sekolah jenis kebangsaan Tamil. Kos / tak banding dari dulu ya? Dulu tu ada lebih kurang 800 lebih. Akan tetapi, buat masa ini, kita ada 523 buah sekolah jenis kebangsaan Tamil dengan enrolmen sebanyak RM100 lebih kurang.

Isunya bukanlah bilangan isu sekolah dah turun dan sebagainya. Isunya ialah pengagihan bajet RM100 juta ini. Dalam pesanan kepada masyarakat India, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyuarakan perasaan tidak puas hati dengan cara pengagihan RM100 juta itu. Fasal projek-projek semua lambat. Fasal duit itu tidak sampai atau kontraktor itu tidak dilantik dan sebagainya. Ini *statement* yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pada masa yang sama...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tak puas hati pada siapa sebenarnya?

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Cara duit itu diagih, bukan jumlah itu. Jumlah itu RM100 *million* okey. RM100 *million* itu sebenarnya untuk pembangunan sekolah, *repair* itu, *repair* ini. Cuma dalam proses pelantikan kontraktor lambat dan sebagainya. So, dalam banyak kes RM100 *million* itu tidak dipakai dengan sepenuhnya. So, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia cadang supaya duit ini *diallocate direct* ke Lembaga Pengelola Sekolah. Tidak payah pergi melalui kontraktor kah apa. Di *allocate* terus ke Lembaga Pengelola Sekolah.

Di sini lah pada saya yang akan jadi masalah. Fasal kalau sekarang kita tengok dari 523 buah sekolah ini, hanya 220 buah sekolah ada Lembaga Pengelola Sekolah (LPS). Hampir dekat 40 kurang dari 50 peratuslah. Jadi, lebih dari 50 peratus ini tidak ada *Board of Director, Board of Governors*. Jadi, pada saya kalau tidak ada itu macam mana kita hendak agihkan duit itu kepada sekolah, sedangkan kalau kita tengok, kalau kita balik kepada *Education Act, section 53. Section 53* memang sudah wajibkan supaya mesti ada Lembaga Pengelola Sekolah.

Akan tetapi kalau kita pergi ke sekolah Tamil, hanya 220. Mungkin *figure* itu sedikit berbeza sekarang tetapi kurang dari 50%. Jadi kalau kita balik ke cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dia hendak cepatkan cara duit itu pergi. Akan tetapi kalau tidak ada, tidak wujudnya Lembaga Pengelola Sekolah, maka duit itu tidak boleh pergi, dan isu Lembaga Pengelola Sekolah ini- sebenarnya peranan untuk melantik Lembaga Pengelola Sekolah terletak dalam bidang kuasa *State Education Department*. *State Education Department* kena lantik ahli-ahli Lembaga Pengelola Sekolah. So, pada saya cadangan itu / rasa okey. Kalau duit itu pergi terus. Okey mungkin dia akan cepatkan proses. Akan tetapi, kita kena *facilitate* proses itu dengan mempercepatkan pelantikan Lembaga Pengelola Sekolah. Kalau tidak ada lembaga pengelola sekolah, mungkin kita kena cari satu mekanisme yang lain supaya kita dapat agihkan duit itu. Itu *first point* berkenaan dengan isu sekolah Tamil.

■1600

Isu kedua yang saya hendak sentuh ialah isu permohonan daripada sebuah pertubuhan untuk mewujudkan sebuah sekolah Tamil tetapi sekolah menengah iaitu di Batu Kawan, *Penang*. Permohonannya ditolak oleh Kementerian Pendidikan dengan sebab yang dia bagi ialah bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia dan sebagainya, memang ditolak. Dalam isu ini, saya ingin membuat satu rayuan kepada Menteri Pendidikan supaya kalau boleh *re-visit* keputusan ini. Keputusan untuk menubuhkan sekolah menengah Tamil.

Saya sedar *argument* polemik fasal *vernacular school*, kaitan *vernacular school* sebagai penghalang kepada *national unity* dan sebagainya, banyak *argument*. Saya bukan hendak pergi isu *argument* sama ada wujudnya sekolah *vernacular* akan jadi penghalang untuk *national unity* atau tidak. Itu banyak sangat kita boleh *argue*.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ada sedikit orang berpendapat dia memang menjadi halang kepada *national unity* tetapi ada juga *argument* kalau kita tengok polemik dalam isu ini, dulu pun ada isu dia cakap kalau kita banding dulu banyak sangat *vernacular school* tetapi tidak ada masalah *national unity*, bukan sahaja di Malaysia kalau kita tengok konsep dalam *vernacular school*. Konsep *vernacular school* ini wujud di banyak negara dan kalau kita tengok contoh *Switzerland*, *Germany*, kalau tidak salah *South Africa*, *Mauritius* dan sebagainya, tetapi ia tidak menjadi penghalang kepada *national unity*.

Akan tetapi *argument* saya pada hari ini, petang ini bukan isu *national unity* macam saya cakap tadi macam mana hendak agih bajet itu kepada *primary*, dengan sekolah di mana tidak ada lembaga pengelola sekolah. Permohonan saya untuk mengkaji semula keputusan untuk menolak wujudnya satu, hendak tubuh sebuah sekolah menengah di *Penang* dengan alasan dia bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia. Ini kerana kalau kita tengok, pada saya, kalau kita tengok Perlembagaan Malaysia, Artikel 152, saya rasa ia benarkan. Akan tetapi petang ini saya tak mahu pergi dalam *argument* itu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya menarik perhatian semua kalau boleh, ini Perbekalan. Kita ada tiga atau empat lagi, dan tidak payah dipanjangkan. *Go direct to the point, then* apakah cadangan you?

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Saya hendak gulung kepada dua isu ini pasal alasan yang dipakai atas penolakan permohonan itu saya minta supaya dikaji semula atas *argument*, atas dasar Artikel 152 dan akhir sekali juga atas dasar UNESCO *three languages policy*. Akan tetapi, saya tidak menafikan Bahasa Malaysia itu penting, Bahasa Malaysia lingua franca, Bahasa Malaysia *national language* Malaysia. So, pada saya cuma dua isu sahaja. Saya minta supaya kementerian ulang kaji dan cari jalan untuk mengatasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menarik semua Ahli Yang Berhormat bahawa kita kalau boleh kerana kita ada kekangan masa yang saya terpaksa ikut dan untuk menyenangkan semua Dewan ini. Kita ada tiga, empat rang undang-undang lagi. Saya hendak pendekkan tengok kalau boleh jangka masa itu cuba Yang Berhormat, "*Mengikut peraturan sekian, saya hendak ini, ini, ini*". Tidak payah buat *elaboration* kalau boleh untuk mengelakkan masalah.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman. Silakan.

4.04 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bila kita lihat rang undang-undang ini, banyak pihak mendakwa kerajaan lemah sebab bentang bajet tambahan- yang mendakwa itu pembangkang. Dia kata lemah, buat apa bajet tambahan konon-konon kita ini tidak ada rancangan, tidak pandang depan, tidak ada fokus, sebab itulah muncul bajet tambahan. Jadi konon-konon MP Pekan itu lemah sebab adakan bajet tambahan.

Saya ingin hendak tanya, bila MP Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan, berapa kalikah bajet tambahan diadakan? Saya fikir sudah banyak kali, lebih daripada MP Pekan. Jadi semenjak beliau menjadi MP Permatang Pauh dan Menteri Kewangan, saya fikir banyak dia adakan bajet tambahan. Jadi saya minta Kementerian Kewangan menyatakan beberapa kali bajet tambahan diadakan semenjak MP Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan? Jangan hendak putar alam, pembangkang.

Jadi saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Kewangan kerana membentangkan bajet ini untuk rakyat. Kita daripada rakyat kepada rakyat, untuk rakyat dan negara. Tahniah dan syabas, Menteri Kewangan! Semangat sikit, takut mengantuk.

Kedua, saya lihat hendak pergi pada yang pertama maksud T.7, Suruhanjaya Pilihan Raya. Banyak yang diperuntukkan, RM656,500. Tahniah! SPR cekap, berwibawa dan ada integriti. Sesuai dengan ini, saya sokong bila bajet tambahan ini diadakan dan saya syorkan tambah lagi sebab SPR hendak adakan sempadan pilihan raya yang baru. Jadi, bajet tambahan sesuai, saya tidak tahu, mungkin termasuk perkiraan untuk sempadan baru.

Jadi sempadan baru ini bagus. Sejauh ini, apa yang dibuat oleh SPR semua baik tetapi ada dakwaan daripada pembangkang juga mengatakan SPR itu tidak bagus terutama Setiausaha PAS dakwa bahawa SPR itu bohong. Dia kena saman, kena dakwa. Timbalan Pengarah SPR, Dato' Wan, kena denda RM200,000. Jadi jangan main-main dengan SPR. SPR baik. Tahniah, syabas!

Ketiga, saya juga tengok B.6, Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak tekankan dasar baru, Pejabat Tanah dan Galian Persekutuan. Saya minta supaya pejabat tanah betul-betul lihat tanah-tanah di wilayah yang ada nilai, ada mutu, jangan nilai di bawah nilai. Contoh, Kampung Baru sekarang ada nilai satu kaki RM240. Sedangkan *ratio* nisbah lapan atau 10. Jadi kalau 8:10, nilai dia satu kaki RM800 ke atas atau RM1,000. Pun begitu, bandar raya dengan Pejabat Penilaian nilai satu kaki RM250 sebab hendak ambil jalan, hendak buat jalan kena bayar tanah, tetapi nilainya amat rendah. Begitu juga di kampung-kampung tradisi kampung yang lain, jangan nilai bawah daripada taksiran nilai yang sebenar. Jadi tidak patut, tidak munasabah.

■1610

Kedua, juga saya hendak sebut bahawa P.6 – Rukun Tetangga. Berapa banyakkah Rukun Tetangga sekarang yang ada? Kenapa sesetengah kampung ada, sesetengah kampung tidak ada? Adakah kerajaan bila berlaku 13 Mei atau huru-hara, baru hendak cana, baru hendak ambil berat dengan Rukun Tetangga. Saya fikir Rukun Tetangga ini amat baik, amat cantik. Saya fikir lengkapkan, berikan bajet, ada pondok, ada elauan sedikit sebanyak supaya Rukun Tetangga itu benar-benar berfungsi sepanjang masa, sepanjang musim dan bukan untuk pergaduhan sahaja.

Hari ini ada dadah, curi, masalah sosial dan banyak lagi. Jadi Rukun Tetangga perlu beri keutamaan, perlu beri bantuan, perlu beri masa hadapan yang lebih gemilang.

Saya juga hendak sentuh P.10 – Perbendaharaan. Diberikan bajet sebanyak RM60.8 juta untuk bina dermaga baru di Jeti Kargo Cecair, Pelabuhan Tanjung Langsat, Johor. Saya tabik kepada Perbendaharaan kerana berikan satu bajet yang cukup besar, tetapi biarlah bajet ini benar-benar mencukupi. Sekarang kita bukan sahaja hendak bina dermaga ataupun pelabuhan. Kita hendak bina satu imej yang kuat, yang baik, sesuai kedudukannya di selatan Semenanjung, sesuai dapat bersaing dengan Pelabuhan Singapura yang ternyata terbaik di Asia Tenggara, terbaik di Asia. Jadi kalau kita setakat bina sahaja, tidak mampu bersaing dengan jiran kita Singapura, buat apa bina. Jadi, binaan itu seharusnya menepati ciri-ciri piawai standard antarabangsa, dapat bersaing dengan Singapura.

Seterusnya kita hendak pergi ke Jabatan Perkhidmatan Awam – B.7. Saya fikir jabatan ini jabatan yang paling diminati. Saya sudah baca *Hansard*, orang minta kerja dua juta lebih, yang diterima kerja sepanjang 2013 sebanyak 60,000 dan 60,000 itu Tuan Yang di-Pertua, banyak. Akan tetapi yang menjadi masalah, alat-alat IT, alat-alat komputer tidak cukup dan untuk menampung keperluan ini di Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi saya minta supaya lebih canggih, lebih terbaru dan lebih cepat. Ini ada yang minta kerja, sampai enam bulan tidak tahu apa lagi. Sampai lebih enam bulan, setahun pun ada tetapi tidak ada jawapan. Akibat salah satunya, bukan sahaja akibat pengurusan tetapi tidak cukup alat-alat komputer, IT yang cukup, yang canggih dan yang sofistikated.

Seterusnya saya hendak bincang juga B.13 – Kementerian Luar Negeri. Saya rasa kedutaan perlu beri imej yang sewajarnya. Banyak saya pergi melawat di luar negara termasuk Amerika, Asia, Asia Tenggara, India, Afrika Utara, saya dapati banyak yang tidak sepatutnya diadakan. Saya pergi rumah duta, perabot lama, perabot usang. Perabot-perabot sesetengah itu perlu beli sendiri oleh duta-duta. Apakah kerajaan tidak ada duit atau buat tidak cana? Kerajaan seharusnya memberi sejumlah peruntukan untuk beli perabot-perabot yang sesuai, yang canggih. Malu kita. Malaysia aman, kaya, makmur, tetapi perabot rumah duta-duta... [*Bercakap dalam loghat Terengganu*] Tidak ada maya, buruk. Jadi, saya cadangkan supaya perabot itu sesuai.

Kedua, keadaan duta-duta perlu bagus, perlu sesuai dengan taraf duta.

Ketiga...

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Minta laluan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Manakah dia?... Boleh.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat tinggal Kementerian Luar Negeri berhubung imej ini, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat berhubung apa yang terjadi kepada suami isteri yang telah ditangkap, dibicarakan dan dipenjarakan di Sweden? Pendapat yang saya hendak minta daripada Yang Berhormat ialah tidakkah perkara ini sepatutnya tidak terjadi kalau pegawai-pegawai kerajaan yang hendak ditempatkan di luar negara diberi pengetahuan yang terperinci berhubung dengan negara-negara yang berkenaan.

Ini kerana apa yang berlaku di Sweden menjadi satu imej yang tidak baik kepada negara. Kesalahan ini kalau terjadi di negara kita tidak akan dipenjarakan, tetapi kesalahan seumpama yang dibuat di Sweden itu menjadi kesalahan. Apa pendapat Yang Berhormat dalam hal ini berhubung dengan imej kerajaan kita dilihat di luar negara. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya amat sokong supaya pegawai-pegawai yang hendak dihantar ke luar negara supaya dapat benar-benar faham akan *culture* di sana. Saya sokong, tetapi saya ingat semua pegawai kedutaan kerajaan sewajarnya mendapat taraf diplomatik Malaysia. Jadi kalau dia dapat taraf diplomatik, mereka akan kebal daripada segala dakwaan, segala tindakan yang tidak faham akan *culture* di Malaysia. Sebagai contoh Sweden. Mak dan ayah marah sebab anak tidak sembahyang, dipukul. Itu *culture* Islam.

Sweden sewajarnya tidak boleh ambil tindakan. Akan tetapi Sweden tidak faham *culture* Islam dan tidak ada satu undang-undang kekebalan taraf diplomatik untuk mereka itu dikekalkan. Jadi saya minta Kementerian Luar Negeri rangka balik, runding balik, mesyuarat balik supaya semua pegawai kedutaan Malaysia diberi taraf diplomatik, bukan sahaja *passport*. Saya dahulu jadi Menteri Sumber Manusia, ada taraf *passport* diplomatik. Buat apa *passport*? Kita hendak mereka, kakitangan dilindungi oleh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh berhenti sekejap Yang Berhormat. Ada satu usul hendak dibangkitkan sekarang ini. Sekejap Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 5 Mei 2014.”

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

■1620

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman semua Yang Berhormat, malam tadi kita sudah *create* rekod. Baguslah itu, semuanya berkobar-kobar semangat belaka, tetapi kita juga menggunakan budi bicara kita dan dalam masa kita membahaskan perbekalan ini, Yang Berhormat sudah banyak cakap masa itu- cuba kurangkan. Kalau boleh, agaknya saya berpendapat Yang Berhormat semua hendak balik ke kawasan. Kalau boleh balik cepat agaknya terpulang pada Yang Berhormat tetapi jangan panjang sangat kalau boleh, sekian. Silakan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Satu lagi yang saya hendak syorkan supaya semua Kedutaan Malaysia mengadakan jabatan di kedutaan. Contohnya pelancongan, MITI dan sumber manusia. Ada yang kedutaan ada, ada yang tidak ada. Saya mengesyorkan ini untuk negara maju dan yang sedang membangun. Satu lagi yang saya hendak cakap ialah hal ehwal Islam pelbagai hala. Saya sangat teruja, bangga dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyentuh dan mengambil berat tentang Bangsamoro di Filipina. Tabik- *salute!* Sehubungan dengan itu saya hendak mengesyorkan supaya Malaysia terus memainkan peranan untuk menyelesaikan dan membantu orang-orang Islam di Myanmar, di Selatan Thailand, tempat-tempat lain di Filipina dan juga di seantero dunia. Ini kerana Malaysia adalah sebuah negara yang amat dihormati, didengari untuk menyelesaikan masalah orang-orang Islam di negara-negara tersebut...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi Yang Berhormat, panjang lagi kah?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ringkaskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya juga hendak menyentuh mengenai Kementerian Kerja Raya. Bangunan guna sama banyak yang dirangka, *diplan* dan dirancang tetapi tidak buat-buat. Contohnya di tempat saya, Marang sudah sepuluh tahun dirancang tetapi tidak buat-buat lagi. Jadi saya menuntut, minta sangat-sangat supaya bangunan guna sama di Marang dibuat dengan segera. Begitu juga dengan mana-mana daerah yang dirancang bangunannya lebih daripada sepuluh tahun dibina dengan segera. Tidak ada guna merancang sampai berbelas-belas tahun tetapi tidak dibuat. Malu dekat orang.

Satu lagi B.30 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Apakah yang terjadi dengan rancangan angkasa negara? Dahulu kita ada rancangan tetapi sejak akhir-akhir ini nampaknya mati dan tidak ke mana-mana. Saya hendak tahu apakah kesudahannya?

Saya juga ingin bertanya mengenai B.43 – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya hendak minta supaya peralatan bomba dan penyelamat ditingkatkan dan diadakan yang sesuai terutama helikopter, yang ada okeylah tetapi tidak canggih mana, tidak cukup mana tambah lagi begitu juga alat-alat yang lain.

Saya juga minta supaya Kementerian Dalam Negeri - B.62, supaya unit motosikal itu diperbanyakkan. Akan tetapi saya berdukacita kerana kerajaan beli motosikal tetapi kecil-kecil, tidak rak hendak kejar perompak. Jadi tukarlah CC besar sedikit boleh kejar, yang kecil-kecil itu okeylah tetapi hendak kejar perompak tidak sempat. Jadi fikir-fikirlah yang sesuai. Saya juga hendak tabik sebab ada *life capture* di kaunter pasport, imigresen. Ini bagus, sesuatu yang bagus.

Akhirnya saya juga meminta semua jabatan dan kementerian membuat satu bancian berapa orang- masing-masing kementerian yang perlukan satu, pinjaman untuk beli rumah; dan kedua, kenderaan. Ketiga, saya hendak minta juga semua kakitangan jabatan awam diberikan keutamaan untuk mendapatkan rumah. Ramai kakitangan sekarang yang tidak ada rumah. Minta-minta rumah pula RM100,000 yang minta RM30,000, RM40,000. Jadi kena banci dan serahkan dengan kementerian perumahan supaya semua kakitangan itu cukup rumah dan ada rumah. Tidak patut dia kerja, khidmat bertahun-tahun, berpuluh-puluh tahun apabila keluar pencen tidak ada rumah. Sebab rumah yang hendak beli tidak ada. Jadi apa-apa pun saya menyokong penuh akan bajet Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2013. Tahniah dan saya sokong diberikan sebanyak RM2.392 bilion. Tahniah, syabas. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih kerana memberikan kerjasama. Sekarang saya mempersilakan Dato' Adam bin Abdul Hamid.

4.27 ptg.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.* Satu, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Saya hendak menyentuh tiga perkara sahaja. Pertama, Maksud T.14 - Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran. Peruntukan yang diminta RM310 juta. Persoalan, kita tidak tahu kah berapa ramai penjawat awam yang akan bersara pada tahun akan datang. Berapa keperluan? Saya membangkitkan perkara ini kerana kalau perkara ini terus berlaku begini gambarannya ialah imej kerajaan tidak bagus. Niat saya ikhlas, minta supaya ke depan, jabatan-jabatan yang berkenaan memberikan perangkaan awal supaya perkara macam ini tidak berulang.

Kedua, Maksud B.6 - Jabatan Perdana Menteri. Perkara 2 iaitu RM10.7 juta untuk menampung pembayaran emolumen kakitangan kontrak serta perbelanjaan operasi Pejabat Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan. Sama juga.

Tidakkah kita tidak boleh jangkakan berapa banyak peruntukan yang kita perlukan setahun untuk membayar gaji kakitangan kontrak ini. Perkara ini sangat mudah sebenarnya dan tidak perlu masuk dalam perbelanjaan tambahan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.21 - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Tambahan sebanyak RM20 juta diperlukan untuk membiayai keperluan perbelanjaan insentif hasil tangkapan nelayan. Ini saya hendak komen sedikit dan bagi pandangan.

■1630

Saya faham, saya rasa maksud kerajaan ialah apabila kita mengalami kenaikan mendadak harga ikan, kita adakan stok untuk menurunkan harga ikan. Ini memberi manfaat kepada rakyat jelata. Akan tetapi secara jangka panjangnya, saya minta supaya secara serius Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengharamkan pukat tunda di Malaysia.

Kenapakah saya katakan begitu? Ini kerana salah satu sebab yang utama kita kekurangan ikan adalah kerana pukat tunda. Melalui sistem yang kita sekarang ialah kita membenarkan pukat tunda ini menangkap ikan di luar daripada 12 batu nautika. Akan tetapi apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua ialah mereka, maknanya nelayan-nelayan yang ada permit pukat tunda ini masuk dalam kawasan hingga lima atau pun tiga batu nautika.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, di kawasan antara tiga hingga lima batu nautika inilah tempat ikan bertelur, anak ikan membesar dan anak ikan cari makan. Hari-hari pukat tunda lalu. Oleh sebab itu, kalau kita bezakan misalnya dengan Mauritius, 500 meter tidak sampai pun satu kilometer dari pantai, orang boleh menangkap ikan dan di situ ikan tuna Tuan Yang di-Pertua dengan mudahnya. Tiga minit pasti dapat seekor.

Akan tetapi Mauritius mengharamkan pukat tunda. Saya tahu kekangan kita ialah kadang-kadang kita menghadapi tekanan daripada pelbagai pihak termasuk parti-parti politik yang hendak mempertahankan. Akan tetapi bagi saya, manakah lebih utama? Sasaran jangka panjang negara termasuk tidak payah esok kita hendak mengadakan peruntukan tambahan seperti yang saya sentuh tadi ataupun kerana kita hendak melayan sistem yang kita cipta dahulu tetapi salah.

Kita kena berani membuat keputusan tetapi cadangan saya ialah kepada pemegang-pemegang permit pukat tunda ini berlaku adil. Berikan satu jangka masa yang munasabah. Misalnya lima tahun daripada sekarang mereka mestilah terus menangkap ikan juga tetapi melalui sistem yang lain. Saya percaya, tidak payah lima tahun, tiga tahun kita akan banyak balik ikan. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud tadi, terubuk pun sudah tidak ada. Terubuk ini dalam Malaysia, yang sedap sekali Terubuk Sebuyau di Sarawak. Sekarang pun hampir pupus. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah contohnya orang lama. Kalau boleh yang baru ikut macam itu bagus juga. Jimat masa dan *very constructive*. Tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar. Yang Berhormat pun cuba ikut, *direct to the point*, soal satu, dua, tiga, cukup. Teruskan.

4.34 ptg.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya saya terpaksa akur dengan apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua. Ya tetapi yang ini saya kena baca. Terima kasih.

Berkenaan dengan perbekalan tambahan daripada segi perbincangan yang kita hujahkan hari ini, saya terus kepada apa yang kita perkatakan juga iaitu berkenaan dengan jaminan bekalan makanan yang mencukupi. Kita tahu daripada segi peningkatan harga makanan dan kekurangan bekalan di peringkat antarabangsa telah menyebabkan krisis makanan berlaku di beberapa buah negara termasuk Malaysia.

Dalam keadaan di mana harga makanan dunia terus meningkat sejak awal tahun 2008, saya dimaklumkan bahawa pihak kerajaan telah mengambil langkah segera untuk memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi dengan harga yang berpatutan kepada pengguna. Langkah tersebut adalah dengan mengadakan Dasar Jaminan Bekalan Makanan atau apa yang dipanggil DJBM iaitu meningkatkan pengeluaran dan produktiviti sektor agro makanan bagi memenuhi tahap sara diri, memastikan pengusaha pertanian mendapat pendapatan yang setimpal serta menjamin pengeluaran bahan makanan, tidak menurun dan memastikan bekalan bahan makanan mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan.

Bagi memastikan matlamat DJBM tercapai, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah merangka program ataupun projek terutama meliputi:

- (i) peningkatan pengeluaran beras;
- (ii) perwujudan stok penimbal beras; dan
- (iii) program peningkatan pengeluaran dan produktiviti tanaman, perikanan dan ternakan.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, pemberian insentif kepada pengusaha-pengusaha pertanian mengukuhkan FAMA bagi memastikan pasaran dan pengagihan hasil-hasil pertanian dan pelaksanaan Program Bumi Hijau serta pembangunan tanah terbiar serta kolam terbiar untuk meningkatkan pengeluaran. Melalui dasar ini juga, Jabatan Pertanian Malaysia turut diberi tanggungjawab melaksanakan program-program ataupun projek-projek iaitu:

- (i) projek perataan sawah iaitu jelapang atau pun luar jelapang;
- (ii) projek tanaman kekal pengeluaran makanan;
- (iii) projek pembangunan tanah terbiar;
- (iv) Program Bumi Hijau; dan
- (v) pemberian insentif bagi menggalakkan peningkatan pengeluaran makanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk pihak kementerian memaklumkan kepada dalam Dewan apakah status terkini program dan projek yang dijalankan seperti yang saya sebutkan tadi. Juga jika ada sebarang bencana besar yang melanda negara ini, apakah status bekalan simpanan makanan negara? Jadi daripada segi pasaran halal global disokong oleh 1.8 bilion orang, umat Islam. Namun negara yang terlibat dalam pengeluaran makanan halal dan eksport tidak banyak iaitu hanya menyumbang 20 peratus kepada pengeluaran makanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin apa yang berlaku kepada baki 80 peratus situ kini memerlukan perhatian serius oleh pihak kerajaan. Saya turut ingin memohon pihak kementerian menjelaskan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan bakal dirancang dalam menangani masalah jaminan bekalan makanan halal yang saya sebutkan tadi.

Itu teks yang saya siapkan tetapi yang ini saya hendak bercakap atas dasar apa yang berlaku hari ini iaitu yang pertama berkenaan dengan kadar harga harta tanah di Kuala Lumpur yang mana *statement* ini telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan iaitu kalau saya boleh sebutkan namanya Datuk Abdul Hamid Abu Bakar berkata Kuala Lumpur bukan sahaja mempunyai harta tanah paling murah sebaliknya turut mempunyai infrastruktur yang lengkap dan pembangunan yang lebih pesat daripada bandar-bandar ASEAN yang lain.

Itu *statement* yang berlaku pada hari ini di Simposium Penyelidikan Harta Tanah Antarabangsa (IRERS) 2014 yang berlaku pada hari ini. Jadi saya minta kepada Kementerian Kewangan, apakah benar *statement* ini dikeluarkan oleh Datuk Abdul Hamid berkenaan dengan nilai harta yang berada di dalam Kuala Lumpur lebih murah ataupun bermaksud kalau kita bandingkan dengan Singapura atau dengan negara-negara yang di dalam ASEAN apa yang dikatakan oleh beliau.

Kalau ini berlaku, saya minta daripada segi data-data detil dan perbandingan harga-harga harta tanah yang disebutkan oleh beliau dalam negara-negara ASEAN kerana ini adalah *statement* yang dikeluarkan oleh beliau, yang terkini pada hari ini, pada petang ini tadi. Jadi saya minta pencerahan daripada Kementerian Kewangan tentang perkara ini.

Kedua, saya hendak maksudkan juga tentang Jabatan Kerja Raya iaitu kita bercakap tentang banyak semalam dalam perbincangan kita bercakap tentang kemalangan, bas itu rosak, JPJ tidak betul, SPAD tidak betul dan sebagainya. Akan tetapi saya hendak tanya juga kepada JKR ada atau tidak kajian dibuat oleh Jabatan Kerja Raya ataupun Kementerian Kerja Raya tentang kawasan-kawasan kemalangan ini? Oleh sebab antara faktor berlakunya kemalangan adalah daripada segi infrastruktur jalan raya itu sendiri, kedudukan jalan raya itu sendiri.

Jadi saya hendak tanya kepada kementerian kajian keseluruhan yang melibatkan kawasan-kawasan atau apa yang kita panggil *hot spot* yang berlaku kemalangan dan juga kematian di kawasan yang ada kadang-kadang ulangan berlakunya kemalangan tersebut, kajian yang dilakukan oleh pihak kementerian. Jadi saya minta kalau boleh dikemukakan oleh kementerian di dalam Dewan ini untuk memastikan infrastruktur jalan raya kita berada dalam konteks ataupun kualiti yang boleh menyelamatkan ramai pemandu yang berada di atas jalan raya.

■1640

Kedua, saya hendak tanya kementerian, Jabatan Kerja Raya atau Kementerian Kerja Raya berkenaan perkembangan laluan Kuala Lumpur ke Seremban iaitu pembesaran jalan *highway* kita iaitu empat *lane*. Oleh sebab sampai ke hari ini saya tengok walaupun kerja-kerja pembesaran itu berlaku tetapi daripada segi sistem keselamatan yang dilakukan, yang diletakkan ataupun disediakan oleh pihak-pihak kontraktor terbabit adalah sangat-sangat di luar daripada keadaan yang boleh kita panggil merbahaya. Sebagai contoh, kita tengok banyak berlaku kemalangan disebabkan kereta terpaksa berhenti dengan mengejut disebabkan pengadang-pengadang jalan diletakkan dalam keadaan yang sememangnya tidak membolehkan keadaan itu berlaku.

Jadi, saya minta kepada Kementerian Kerja Raya, saya hendak tahu tentang status antara jalan Kuala Lumpur ke Seremban sebab jalan itu saya rasa memang sangat bahaya sebab saya selalu balik Melaka. Apa lagi Datuk Seri Mohd Ali, setiap hari dia lalu *highway* itu. Memang teruk jalan itu. Pembesaran dibuat memang kami setuju sebab untuk masa akan datang. Akan tetapi daripada segi pendekatan keselamatan yang berlaku sekarang ini, keselamatan itu perlu diambil kira. Jadi, saya minta kementerian tolong mengambil perhatian tentang perkara keselamatan ini.

Sebagai orang Melaka tidak salah saya hendak tanya juga perkembangan daripada Kementerian Kerja Raya berkenaan dengan kesesakan yang berlaku sekarang di pintu masuk negeri Melaka terutamanya di Tol Ayer Keroh hendak menuju ke Bandar Melaka, daripada segi permohonan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Melaka sebelum ini, bagaimanakah hendak mengatasi masalah kesesakan? Ini kerana dari Tol Ayer Keroh hendak sampai ke Bandar Melaka tidak jauh pun. Sekitar 10 kilometer hingga 15 kilometer tetapi kadang-kadang daripada tol hendak sampai ke bandar mengambil masa dua, tiga jam disebabkan oleh kesesakan.

Jadi kita minta, kita merayu juga kepada kerajaan dan kementerian supaya dalam bajet yang tertentu ini tolong lihat juga masalah ini kerana Melaka adalah antara negeri penyumbang terbesar di dalam bidang percukaian. Jadi tidak salah kalau saya berkata keadaan ini untuk memastikan ia benar-benar direalisasikan oleh kerajaan. Bukan dalam bajet yang sebenar. Mungkin dalam hujung tahun ini kalau dapat bajet itu lagi baik. Jadi, saya hendak tahu daripada segi status apa yang berlaku sekarang ini.

Seterusnya saya hendak bercakap juga, tolonglah kita janganlah memperlekehkan sangat imej PDRM ini. Apabila bercakap sahaja ada kematian pesalah dalam penjara dan ada sesuatu berlaku, polis sahaja yang salah. Kita tengok dalam konteks yang sebenar secara keseluruhannya. Jangan apabila berlaku kita membela dalam keadaan yang kita menyalahkan satu pihak. Jadi, saya nampak ini tidak adil sebab kita kena tahu peranan dan imej PDRM itu sangat besar. Polis ini sangat berjasa kepada negara kita.

Penubuhannya sudah begitu lama dan mereka telah berbakti begitu lama. Ada di antara Ahli-ahli Dewan ini yang mempunyai ahli keluarga yang menjadi anggota polis. Jadi, kita jangan buat begitu. Jangan kita perlekehkan dan kita membela sesuatu pihak dan kita mempersoalkan polis dan kita menuduh dan menuding jari kepada polis mengatakan kesalahan ini berlaku kepada polis. Ini tidak adil. Tolong beri mereka ruang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah cadangan Yang Berhormat? Tambahan?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Jadi, saya mencadangkan kepada mereka yang cuba mencari kesilapan polis fikir-fikirkanlah keadaan ini. Saya minta kepada pihak PDRM juga dan pihak Kementerian Dalam negeri, kalau benar perkara ini berlaku. Saya minta kementerian sendiri mengkaji keadaan ini secara telus dan buat sesi penerangan yang membolehkan rakyat di luar sana ataupun yang di dalam Dewan boleh faham perkara ini dan tidak perlu timbul lagi keadaan-keadaan yang sebegini rupa. Saya sedih sebab adik saya jadi polis. Jangan dibuat begini rupa.

Dalam masa yang sama juga, dalam bajet tambahan, dan bajet tertentu oleh pihak kerajaan saya minta jugalah tentang Kementerian Belia dan Sukan...

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan, sebab sudah lama tidak cakap dengan dia.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa kita ini soal tambahan. Jangan disebut benda-benda dengan izin, *in every action there will be a reaction*. Kalau boleh tumpukan pada soal pokok. Ya Yang Berhormat Saiful, apakah dia? Silakan.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma meminta pandangan daripada Yang Berhormat Tuan Baharudin. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa di dalam anggota polis juga banyak berlaku kepincangan yang perlu diperbetulkan. Kepincangan ini harus diperbetulkan bagi memastikan imej polis terus terjaga dan tidak tercemar seperti apa yang berlaku sekarang kerana daripada kelompok yang dikatakan menegur atau mengkritik pihak polis, kita juga datang dari keluarga polis. Oleh sebab itu kita ingin melihat agar imej polis tidak terus dibabitkan dengan salah laku rasuah, salah laku pecah amanah dan sebagainya. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju bahawa daripada kalangan mereka yang melakukan kesalahan harus dihukum dan diberikan pengajaran yang setimpalnya. Terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Saiful.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba ringkaskan.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya akan ringkaskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap. Kalau boleh, kalau sebut PDRM, apakah cadangan Yang Berhormat? Peruntukan sekarang tidak cukupkah, perlu tambahkah? Apakah yang perlu dibaiki? Itu boleh tetapi soal lain-lain itu sudah jadi dipolitikkan maka ini akan berpanjangan dan saya fikir akan membuat masa sahaja. Cuba ringkaskan Yang Berhormat, cukup.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Jadi untuk pandangan Tuan Saiful tadi, saya tidak boleh berkata tentang setuju sebab itu sebenarnya penambahbaikan. Kita kena faham dan akur...

Tuan Yang di-Pertua: Saya cadang Yang Berhormat agaknya hendak bagi tambah gajikah, rumah diperbaikikah? Itu yang saya maksudkan.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ambil apa yang Tuan Yang di-Pertua perkatakan itu sebagai sebahagian ucapan saya. Jadi, saya rasa yang itu saya setuju sangat. Untuk PDRM saya rasa Tuan Yang di-Pertua sudah membantu saya dalam konteks ini. Jadi saya gunakan itu sebagai...

Tuan Yang di-Pertua: Apabila sebut polis, saya dalam polis dahulu. Saya tahu. Oleh sebab itu, sekarang kalau Yang Berhormat hendak cadang, baik cadangkan apa dia penambahbaikan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya terima cadangan Tuan Yang di-Pertua sebagai sebahagian ucapan saya. Saya hendak bercakap tentang Kementerian Belia dan Sukan sebab kita sentiasa bercakap setiap kali *sitting* ada bajet tambahan-bajet tambahan. Akan tetapi untuk KBS ini saya tengok terutamanya yang melibatkan peruntukan belia ini tolonglah pihak kerajaan, saya minta berkali-kali dalam perkara ini. Tolonglah bagi bajet yang *extra* sedikit. Oleh sebab hari ini pun saya sudah terima dari beberapa buah persatuan belia, minta bantu, minta tolong untuk mereka mengaktifkan mereka punya persatuan dan sebagainya. Akan tetapi masih lagi tidak berlaku sebab saya tidak tahu kenapa peruntukan dahulu tidak dikembalikan kepada persatuan-persatuan belia ini? Tidak jadi masalah sebab cadangan-cadangan pun telah kita kemukakan pada sidang-sidang yang lepas. Tolong *check* baliklah.

Kalau saya cakap nanti Tuan Yang di-Pertua marah. Akan tetapi tolong *check Hansard* yang dahulu. Kita kena pastikan sebab belia ini penting, modal insan kita ini, inilah bakal-bakal pemimpin kita. Tolong memperkasakan mereka balik. Jadi, saya minta dan saya merayu kepada kerajaan. Kalau boleh kembalikan balik apa peruntukan yang telah kita berikan kepada belia selama ini, bagilah bajet *extra* kepada Kementerian Belia dan Sukan sebab kita tidak hendak belia-belia kita nanti akan terpinggir atau marah kepada kita balik sebab kita tidak boleh hendak *explain*. Kalau kita tidak ada peruntukan yang sesuai untuk mereka...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada perkara yang lain...

Tuan Yang di-Pertua : Cukup Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Okeylah, sebab Tuan Yang di-Pertua minta, saya akur kepada keadaan. Terima kasih dan saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Memang Yang Berhormat banyak *point* tetapi kadang-kala saya kena ringkaskan. Cukup Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam .

4.47 ptg.

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin sama-sama menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi tahun ini. Ramai kata ini kelemahan, saya fikir ini kecekapan. Bermakna kerajaan sudah buat bajet, lepas itu boleh belanja lebih daripada bajet yang telah diputuskan. Bermakna ini cekaplah dan kita pun ada duit lebih. Pembangkang dia cakap tetapi Selangor pun ada perbelanjaan tambahan, Penang pun ada, Kelantan pun ada. Jadi, mereka pun tidak boleh kata mereka tidak cekap. Ini menunjukkan kecekapan termasuk negeri-negeri Barisan Nasional yang lain kerana Melaka masa saya pun dahulu pun tambahan juga belanjawan.

Pertama, saya hendak sentuh T.7 berkaitan dengan SPR. Saya percaya salah satu sebab kita kena tambah ini kerana ada pilihan raya sia-sia tempoh hari di Kajang. Harap pembangkang jangan ulang balik perkara begini.

Kedua, T.14 – Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran. Kita hendak tambah RM310 juta faedah persaraan yang tidak mencukupi. Saya sokong kerana pegawai-pegawai kita bekerja kuat. Kalau tidak kita tidak maju sampai sekarang. Antara pegawai-pegawai yang ketinggalan ialah pegawai-pegawai kontrak seperti pegawai KEMAS, JASA, Rukun Tetangga dan sebagainya.

Walaupun mereka bekerja 30 tahun hingga 40 tahun tetapi habis pencen habis kerja tidak ada pencen. Saya mencadangkan kementerian patut timbangkan. Kalau tidak bagi pencen seperti pegawai biasa patut ada elaun. Mungkin sebulan RM500 macam diberi kepada BR1M.

Yang seterusnya, antara pegawai-pegawai yang bergaji rendah pegawai SPRM kerana mereka sekarang ini semua orang hendak pakai untuk tingkatkan integriti. Saya cadangkan kerajaan kaji semula struktur gaji pegawai-pegawai SPRM supaya gaji mereka ini setimpal dengan kerja mereka.

■1650

Ketiga B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam, rawatan perubatan. Ini pun hendak tambah, saya sokong. Antara pegawai yang tidak dapat perawatan yang baik pegawai-pegawai kontrak seperti KEMAS, JASA, RELA, Perpaduan Masyarakat dan sebagainya. Oleh itu saya berharap kerajaan memberi peruntukan tambahan kepada mereka supaya bila mereka pencen mereka juga dapat kelas satu rawatan pakar dan sebagainya.

Keempat, Maksud B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Banyak kita sentuh berkaitan dengan import makanan yang berbelas bilion ringgit. Hari ini kita hendak tambah RM20 juta untuk insentif hasil tangkapan nelayan. Saya cadangkan kementerian kena buat banyak lagi program-program tukun tiruan yang boleh menarik lebih banyak ikan untuk membiak dan ini boleh mengurangkan import ikan ke negara kita.

Di samping itu juga import daging pun terlalu banyak, berbilion. Saya hendak cadangkan kementerian adakan balik skim dahulu Skim Pawah. Orang kampung dia bagi lembu dan ada pusat pembiakan benih lembu. Antara negeri yang terbaik untuk peliharaan lembu kerana kawasannya sejuk adalah di Kundasang, Sabah dan juga di kawasan-kawasan yang lain. Dengan itu saya berharap ini perlu diberi perhatian oleh sebab boleh mengurangkan import daging dalam negara.

Kelima, B.23 – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya semasa dulu Ketua Menteri selalu kompelin fasal hakisan pantai. Kadang-kadang bangunan semuanya sudah runtuh barulah hendak dibina balik hakisan pantai ataupun pantai berkenaan. Dengan itu saya berhadapan kementerian dapat ditambah lagi peruntukan dalam peruntukan tambahan yang akan datang supaya sebelum pantai ini runtuh hendaklah ditambah lebih awal. Seperti di Melaka, Pantai Puteri di Klebang dan juga di Alor Gajah dan sebagainya.

Seterusnya saya hendak sentuh berkaitan dengan P.31 – Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Antara usaha kementerian ialah untuk menjaga budaya kita. Kita ada ramai guru silat. Banyak berjasa tetapi mereka ini terbiar begitu sahaja. Saya hendak cadangkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ataupun Kementerian Belia dan Sukan kepada guru-guru silat yang telah lama berjasa ini diberi mereka insentiflah, elaun guru silat agar budaya kita ini tidak terhakis kerana sekarang ini mereka bekerja semuanya secara sukarela.

Seterusnya P.24 – Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri. Kita ke arah negara maju, kita kekurangan perniagaan borong. Di Kuala Lumpur ini terkenal macam Low Yat, di Klang- GM. Saya hendak cadangkan kepada Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri supaya bina sebuah kawasan meniaga borong di Kuala Lumpur ataupun di mana-mana pusat bandar, selepas itu orang yang hendak meniaga borong ini boleh datang di situ. Tiru macam mana Low Yat dan juga GM. Dengan cara begini, kita boleh mengawal harga barangan kerana ramai orang kita yang terlibat dalam bidang borongan.

Akhirnya saya hendak sentuh berkaitan dengan Kementerian Kesihatan, ini dalam Maksud P.42. Isu perkhidmatan dialisis amat serius sekarang. Ramai orang kena sakit buah pinggang tetapi kita kekurangan kemudahan dialisis di hospital-hospital kerajaan. Kita terpaksa bergantung kepada klinik swasta dan satu bulan lebih kurang RM2,000-RM3,000. Sedangkan kerajaan telah bina banyak hospital. Macam di Melaka kita ada lagi dua buah hospital besar, satu di Alor Gajah RM100 juta telah siap, satu lagi di Jasin dahulu RM60 juta.

Ini boleh digunakan sebagai pusat hemodialisis kerajaan. Kerajaan boleh *employ* balik doktor-doktor yang telah pencen, jururawat-jururawat yang telah pencen dan ini boleh memberi kemudahan kos rendah kerana kalau dengan kerajaan ia cuma RM20 sahaja. Jadi saya berhadap hal-hal yang penting ini dapat diberi perhatian oleh kementerian-kementerian yang saya sebut tadi termasuk juga Kementerian Kesihatan agar rakyat akan lebih lega dalam kita membangunkan negara berpendapatan tinggi, tetapi kebajikan rakyat sentiasa diambil kira. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah, kalau boleh buat macam ini *point* macam ini satu ini dan ini dia, cadang begitu supaya ringkaskan. Yang Berhormat Datuk Jamilah hendak bercakap tidak? Nama sudah ada di sini.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah hantar notis untuk GST, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Roslin binti Haji Abdul Rahman.

4.55 ptg.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan membahaskan pada lima Maksud iaitu yang pertama Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri Butiran 410200 – Emolumen Kakitangan Kontrak berjumlah RM550,940. Saya ingin merujuk kepada perkara di atas berkenaan kakitangan kerajaan yang bekerja secara kontrak khususnya kakitangan wanita. Soalan saya adalah:

- (i) berapakah jumlah kakitangan kontrak wanita yang sedang berkhidmat kini;
- (ii) apakah kadar perbandingan jantina lelaki dan wanita kakitangan secara kontrak ini;
- (iii) berapa lamakah had maksimum kakitangan wanita ini diambil kerja sebagai pekerja kontrak;
- (iv) apakah ada perancangan program menyerap kakitangan secara kontrak ini ke jawatan tetap; dan
- (v) apakah tindakan kerajaan untuk menambah baik kemudahan pekerja-pekerja secara kontrak ini.

Seterusnya saya sentuh di sini Maksud B.21 iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mana peruntukannya berjumlah RM20 juta. Saya ingin menarik perhatian Dewan insentif hasil tangkapan nelayan yang disebut di atas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya rasa saya dengar sudah banyak yang disentuh berkenaan insentif. Yang Berhormat pergi ke *next point*. Agaknya dia akan jawabkan itu. Terus ke perkara yang lain.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Saya pergi kepada- tetapi saya hendak sentuh juga di sini. Tidak banyak saya ada lima perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Memandangkan ramai di antara nelayan ini merupakan mereka yang hidup di bawah kemiskinan tegar, insentif ini amat membantu. Sungguhpun begitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga perlu melihat aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan ini, jadi soalan saya:

- (i) bagaimanakah insentif ini diberikan;
- (ii) berapa ramaikah nelayan yang terpilih menikmati insentif ini;
- (iii) adakah insentif ini meliputi juga industri keropok, budu, belacan dan lain-lain lagi;

- (iv) apakah insentif ini berbentuk wang atau bentuk lain;
- (v) apakah pihak Kementerian melibatkan persatuan-persatuan nelayan dalam menjayakan insentif hasil nelayan ini; dan
- (vi) apakah mekanisme yang digunakan dalam menentukan jumlah insentif yang diberikan supaya tidak ada unsur penipuan berlaku.

Seterusnya saya sentuh kepada Butiran B.23 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang mana peruntukan berjumlah iaitu sebanyak RM492,350. Merujuk kepada Maksud pengawasan dan penguatkuasaan saya ingin bertanya kepada Kementerian ini:

- (i)apakah perancangan Kementerian dalam memperkasakan pembahagian kawasan dan penguatkuasaan;
- (ii) apakah bilangan kakitangan pengawasan dan penguatkuasaan itu mencukupi;
- (iii) berapakah jumlah kakitangan pengawasan dan penguatkuasaan yang melibatkan kakitangan wanita dan kadarnya berbanding kakitangan lelaki;
- (iv) berapa banyakkah kes-kes yang dibawa ke Mahkamah yang masih belum diputuskan; dan
- (v) apakah cabaran-cabaran dalam kerja-kerja pengawasan dan penguatkuasaan ini.

Seterusnya saya menyentuh Maksud B.29 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, yang mana soalan saya adalah:

- (i) saya ingin memohon pihak Kementerian memberitahu apakah ia program-program yang dirancang dan siapakah sasaran program itu;
- (ii) berapa lamakah program itu hendak dilaksanakan;
- (iii) apakah program itu dilaksanakan sendiri ataupun diswastakan;
- (iv) apakah program ini juga diperuntukkan kepada pemegang-pemegang konsesi swasta yang lain; dan
- (v) apakah contoh-contoh program yang dilaksanakan sekarang.

Seterusnya yang kelima yang akhir saya mahu sentuh di sini ialah Maksud B.62 Kementerian Dalam Negeri. Sesuai dengan tugas-tugas Imigresen yang semakin mencabar dengan masalah PATI, dengan masalah sempadan negara yang kerap dibolosi dan masalah penipuan dokumen perjalanan dan beban tugas pendakwaan, maka pastinya imigresen memerlukan satu *team* yang mantap dari segala segi. Jadi soalan saya:

■1700

- (i) apakah jumlah kakitangan imigresen ini mencukupi?;
- (ii) apakah program pembangunan tenaga manusia yang dirancang kepada kakitangannya?;
- (iii) adakah pihak imigresen akan memperkukuhkan barisan hadapan mereka dengan mendapatkan aset-aset baru yang diperlukan dalam operasi harian mereka?;
- (iv) berapakah jumlah bilangan anggota wanita imigresen sehingga kini dan apakah program penambahan kakitangan wanita menduduki jawatan peringkat membuat keputusan?; dan

- (v) apakah program yang dilaksanakan oleh pihak imigresen untuk membendung gejala rasuah yang mana kita selalu dengar melibatkan kakitangannya?

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Semua Ahli Yang Berhormat, kita sekarang sudah jam 5 petang. Ada beberapa orang lagi. Saya cuma kalau boleh hendak bagi peluang kepada semua tetapi soalnya kita dalam peringkat soal peruntukan tambahan, ada disebut dan kalau boleh tidak payah sebut sudah lagi. Dasar tidak boleh disentuhlah. Apa komen Yang Berhormat, justifikasinya kepada peruntukan tersebut. Itu yang kita hendak dengar. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok.

5.01 ptg.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mengutarakan dua perkara. Pertama bagi Maksud B.47, Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam peruntukan di sini untuk kementerian, dia hendak tambahan RM46.9 juta. Ini pada hemat saya, tambahan yang serupa ini amat wajar. Dalam konteks kalau kita cakap berhubung dengan pembangunan infrastruktur yang masih perlu sangat di negeri Sarawak dan Sabah, peruntukan yang serupa ini, tambahan perbekalan ini amat dialu-alukan. Sebenarnya tambahan ini kalau kita lihat mungkin tidak mencukupi. Memang tidak mencukupi pun.

Jadi dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian kepada kementerian yang berkenaan dan untuk Dewan ini juga. Pada hujung tahun yang lepas, 85 peratus merupakan *coverage cellular telephone* di Sarawak. Jadi, 85 peratus liputan ini angka yang sentiasa berubah kerana perbekalan sistem kita seperti fiber optik atau *microwave radio link* dan satelit yang membantu dalam *cellular network* ini sentiasa tidak konsisten di luar bandar. Oleh sebab yang demikian, sistem teknologi yang lama seperti yang saya lihat sistem satelit yang telah dibekalkan di kebanyakan klinik-klinik desa di luar bandar tidak diambil peduli. Apabila ia sudah rosak, tinggal begitu. Jadi peratus *coverage* itu sudah menurun.

Oleh sebab demikian, saya mohon kepada kerajaan untuk melihat kembali untuk menguatkan sistem kita khususnya di kawasan luar-luar bandar seperti dalam kawasan Baram. Saya mohon supaya tiang-tiang menara telefon yang lama sudah dirancang buat begitu di mana ada 67 buah kampung supaya tiang-tiang menara telefon ini didirikan. Itu yang pertama. Baik melalui fiber optikkah, melalui *microwave radio link* atau satelit, tetapi saya cadangkan supaya sistem teknologi itu tahan lama, Tuan Yang di-Pertua.

Jangan kita bekal substandard kerana *mobile network* ini merupakan satu teknologi yang sudah menyerap kepada, dalam erti kata *economic term, the food of the pyramid*. Bermaksud, orang miskin pun sudah terlibat dalam teknologi ini. Boleh sudah pandai memegang telefon. Andai kata kalau *telephone line* kita ini terputus, seolah-olah dunia ini sudah kucar-kacir. Demikian pentingnya sistem *cellular network* ini amat perlu demi kesejahteraan dan kemakmuran supaya rakyat kita boleh berkembang maju seiring dengan rakan yang sudah maju di bandar.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah sedikit kepada apa Yang Berhormat Ali Rustam kata berhubung dengan pusat dialisis kerana saya melihat keadaan ini di hospital-hospital kita di Sarawak. Saya mohon supaya mesin-mesin dialisis ini kita perbanyakkan sehingga klinik-klinik desa yang ada di pekan-pekan, yang ada bekalan elektrikkah kerana mesin ini amat memerlukan tenaga elektrik. Jadi saya cadangkan dua atau tiga buah mesin ini dibekalkan kepada klinik-klinik desa supaya orang kita yang duduk di luar bandar boleh menikmati, datang berubat, datang mendapat rawatan pada mesin-mesin tersebut.

Jadi, saya menyokong sangat perbekalan tambahan ini. Sebenarnya tambahan ini tidak mencukupi pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya menyokong penuh.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah dan selepas tu Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Saya juga ingin mengingatkan Yang Berhormat, cuba ikut macam mana saya pesan tadi, kalau boleh jimatkan masa di samping kemukakan poin-poin ataupun perkara-perkara yang hendak dibangkitkan. Silakan.

5.06 ptg.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: *Insyallah* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya untuk turut serta berbahas Rang Undang-undang Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua Tahun 2013.

Saya hanya terus satu perkara sahaja iaitu maksud P.27 bagi Kementerian Kerja Raya khususnya mengenai Pan-Borneo. Jajaran Pan-Borneo seperti yang kita sedia maklum, menghubungi negeri Sarawak dan juga negeri Sabah dari Lundu di Sarawak hingga ke Sepitang di Sabah. Pan-Borneo merupakan nadi perhubungan yang amat penting bagi kita di negeri Sarawak khususnya kepada pembangunan dan kemajuan negeri Sarawak dalam bidang ekonomi dan juga pelancongan khususnya bagi wilayah SCORE yang merangkumi industri hab halal di Tanjong Manis hingga ke Samalaju di Bintulu iaitu pusat industri-industri berat.

Pan-Borneo juga merupakan perhubungan yang penting dan perlu untuk kerajaan melaksanakan pelbagai program transformasi luar bandar. Pembinaan Pan-Borneo yang kita telah difahamkan melalui beberapa fasa pembinaan dalam tempoh masa tertentu dari setahun ke setahun hinggalah selesai pembinaannya. Seperti yang kita sedia maklum, kos bahan binaan khususnya di Sarawak semakin meningkat dan begitu juga kos pengangkutan juga meningkat disebabkan harga petrol naik. Sudah tentu impak pelbagai kenaikan kos tersebut juga melibatkan kenaikan kos bagi pembinaan jalan-jalan raya termasuk jajaran Pan-Borneo.

Selain itu, saya juga pernah menyuarakan tentang masalah di kawasan Pan-Borneo di mana kenderaan semakin bertambah dan kesesakan lalu lintas berlaku yang boleh mengakibatkan, yang pernah dan sedang mengakibatkan kemalangan sering berlaku di sana. Itu mengenai Pan-Borneo.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai tol di Semenanjung. Kita difahamkan bahawa tol di Semenanjung, kadar bayarannya tidak naik. Malah, kerajaan beri subsidi yang saya kira dalam jumlah yang amat besar untuk menampung kadar tol melalui konsesi kepada pihak operator tol.

■1710

Itulah dinamakan nikmat subsidi daripada Kerajaan Persekutuan yang dapat dinikmati dan boleh dimanfaatkan ribuan pengguna lebuhraya di Semenanjung Malaysia. Dengan itu atas sebab-sebab tertentu tadi khususnya dengan pelbagai kos kenaikan, saya ingin merayu agar Kerajaan Persekutuan supaya menambah peruntukan khususnya bagi pembinaan Pan Borneo. Sekurang-kurangnya masyarakat yang tinggal di sekitar kawasan Pan Borneo juga dapat menikmati seperti pengguna-pengguna lebuhraya dan menikmati subsidi daripada kerajaan melalui tol tadi. Mereka juga dapat menikmati dan manfaat daripada keprihatinan dan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan dengan mempercepatkan pembinaan Pan Borneo. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, ribuan terima kasih atas kerjasama semua. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.11 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalai-kumsalam.*

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Salam sejahtera, salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Kita sangat menghargai akan cadangan, pandangan, dan teguran yang telah diberi terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Terdapat beberapa isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan dengan pandangan yang bernas dan cadangan yang membina untuk kepentingan rakyat dan negara.

Bagi makluman Yang Berhormat perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua Tahun (2013), 2014 hanya melibatkan perbelanjaan mengurus dan bukan perbelanjaan pembangunan kerana usul Perbelanjaan Tambahan Pembangunan telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat dan tidak perlu dibahaskan di peringkat Dewan Negara. Saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan menyentuh perbekalan tambahan yang dibentangkan. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab saya akan maklumkan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberi, kerana kita ada pegawai-pegawai daripada kesemua kementerian. Walaupun mereka tidak kelihatan di belakang saya ini, mereka berada di bilik khas di kawasan Parlimen ini dan mereka mencatatkan semua perkara yang ditimbulkan oleh 19 Ahli Yang Berhormat, dan...

Tuan Yang di-Pertua: Ada 20 Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ada 20 ya. Minta maaf saya. Antara yang telah mengambil bahagian ialah Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon, Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah, Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul, Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid, Yang Berhormat Tuan Baharudin, Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Lihan Jok, dan Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg. Ini mengikut catatan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya 19 Yang Berhormat kerana Datuk Jamilah tidak jadi bercakap.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, 19 orang. Betul catatan saya 19 tadi. Perkara-perkara yang disentuh itu saya jawab. Tebal ini sebenarnya jawapan ini. Mungkin saya tidaklah akan membacanya semuanya sekali. Akan tetapi setelah saya semak tadi hanya perkara-perkara yang penting kerana hanya saya seorang yang menjawab bagi pihak semua kementerian yang lain. Jika Timbalan-timbalan Menteri yang berkaitan itu menjawab mungkin boleh mereka memberikan *detail* dan mereka boleh menerima pencelahan-pencelahan.

Namun kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingin bertanyakan saya kembali kepada kementerian yang bukan di bawah kementerian saya, saya cuba menjawab. Kalau tidak dapat menjawab minta maaf. Mungkin pegawai-pegawai akan memberikan jawapan. Satu lagi kaedah ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Beginilah Yang Berhormat, saya fikir kita pun faham kedudukan Yang Berhormat dan kementerian banyak disebut tadi. Jika kementerian-kementerian itu tidak dapat menjawab, saya harap pegawai-pegawai catat dan beri jawapan secara bertulis kepada semua pihak yang berkenaan. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Betul. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah, untuk makluman Yang Berhormat Senator, antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan berkaitan Sistem Penuaian Air Hujan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) merujuk Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah menyediakan reka bentuk dan garis panduan yang komprehensif bagi pemasangan SPAH di bangunan-bangunan dan rumah-rumah kediaman. Memasukkan elemen skim Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) sebagai komponen pelaksanaan manual saliran mesra alam sejak tahun 2001.

Kerjasama di peringkat Kementerian Jabatan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan mengambil kira pelaksanaan Skim Sistem Penuaian Air Hujan ini dan menguruskan cadangan pembangunan yang dikemukakan oleh pihak pemaju. KeTTHA daripada segi dasar Perundangan dan Penggunaan Teknologi (NRE) daripada segi reka bentuk sistem garis panduan pemasangan sistem, pemasangan sistem dan kajian yang berkaitan dengan penambahbaikan sistem. KPKT daripada segi perundangan pemakaian serta pelaksanaan pemakaian bagi bangunan-bangunan yang di bawah bidang kuasa serta penguatkuasaan.

KKR daripada segi reka bentuk ke atas bangunan-bangunan kerajaan yang berkaitan. Antara garis panduan yang telah diterbitkan ialah garis panduan pemasangan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan oleh KPKT. Pada tahun 1999 garis panduan oleh JPS bertajuk *Rainwater Harvesting Planning and Design*, dengan izin, dan yang ketiga, panduan pelaksanaan inisiatif pembangunan kejiranan hijau, Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan.

Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Untuk makluman Yang Berhormat banjir kilat lumpur di Cameron Highlands 23 Oktober 2013 disebabkan oleh limpahan air Sungai Bertam akibat pelepasan air di empangan Sultan Abu Bakar di Cameron Highlands. Empangan ini adalah di bawah tanggungjawab Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sememangnya telah mempunyai perancangan serta sedang melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan bagi mengatasi masalah limpahan air sungai dan meningkat kapasiti sistem sungai yang bertujuan untuk mengurangkan masalah banjir di Cameron Highlands.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 Oktober 2013 di Dewan Rakyat semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014 telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM40 juta bagi kerja-kerja mendalamkan Sungai Bertam sebagai langkah segera untuk menangani masalah ini. Projek ini dicadangkan dilaksanakan mulai tahun 2014. Sebagai langkah untuk mengatasi isu pencerobohan haram di Cameron Highlands, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang sentiasa meningkatkan rondaan dan pemantauan pencerobohan dalam hutan simpan kekal di Cameron Highlands.

Kemudian sebagai usaha jangka panjang kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah menyediakan garis panduan pembangunan melibatkan sungai dan rizab sungai yang bertujuan memastikan perancangan pembangunan yang mampan dapat dilaksanakan di kawasan yang melibatkan sungai dan rizab sungai di seluruh negara.

Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat adalah mengenai mengatasi masalah jerebu. Baru-baru ini masalah ini kerana berikutan cuaca panas dan kering yang luar biasa yang telah menyebabkan berlakunya kebakaran terbuka di tanah gambut, hutan dan tanah pertanian. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar telah mengambil beberapa langkah dan menangani masalah jerebu. Mengambil tindakan penguatkuasaan bagi kes-kes pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kedua meningkatkan aktiviti-aktiviti rondaan darat terutamanya di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti mudah terbakar.

Ketiga, mengeluarkan secara serentak surat-surat arahan pada pihak Majlis Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab ke atas tapak pelupusan sampah.

Keempat bagi negeri-negeri melaksanakan projek pencegahan pembakaran di tanah gambut mudah terbakar ialah di Selangor, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Pemantauan yang lebih ketat dilaksanakan di kawasan tanah gambut yang mudah terbakar mengikut SOP yang ditetapkan.

Kelima, pengawasan rapi status kualiti udara melalui 52 buah stesen kualiti pengawasan udara yang ditempatkan di seluruh negara dan yang keenam mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas pelepasan asap dari kenderaan bermotor dan pelepasan dari industri.

Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas mengenai tindakan kerajaan bagi mengatasi banjir di Pahang. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah dan sedang melaksanakan projek-projek fizikal melibatkan program rancangan tebatan banjir di negeri Pahang secara berperingkat. Sebanyak 19 projek RTB telah dan sedang dilaksanakan iaitu dengan syiling RM337 juta dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Rancangan yang pertama 15 projek, seterusnya 22 projek, satu projek dan RP4 satu projek RM120.5 juta.

Antara kawasan yang menerima manfaat ialah Kuantan, Pekan, Rompin, Bera, Cameron Highlands, Jerantut, Kuala Krau, Lipis, Maran, Paya Besar, Raub, Temerloh dan Sungai Isap, Kuantan. Selain itu peruntukan sebanyak RM50 juta juga telah diluluskan dalam tahun 2013 yang disalurkan oleh pihak ICU Jabatan Perdana Menteri kepada JPS sebagai pelaksana projek, bagi melaksanakan kerja-kerja mengatasi masalah banjir di Bandar Kuantan yang kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

■1720

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengamalkan pengurusan banjir secara holistik dan bersepadu dalam mengurangkan risiko banjir di seluruh negara dan kesan negatif banjir di seluruh negara. Pendekatan dan usaha yang dilaksanakan ini telah berjaya mengurangkan impak akibat bencana banjir walaupun tidak dapat menyelesaikan secara kekal.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah- mengetatkan kawalan filem. Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS) sentiasa menggalakkan penerbitan filem-filem yang dapat memberikan kesan yang baik kepada masyarakat. Kementerian tidak mempunyai kuasa terhadap kandungan penerbitan sesebuah filem kecuali filem yang menerima bantuan daripada kerajaan melalui FINAS iaitu di bawah Dana Penerbitan Filem Kenegaraan dan Warisan, Dana Kesan Khas dan Dana Penerbitan Animasi.

Berkuat kuasa tahun 2012, kerajaan telah menetapkan bahawa tiada lagi penapisan filem akan di laksana untuk sebarang filem yang akan diterbitkan sebaliknya peranan tersebut akan diserahkan sepenuhnya kepada pengarah dan penerbit filem itu sendiri untuk menilai isi kandungan filem yang akan diterbitkan. Sekiranya terdapat masalah berbangkit mengenai sebuah filem yang ditayangkan, maka penerbit dan pengarah filem berkenaan perlu bertanggungjawab. Langkah tersebut diambil demi memenuhi kehendak rakyat dan penonton di Malaysia yang mahukan kebebasan dalam industri perfileman. Akan tetapi rakyat dinasihatkan agar berhati-hati jika ada filem barat yang ditayangkan mengandungi unsur-unsur bertentangan dengan akidah atau agama. Mereka perlu menilai sendiri untuk menontonnya atau tidak. Walau bagaimanapun, kaedah baru penapisan filem ini masih tetap berpegang kepada empat aspek iaitu:

- (i) keselamatan;
- (ii) ketenteraman awam;
- (iii) keagamaan; dan
- (iv) sosiobudaya serta ketertiban dan ketatasusilaan.

Kaedah baru penapisan filem ini masih tetap berpegang kepada empat aspek utama yang saya sebutkan tadi. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah- penyampaian maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan dan statistik berkaitan pencapaian kerajaan.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa berusaha menyampaikan maklumat penting kepada masyarakat melalui penggunaan media konvensional dan media baru secara efektif. Kementerian melalui Jabatan Penerangan secara berterusan telah melaksanakan penerbitan buku-buku kecil berkaitan dasar-dasar kerajaan seperti Gagasan 1Malaysia, Penjelasan Mengenai Pelaksanaan GST, Pelan Transformasi Kerajaan GTP dan lain-lain untuk diedarkan kepada seluruh lapisan masyarakat. Selain itu kementerian juga turut menggunakan media baru seperti aplikasi *Facebook*, saluran *Youtube* bagi tujuan penyebaran maklumat berkenaan dasar kerajaan yang memberi fokus kepada generasi baru.

Kementerian melalui Jabatan Penyiaran Malaysia RTM secara berterusan menyiarkan program-program yang menyokong usaha kerajaan dan pencapaian-pencapaian yang telah dicapai oleh kerajaan bersiaran Berita Perdana yang disiarkan secara langsung pada waktu puncak dan penyiaran Pesanan Khidmat Awam (PKA) dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany bertanyakan mengenai tujuan peruntukan tambahan yang berjumlah RM25 juta. Peruntukan tambahan berjumlah yang disebutkan itu disalurkan kepada KKM adalah sejajar dengan keputusan kerajaan untuk meletakkan agensi MDeC dan MYNIC di bawah KKMM. Peruntukan berjumlah RM25.62 juta adalah untuk peruntukan operasi bagi dua buah agensi tersebut. MDeC, RM25.4 juta dan MYNIC RM250,000. Selebihnya adalah untuk pelaksanaan program-program seperti Program Khusus Insentif Galakan Syarikat Pelaburan (ICT MAC) RM19.5 juta di bawah MDeC dan *one off* NKEA: *Business Services*, RM4.75 juta di bawah MDeC.

Mengenai *drop call* yang sering berlaku kepada pengguna talian telefon *cellular* kualiti perkhidmatan Internet 3G. Bermula tahun 2011 kementerian ini melalui SKMM telah melaksanakan mesyuarat koordinasi dan pemantauan secara bulanan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan bermasalah serta merangka usaha penambahbaikan perkhidmatan mudah alih secara bersepadu dengan penyedia perkhidmatan komunikasi *cellular*.

Selain daripada itu terdapat juga mesyuarat peringkat pengurusan tertinggi, peringkat ketua-ketua pegawai eksekutif dan CEO dengan izin. Penyedia perkhidmatan komunikasi di seluruh Malaysia ini diadakan bagi membincangkan isu gencatan panggilan ataupun *drop call* yang diutarakan. Di samping itu SKMM juga turut mengarahkan pihak penyedia perkhidmatan untuk menjalankan ujian secara mingguan di lebih daripada 21 buah jalan utama dan lebuh raya di Lembah Klang secara mingguan bagi menguji tahap liputan dan seterusnya menambah baik kualiti rangkaian.

Penyedia perkhidmatan perlu mengemukakan laporan bertulis secara bulanan kepada SKMM. SKMM juga turut mengadakan pengujian *cellular* secara rawak di bandar-bandar dan kawasan tumpuan ramai bagi tujuan pengawasan dan pemeriksaan. Isu tidak puas hati pengguna terhadap kualiti perkhidmatan pelanggan syarikat telekomunikasi dalam mengawal selia kualiti perkhidmatan jalur lebar dan *cellular* serta memastikan hak pengguna dijaga, Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui SKMM telah menguatkuasakan standard mandatori iaitu standard mandatori bagi mutu perkhidmatan capaian jalur lebar berwayar dan standard mandatori bagi mutu perkhidmatan *cellular* awam. Selain itu memberi perkhidmatan juga wajib mematuhi peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Kod Amalan Am Pengguna bagi perkhidmatan telekomunikasi dan multimedia ataupun ringkasnya Kod Pengguna.

Kemudian peralatan penyiasatan Bahagian Kejuruteraan Forensik, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany. Pertama, dengan izin dipanggil alat itu *Non Disruptive Testing Of Steel Wire Ropes* untuk menguji integriti *Wire Ropes* yang digunakan oleh mesin contohnya lif dan kren, kos peralatan RM300,000. *Digital Panoramic Camera Set*, kos peralatan RM45,000. *PMI: Certified Reference Material* dengan izin, fungsi ukur peralatan jenis bahan untuk dibandingkan dengan standard, RM4,500. *Calibrator block- ultrasonic testing*, menentu ukur jumlah keseluruhan perolehan RM444,000.

Setakat ini pihak JKPP tidak menerima sebarang aduan berkaitan dengan pemalsuan Sijil Perakuan Kelayakan Jentera (CF) yang dicetak melalui atas talian *online*. Sekiranya terdapat kes berkaitan perkara tersebut bolehlah membuat aduan rasmi kepada JKPP iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar- nyatakan beberapa kali bajet tahunan dibuat sejak Menteri Kewangan masa dahulu Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga dibandingkan dengan Menteri Kewangan sekarang. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah memberi penjelasan waktu perbahasan di Dewan Rakyat sebelum ini mengenai bajet tambahan ketika Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan.

Saya ingin mengulangi sekali lagi ketika Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan pada tahun 1991, empat kali bajet tambahan. Tahun 1992, empat kali. Tahun 1993, empat kali. Tahun 1994, empat kali. Tahun 1995, empat kali. Tahun 1996, tiga kali. Tahun 1997, empat kali. Tahun 1998, dua kali dan kemudiannya dipecat. Ini sama sekali berbeza ketika Yang Amat Berhormat Pekan menjadi Menteri Kewangan hanya dua kali sahaja setiap tahun.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar meminta KKR untuk membina bangunan guna sama di Marang. Mulai Rancangan Malaysia Kesepuluh, pembinaan bangunan guna sama persekutuan tidak lagi diletakkan di bawah peruntukan Kementerian Kerja Raya sebaliknya peruntukan bagi maksud ini telah dipindahkan kepada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri manakala JKR hanya terlibat sebagai agensi pelaksana bagi projek-projek bangunan guna sama sekiranya peruntukan diluluskan di bawah BPH, JPM.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat- kategori jalan di sana oleh KKR dan KKLW. Untuk makluman, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya hanya membina dan menaik taraf serta menyelenggarakan Jalan Persekutuan tidak bertol sementara pihak LLM melalui syarikat konsesi menyelenggara lebuhraya bertol di seluruh negara manakala KKLW hanya memberi tumpuan kepada rangkaian jalan luar bandar.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun- pelan komunikasi berkaitan pengguna utiliti air. Secara ringkasnya pelan komunikasi yang dilaksanakan itu bertujuan, pertama untuk memberi penjelasan dan kesedaran kepada rakyat mengenai krisis bekalan air yang dihadapi oleh penduduk Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Memberi penjelasan kepada rakyat bahawa isu air tidak sewajarnya dipolitikkan. Ketiga, memastikan rakyat faham bahawa krisis air akan menyebabkan kehidupan dan aktiviti harian terjejas serta memberi kesan yang negatif kepada ekonomi negara. Keempat menyebarkan maklumat-maklumat mengenai isu ini bagi negeri terdekat secara meluas dan tidak hanya bertumpu di negeri Selangor. Kelima, memberi kefahaman kepada rakyat akan keperluan untuk membina Loji Rawatan Air Langat 2 bagi menjamin bekalan air yang mencukupi dan berterusan kepada pengguna-pengguna Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan menangani masalah bekalan air? Krisis bekalan air di negeri Selangor dan Kuala Lumpur yang berlaku pada masa ini disebabkan kekurangan sumber air mentah yang merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor. Bagi menanganinya, tindakan-tindakan jangka pendek yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) operasi pembenihan awan telah dilaksanakan untuk meningkatkan jumlah hujan di kawasan-kawasan tadahan dan seterusnya meningkatkan paras empangan-empangan khususnya Empangan Sungai Selangor;
- (ii) pengepaman air mentah dari kolam dan tasik berdekatan ke Sungai Selangor oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi meningkatkan aliran sungai supaya pelepasan air dari empangan dapat dikurangkan.

■1730

Bagi tempoh jangka panjang, Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad telah memulakan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 sebagai tindakan jangka panjang bagi mengelakkan krisis bekalan air berulang. Loji tersebut yang dijadualkan siap dan beroperasi pada April 2017 akan menyalurkan air sebanyak 1,130 gelen ke Kuala Lumpur dan selatan negeri Selangor yang akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada bekalan air dari Sungai Selangor.

Bagi meningkatkan sumber air mentah sebelum siapnya Loji Rawatan Air Langat 2 pada tahun 2017 pula, antara tindakan yang sedang diambil ialah pertama, pemasangan paip sejauh 1.5 kilometer dengan kos sekitar RM5 juta bagi penyaluran air mentah sehingga 600 juta liter sehari gelen dari Sungai Semantan, Pahang melalui terowong Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor (PAMPS) ke Sungai Langat Kedua, projek *Hybrid Off River Augmentation System*, dengan izin, HORAS oleh Kerajaan Negeri Selangor dijangka siap pada pertengahan tahun 2015. Jika Kerajaan Negeri Selangor mengikuti apa yang kita telah nyatakan kepada mereka, tentunya perkara ini tidak berulang. Hari ini Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah mengumumkan bahawa catuan air bermula esok ditarik balik. Ini bererti mudah-mudahanlah tidak ada lagi masalah ini.

Tuntutan perubatan para pesara- Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany. Kerajaan sedar berlaku sedikit kelewatan mengenai tuntutan balik kos perubatan oleh pesara-pesara kerajaan di masa-masa yang lepas. Justeru itu, bagi memastikan isu kelewatan tidak berulang, mulai 2013 semua pesara boleh mendapatkan ubat dan alatan perubatan tanpa membuat bayaran di bawah *Electronic Medical Automation Supply System* (e-MASS). Di bawah sistem ini, pesara akan memperoleh ubat dan alat perubatan dari mana-mana farmasi yang berdaftar di bawah sistem e-MASS tanpa dikenakan apa-apa bayaran. Bayaran akan diurus oleh syarikat Oratis Services Sdn. Bhd. yang dilantik oleh kerajaan dan seterusnya pihak syarikat akan menuntut bayaran berkenaan kepada kerajaan.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul berkenaan aset utama bomba yang masih kurang terutamanya di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT peka kepada keperluan perlindungan kebakaran di seluruh negara termasuk negeri Sabah. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melaksanakan kebarangkalian risiko melalui kaedah serampang dua mata, menilai segala kemungkinan suatu perkara yang tidak diingini berlaku dan segala kesan negatif daripada hasil insiden yang mungkin berlaku. Ini untuk membolehkan pihak bomba sentiasa berada pada tahap kesiapsiagaan yang tinggi.

Pengurusan dan penilaian risiko ini dilaksanakan pada tiga peringkat. Pertama, menilai suasana penempatan masyarakat secara keseluruhan. Kedua, kemampuan organisasi yang dinilai untuk menangani kecemasan dan ketiga, kemampuan bomba untuk melaksanakan operasi kecemasan. Dalam usaha meningkatkan kemampuan balai-balai bomba dalam aspek jentera peralatan, pihak kementerian menerusi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah membuat beberapa strategi antaranya menukar ganti jentera kebomba, meningkatkan kemampuan pasukan menerusi perolehan kenderaan khas serta penambahan pegawai bomba dan meningkatkan latihan.

Pihak kementerian telah selesai membuat perolehan 100 unit jentera FRT pada tahun 2013 dan sedang dalam proses menyiapkan pembekalan 200 unit ambulans EMRS dan 100 unit jentera *water tanker* pada tahun 2014 ini. Jentera dan kenderaan ini akan diagihkan pada balai-balai yang dikenal pasti keperluannya. Bilangan anggota di Sabah, 698 orang pegawai bomba pelbagai pangkat telah diisi daripada 723 jawatan di 20 buah balai peringkat negeri Sabah. Bilangan anggota bomba sukarela di Sabah pula ialah 1,333 orang. Bilangan pasukan bomba sukarela yang terdapat di Sabah, 39 pasukan bomba sukarela dan saya kira pasukan bomba sukarela ini perlu lagi ditambahkan bilangannya di seluruh negara.

Kemudian, perumahan untuk belia. Rumah transit KPKT dilaksanakan khas untuk golongan muda yang baru berkahwin dan belum mempunyai kediaman.

Golongan berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan dan berumur tidak lebih 30 tahun layak untuk dipertimbangkan bagi program ini. Golongan ini akan mendiami rumah transit dalam tempoh dua tahun sebelum mampu membeli rumah sendiri. Kedua, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) oleh KPKT. Ketiga, program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) oleh KPKT dan KWP. Keempat, Skim Rumah Pertamaku oleh Kementerian Kewangan, membolehkan golongan muda 35 tahun ke bawah untuk mendapatkan pembiayaan sehingga 100 peratus daripada institusi kewangan untuk membeli rumah pertama tanpa perlu membayar 10 peratus wang pendahuluan.

Nilai maksimum hartanah RM400,000. Had maksimum pendapatan yang layak memohon skim ini RM5,000 bagi peminjam perseorangan dan RM10,000 bagi peminjam bersama. Selain itu, golongan belia juga layak memohon dalam program-program lain yang telah disediakan oleh kerajaan seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani, Bina Kemudian Jual. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) ini sebenarnya memberi alternatif baru terutamanya kepada bakal pembeli rumah kerana mereka tidak perlu berdepan dengan risiko projek perumahan lewat disiapkan atau terbengkalai. Secara tidak langsung pembeli-pembeli rumah juga dapat menilai kualiti pembinaan rumah yang telah siap sebelum menerima rumah tersebut.

Pelaksanaan konsep BKJ juga akan dapat memastikan pemaju-pemaju perumahan yang mampu dan mempunyai rekod yang baik sahaja wujud dalam industri. Ini dapat memastikan perkembangan industri perumahan yang sihat di negara ini. Cadangan BKJ masih di peringkat kajian dan perbincangan lanjut secara holistik dengan penggiat-penggiat industri perumahan iaitu Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Kebangsaan Pembeli Rumah (HBA), Bank Negara Malaysia (BNM), Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) dan Persatuan Bank-Bank Islam Malaysia (IBIM) bagi mencari mekanisme dan kaedah terbaik bagi pelaksanaan konsep ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, ini mengenai penggunaan semula air hujan. Saya sudah jawab sebahagiannya sebentar tadi. Akan tetapi penambahan maklumat yang ingin saya sampaikan. Buat masa ini kerajaan hanya mensyaratkan sistem SPAH untuk bangunan kediaman rumah banglo dan rumah berkembar yang mempunyai keluasan bumbung 100 meter persegi atau lebih sahaja. Manakala bagi bangunan berasingan bukan jenis kediaman juga yang mempunyai keluasan bumbung 100 meter persegi atau lebih secara amnya.

Air yang dikumpulkan melalui teknik SPAH ini boleh digunakan bagi tujuan selain makan, minum atau *non-portable* termasuk untuk kegunaan sektor perladangan dan pembinaan. Walau bagaimanapun sehingga kini hanya enam buah negeri telahewartakan pelaksanaan pindaan UKBS mengenai SPAH ini iaitu negeri Perak, Selangor, Johor, Melaka, Kelantan dan Perlis. Beberapa buah agensi persekutuan yang lain juga turut terlibat secara langsung dalam memperkenalkan dan melaksanakan penggunaan SPAH iaitu Sistem Penuaian Air Hujan iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah- kelayakan pembeli, tindakan memastikan golongan skim ini sampai kepada golongan sasaran mengenai rumah *MyHome*. KPKT telah melancarkan skim *MyHome* secara rasmi pada 1 April 2014. Skim *MyHome* merupakan program serampang dua mata kerajaan, membantu pembeli yang layak dan pada masa yang sama menggalakkan sektor swasta menyediakan lebih banyak rumah mampu milik.

Skim *MyHome* ini diasaskan kepada pendapatan ketua isi rumah untuk melayakkan mereka mendapatkan rumah di bawah program ini. Syarat-syarat lain ialah warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas, pembelian rumah yang pertama, permohonan satu unit rumah pada setiap isi rumah dan pendapatan isi rumah *MyHome1* RM3,000 ke RM4,000 pendapatan, *MyHome2* RM4,001 ke RM6,000. Lokasi pembinaan rumah di bawah program *MyHome* ini akan dinilai oleh sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah KPKT.

Sehingga 23 April 2014, sebanyak lima buah syarikat pemaju telah mengemukakan permohonan kepada kementerian manakala 40 buah syarikat telah menyatakan minat terhadap program ini. KPKT akan mengumumkan pemaju-pemaju yang terpilih setelah Jawatankuasa Pemilihan membuat keputusan. Antara kriteria pemaju ialah syarikat yang sangat sah ditubuhkan, setiap pemaju dihadkan untuk membina insentif tidak lebih 1,000 unit, projek yang diluluskan dalam tahun 2014 atau tahun sebelumnya, keutamaan kepada pemaju swasta, projek dilaksanakan atas tanah milik swasta, projek perumahan berlesen yang mendapat kelulusan kebenaran merancang (KM) dan pelan pembangunan PB daripada pihak berkuasa tempatan.

Tempoh moratorium dikenakan selama sepuluh tahun. Syarat moratorium dimasukkan dalam surat tawaran kepada pembeli, surat perjanjian jual-beli, tempoh moratorium dikira semula selepas surat perjanjian jual-beli ditandatangani, pindah milik jualan kepada ahli keluarga terdekat seperti suami isteri, anak dibenarkan.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun- anggota bomba seluruh negara pelbagai gred. Jumlah perjawatan sebanyak 13,156, jumlah diisi sebanyak 12,830 atau 97.52 peratus, jumlah kekosongan sebanyak 326 jawatan atau 2.48 peratus sahaja. Pasukan bomba sukarela mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam perkhidmatan kebombaan.

Negeri	Pasukan (Jum.)	Ahli (Jum.)
Perlis	10	374
Kedah	47	1,554
Pulau Pinang	34	1,798
Perak	34	1,687
Selangor	22	724
Kuala Lumpur	6	119
Negeri Sembilan	15	456
Melaka	7	240
Johor	30	949
Pahang	33	1,603
Kelantan	12	362
Terengganu	11	291
Sarawak	33	1,853
Sabah	39	1,333
Labuan	4	86
Jumlah	337	13,429

■1740

Satu lagi ialah pasukan bomba bantuan. Kerajaan bercadang untuk menubuhkan pasukan bomba bantuan selain daripada bomba sukarela itu. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang memuktamadkan Peraturan-peraturan Perkhidmatan Bomba Bantuan dan Jabatan Peguam Negara bagi penubuhan pasukan bomba bantuan ini.

Yang berhormat To' Puan Hajah Zaitun, bermula 1 Jun 2013, kerajaan juga turut memberikan perlindungan insurans kepada setiap pegawai bomba di bawah skim Perlindungan Takaful Berkelompok. Skop perlindungan yang diberikan di bawah skim ini, nilai perlindungan maksimum RM18,000 melindungi kematian dan hilang upaya menyeluruh, melindungi semua anggota yang aktif bekerja, melindungi kematian yang berpunca dari semua sebab dan keadaan, tiada pengecualian. Melindungi yang berpunca daripada penyakit atau kemalangan, memenuhi syarat dan takrifan manfaat beberapa pengecualian, perlindungan 24 jam.

Maklumat lain tak apalah ya. Kemudian, perolehan RM12 juta oleh bomba ini bermula tahun 2014, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, KPKT akan memulakan perkhidmatan yang dinamakan EMRS iaitu *Emergency Medical and Rescue Services*. Maka kita akan membeli peralatan-peralatan, pembelian EMRS *prime mover*. Itulah yang kita gunakan kerana bomba mengalami risiko permasalahan seperti tekanan air rendah, kebakaran hutan kerap berlaku, berada di kawasan perindustrian yang besar, berada di kawasan penapisan petroleum, semuanya memerlukan peruntukan tambahan.

Terima kasih kepada KPKT, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya masih ada di sini yang telah memberikan segala input untuk saya bacakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, jumlah bayaran rawatan pesara bagi tahun-tahun yang sudah. Perbelanjaan sebenar untuk pembiayaan rawatan perubahan bagi pesara kerajaan termasuk ATM adalah seperti berikut:

Tahun	RM (Juta)
2010	175.4
2011	163.7
2012	125.5
2013	240.3

Mengenai Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Yang Berhormat Hajah Rohani, peruntukan tambahan berjumlah RM46.9 juta yang disalurkan itu adalah sejajar dengan keputusan kerajaan untuk meletakkan agensi MDeC dan MYNIC di bawah KKMM. Saya telah menjawab tadi ya, peruntukan operasi RM25.65 juta, peruntukan khusus Insentif Galakan Pelaburan Syarikat ICT-MSC sebanyak RM16.5 juta, *one-off* NKEA *business services* RM4.75 juta program di bawah MDeC. Ada segala senarai programnya di sini. Saya tak perlu bacakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari, pakej yang akan dilaksanakan adalah Pakej 1B: Pasir Hor-Kadok terlebih dahulu. Ini jalan Kota Bharu-Kuala Krai. Projek dengan harga kontrak RM168.4 juta telah dimulakan pada 7 April 2014 dan dijangka siap pada 2 April 2017. Ini bantuan daripada Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri walaupun kerajaan negeri tidak bersama dengan Kerajaan Pusat.

Senator Dato' Jaspal Singh, unit pembangunan India. Penubuhan sesuatu unit atau jabatan tertakluk kepada persetujuan pihak JPA setelah berbincang dengan Kementerian Kewangan dengan mengambil kira keperluan serta justifikasi yang berkaitan. Keperluan bajet atau peruntukan hanya akan disediakan setelah unit atau jabatan tersebut dipersetujui oleh kerajaan untuk ditubuhkan.

Mengenai ESSCOM, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir. Perbelanjaan kos operasi ESSCOM melibatkan pembayaran emolumen pegawai-pegawai ESSCOM dan juga pembiayaan terhadap program utama yang terdapat dalam pelan strategik ESSCOM merangkumi aspek pertahanan, keselamatan, risikan, pembangunan sosioekonomi, komunikasi, strategik.

Antara program yang dilaksanakan termasuklah Program Bancian Perkampungan Air di Semporna, Program Semarak Bersama ESSCOM di Sandakan, program *engagement* dengan masyarakat, pemimpin masyarakat dan agensi-agensi kerajaan dan Bengkel Kursus Anjuran Bersama Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Bahagian Pertahanan dan Penguatkuasaan Maritim.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali mengenai belanja ESSCOM juga, kerajaan akan memastikan keperluan peruntukan ESSCOM adalah mencukupi agar setiap program dan operasi dapat dilaksanakan sejajar dengan objektif dan tujuan penubuhan ESSCOM. Demi menjamin keselamatan negara, ESSCOM ditubuhkan pada tahun 2013 berikutan pencerobohan di Lahad Datu. Sebagai agensi yang baru ditubuhkan, pertambahan perbelanjaan untuk ESSCOM tidak dapat dielakkan untuk, meningkatkan kecekapan ESSCOM dan melaksanakan tanggungjawab.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga membangkitkan mengenai tambahan peruntukan dan kesan daripada defisit. Peruntukan tambahan ini telah mengambil kira pengiraan defisit Kerajaan Persekutuan, yang mana kerajaan telah komited untuk mengurangkan hutang serta mencapai sasaran defisit fiskal pada paras 4.0 dan saya ingin memaklumkan bahawa tambahan bajet ini tidak akan mengganggu sasaran defisit fiskal kita.

Komitmen tersebut adalah perlu bagi memastikan kemampuan fiskal jangka panjang. Antara langkah kerajaan bagi mengurangkan kadar defisit secara beransur-ansur adalah yang pertama, merasionalisasikan perbelanjaan kerajaan melalui rasionalisasi subsidi seperti pengurangan subsidi bahan api, pemansuhan subsidi gula yang telah dilaksanakan.

Langkah penjimatan dalam usaha mengamalkan perbelanjaan yang lebih berhemat supaya perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan tersusun rapi, kerajaan juga telah menetapkan bahawa pengauditan ke atas projek yang lebih RM100 juta dilakukan semasa pelaksanaan projek bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan. Memastikan nilai wang setimpal dengan izin, *value for money* dalam perolehan kerajaan termasuklah melaksanakan pengurusan nilai atau *value management* bagi projek pembangunan fizikal yang melebihi RM50 juta. Di samping itu, kerajaan juga telah menetapkan prosedur perolehan kerajaan bagi melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) mengurangkan nilai ambang *threshold value* bagi pembelian terus dari RM50,000 kepada RM20,000 sahaja;
- (ii) mengurangkan siling bagi pembelian menggunakan jadual kadar daripada RM100,000 kepada RM50,000 sahaja;
- (i) selain itu kerajaan telah memperkenalkan, dengan izin, sistem *Outcome Based Budgeting* (OBB) untuk menambah baik pengurusan belanjawan secara berhemat. Sistem ini akan memastikan penyediaan peruntukan adalah berasaskan *outcome*, peningkatan kecekapan pelaksanaan, pengurangan pertindihan serta penilaian prestasi bersistematik ke atas semua program dan projek kerajaan.

Bagi memantapkan rangka kerja fiskal, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Dasar Fiskal untuk menyediakan panduan yang lebih menyeluruh serta menetapkan hala tuju pengurusan fiskal negara.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun membangkitkan pencen. Peruntukan tambahan bagi kemudahan perubatan untuk pesara kerajaan adalah khusus menampung kos perbelanjaan perubatan dan alatan perubatan yang tidak dibekalkan oleh hospital, klinik kerajaan. Ia juga termasuk rawatan kecemasan, rawatan hemodialisis, rawatan di IJN bagi pesara persekutuan, hakim, Ahli Parlimen termasuk Senator, anggota pentadbiran, setiausaha politik dan pesara ATM.

Bagi bekas anggota ATM jangka pendek yang telah menamatkan perkhidmatan, mereka juga menikmati kemudahan perubatan tersebut dan peruntukan dibayar oleh Kementerian Pertahanan. Kemudahan ini khusus kepada pesara kerajaan dan juga tanggungan yang layak, yang sedang dibayar pencen.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal, kenapa ada dua cara pengiraan cukai. Pada dasarnya, Ahli Parlimen hanya layak untuk mendapatkan pengecualian duti eksais ke atas kenderaan pacuan empat-roda pemasangan tempatan. Pengecualian cukai yang diberi kepada Ahli Parlimen ke atas kenderaan *completely built up* (CBU) import satu layanan istimewa yang diberi mengikut pertimbangan khas. Ahli Yang Berhormat tidak boleh membandingkan harga di pasaran terbuka kerana pengimport kereta mempunyai risiko, pelbagai risiko perniagaan yang lain, yang perlu diambil kira.

Persidangan di Geneva, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir, mengenai membangunkan tempat kediaman. Berhubung cadangan ini, kerajaan perlu meneliti kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan di samping pihak Kementerian Luar Negeri turut meneliti daripada perwakilan Malaysia di Geneva sama ada keperluan hartanah wajar diperolehi atau disewa. Di samping itu kerajaan perlu membuat penelitian baru, sebarang keputusan untuk membeli atau menyewa sesebuah premis di luar negara dengan mengambil kira implikasi kewangan jangka pendek dan jangka panjang. Mengenai insentif tangkapan nelayan, apakah melibatkan nelayan pantai yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat?

Insentif hasil tangkapan nelayan setiap hasil tangkapan nelayan yang diisytiharkan kepada pusat pengisytiharan akan dibayar 10 sen bagi setiap kilo termasuk kepada semua nelayan pantai. Mengenai perbelanjaan untuk Giant Panda dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos pembinaan bagi Pusat Konservasi *Giant Panda* RM25 juta. Daripada jumlah ini kerajaan menanggung RM10 juta, manakala RM15 juta dibiayai oleh 1MDB. Kos pusat pembinaan Pusat Konservasi *Giant Panda* ini agak tinggi kerana pusat ini dibina khas menyerupai habitat sebenar *Giant Panda*.

Selain memperkukuhkan hubungan diplomatik antara Malaysia dan China, projek ini dijangka dapat meningkatkan hubungan perdagangan dan pertumbuhan ekonomi negara. Kehadiran *Giant Panda* juga dijangka akan meningkatkan jumlah kedatangan pengunjung ke Zoo Negara dan dapat meningkatkan industri pelancongan domestik serta dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Melalui program konservasi penyelidikan yang dijalankan juga, dijangkakan penyelidik tempatan dapat berkongsi maklumat dan pengalaman bersama penyelidik dari *People's Republic of China* terutamanya dalam bidang pembiakan, *artificial Insemination*, dengan izin, yang boleh diaplikasikan terhadap hidupan liar tempatan yang lain.

■1750

Peruntukan untuk menambah jalan-jalan Sabah dan Sarawak. Di antara yang kita telah luluskan menaik taraf Jalan Sibu-Bintulu sepanjang 12 kilometer, menaik taraf Jalan Batu 10 ke Batu 15 Jalan Kuching-Serian sepanjang lapan kilometer, Jalan Pan Borneo yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi yang akhir, yang memberikan pandangan mereka iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah mengenai Pan Borneo. Seterusnya membina 95 buah lorong memotong di Sarawak, menaik taraf Jalan Donggongan ke Simpang Papar di Sabah 27.4 kilometer, menaik taraf Jalan Kepayan dari Jambatan Petagas ke Lok Kawi, Sabah 3.2 kilometer, pembaikan tujuh buah cerun sepanjang Jalan Kota Kinabalu, Sandakan.

Kemudian empat lagi projek Pan Borneo seperti menaik taraf Jalan Donggongan ke Simpang Papar Spur tadi saya sudah sebut 13.7 kilometer. Menaik taraf Jalan Kepayan-Jambatan Petagas ke Lok Kawi enam kilometer, menaik taraf Jalan Tawau Semporna 15 kilometer, menaik taraf Jalan Segama Fasa 1 Lahad Datu 5.6 kilometer. Sebanyak 109 projek lain kementerian telah luluskan di Jalan Pan Borneo. Anggaran kos keseluruhan RM457 juta. Tempoh pelaksanaan 2012 hingga 2015. Pada masa kini 83 bilangan projek tersebut sudah siap, 19 projek sedang dalam peringkat pembinaan dan hanya tujuh lagi dalam proses reka bentuk dan pratender.

Senarai cerun-cerun di seluruh negara. Peruntukan tambahan sebanyak RM105 juta diperlukan untuk kerja-kerja kecemasan bagi membaiki cerun. Arahan Perbendaharaan ini membenarkan kerja-kerja dilaksanakan serta-merta untuk kepentingan awam. Terdapat sebanyak 14 projek yang dilaksanakan. Enam Kelantan, empat Terengganu, tiga Pahang satu Negeri Sembilan. Kesemua kerja terlibat telah pun siap pada tahun 2013 yang lalu.

Seterusnya satu lagi fail Tuan Yang di-Pertua. Selepas ini habis sudah. Saya berjanji pukul enam. Kos ESSCOM dari dulu hingga sekarang, Datuk Dr. Lucas. Perbelanjaan kos operasi ESSCOM bermula April 2013 hingga April 2014 setahun ialah RM10.4 juta. Bilangan rukun tetangga Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar, seluruh Malaysia sehingga April 2014 terdapat 6,647 buah kawasan Rukun Tetangga. Jumlahnya 132,940 orang ahli Rukun Tetangga.

Kemudian mengenai Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan telah diperuntukkan emolument dan belanja operasi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan tahun 2013. Mulai 1 Ogos 2013 ia telah diletak di bawah bidang kuasa JPM melalui perintah Menteri dan Akta Fungsi Menteri 1999. Oleh sebab ketiadaan peruntukan tahun 2013 di bawah JPM untuk membayar emolument dan belanja operasi ini, maka satu peruntukan tambahan 2013 adalah diperlukan. Itu sebab kita dapat peruntukan RM10.7 juta di bawah JPM.

Kemudian mengenai kos untuk kerja pembaikan banjir dan kawasan yang terlibat peruntukan RM150 juta di bawah P.27 dan RM50 juta di bawah B.27 ini hanya untuk program pembaikan infrastruktur jalan dan jambatan di seluruh negara yang terlibat dengan kerosakan akibat banjir yang berlaku pada akhir tahun 2012 dan awal tahun 2013. Kawasan-kawasan yang terlibat, panjang bagi kejadian banjir yang berlaku pada akhir tahun 2013 dan awal tahun 2014. Kerja pembaikan tetap diteruskan iaitu menggunakan peruntukan tahunan semasa sedia ada. Ada senarainya ini begitu panjang sekali. Saya tidak perlu bacakan.

Puan Hajah Mariany berkenaan status cerun yang runtuh di MRSM Bentong Pahang. Projek ini merupakan projek di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Projek ini telah dimulakan pada 25 April 2012, dijadualkan siap pada 27 Mei 2014 dan kos pembinaan RM17.2 juta. Walau bagaimanapun, semasa tempoh pembinaan cerun ini runtuh semula pada 29 Oktober 2013 dan runtuh kali kedua pada 12 Disember 2013 disebabkan oleh faktor luar biasa hujan lebat berterusan. Kontraktor kini sedang menjalankan kerja-kerja pembaikan dan dijangka siap beberapa bulan lagi Oktober 2014.

Mengenai pakej lapan Simpang Pulai-Lojing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pakej lapan Jalan Simpang Pulai-Lojing-Kuala Berang ialah *missing link* yang masih belum dilaksanakan kerajaan setakat ini. Skop projek ini melibatkan pembinaan dan naik taraf Jalan Kampung Teris ke Kuala Berang ke Kuala Telemong, Hulu Terengganu sepanjang 30 kilometer. Cadangan projek pakej lapan ini sedang dibincangkan dengan agensi pusat.

Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin membangkitkan isu kesesakan Jalan Tol Ayer Keroh ke Bandar Melaka. Pelaksanaan projek menaik taraf Jalan Ayer Keroh ke Jalan Munsyi Abdullah Melaka atau dikenali sebagai Lebuhraya Ayer Keroh telah diluluskan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Projek ini dibahagikan kepada dua fasa. Fasa satu melibatkan skop pembinaan persimpangan bertingkat Peringgit dan persimpangan bertingkat MITC. Enam buah lorong dua hala dan fasa dua melibatkan skop pembinaan persimpangan bertingkat Hospital Pantai dan persimpangan bertingkat Bukit Beruang. Enam buah lorong dua hala.

Kedua-dua projek ini telah dilobi oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Melaka yang mantannya berada di sini sekarang Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam. Terima kasihlah kerana memastikan selepas ini mudah-mudahan tidak ada lagi *jammed*. Keutamaan kerajaan adalah untuk melaksanakan fasa satu terlebih dahulu. Persimpangan bertingkat Peringgit dan persimpangan bertingkat MITC yang melibatkan kos projek RM301 juta. Fasa satu ini baru sahaja memulakan pembinaan pada bulan Mac 2014, bulan lepas dan dijangka akan siap dalam tempoh 36 bulan, bulan Mac 2017.

Manakala cadangan untuk pelaksanaan projek bagi fasa dua pula telah dipohon untuk kelulusan agensi pusat dalam *Rolling Plan* Keempat 2015. Anggaran kos fasa kedua ini RM380 juta.

Seterusnya, panjang lagi ya. Bomba sudah, MOA, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Usaha-usaha untuk memulihkan kawasan tanah terbiar termasuk tanah sawah yang terbiar dan berselerak telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian sejak tahun 2007. Pada tahun 2014 Jabatan Pertanian telah mengenal pasti seluas 119,273 hektar tanah terbiar seluruh negara. Jabatan Pertanian bersama dengan Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung dan Pejabat Tanah dan Daerah akan mengenal pasti pemilik tanah dan seterusnya akan membangunkan tanah-tanah yang sesuai untuk pertanian.

Dato' Lim Nget Yoon, strategi akan diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi menjamin bekalan dan membantu menangani kenaikan harga sayur-sayuran dan buah-buahan adalah dengan memperkasakan peranan FAMA dalam aktiviti seperti berikut:

- (i) Program Jimat Belanja Dapur;
- (ii) Program Pengukuhan Ladang Kontrak ke Pemasar (KUKUH); dan
- (iii) Penambahbaikan pusat pengumpulan dan pengedaran

Kemudian mengenai ikan. Ikan yang didaratkan dapat menstabilkan bekalan ikan di pasaran tempatan serta mengurangkan kebergantungan kepada ikan import. Bekalan ikan tempatan ini juga dapat mengurangkan tekanan kepada permintaan terhadap ikan. Ini juga tadi ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid. Walau bagaimanapun, kita masih mengimport ikan 20 peratus untuk menampung keperluan negara. Tujuan pelaksanaan insentif hasil tangkapan nelayan adalah untuk membantu nelayan menangani kos operasi ke laut berikutan kenaikan kos bahan api dan menggalakkan hasil tangkapan. Hasil tangkapan yang di isytihar akan dibayar insentif sepuluh sen sekilo. Dengan adanya insentif ini nelayan masih mampu ke laut walaupun kos operasi meningkat dan dapat mendaratkan hasil tangkapan yang lebih banyak untuk keperluan negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam pertimbangkan skim pencen pada JASA, kaji semula gaji pegawai SPRM misalnya. Kerajaan mengambil maklum mengenai cadangan untuk mempertimbangkan skim pencen kepada JASA dan juga pegawai-pegawai kontrak yang lain. Antaranya ialah Biro Tatanegara juga ramai pegawai kontrak, selain daripada itu KEMAS tentunya. Yang Berhormat Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam juga bekas pegawai KEMAS dahulu. Beliau tentunya memahami. Saya juga bekas pegawai Biro Tatanegara dahulu. Saya juga memahami, saya juga pegawai kontrak, Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam juga bekas pegawai kontrak. Jadi kita berdua saling memahami tentang perkara ini dan saya juga berharap agar kerajaan dapat mempertimbangkan skim-skim yang lebih baik kepada pegawai-pegawai kontrak. Perkara ini akan diteliti dengan mengambil kira implikasi kewangan kepada kerajaan dan isu-isu yang berkaitan.

Kemudian tuntutan perubatan para pesara. Saya telah menyebutkan tadi. Mengenai Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid. Kenapakah berlaku tambahan bagi pembayaran pencen kepada pesara kerajaan. Tidakkah kerajaan mempunyai data maklumat pegawai kerajaan yang akan berpencen. Mengenai unjuran pegawai-pegawai kerajaan yang akan bersara bagi mereka yang bersara wajib unjuran yang dibuat adalah tepat.

Walaupun bagaimanapun unjuran kepada mereka yang memohon untuk bersara pilihan sendiri. Perkara yang ini yang menjadi masalah. Ia sukar untuk dikira dengan tepat. Kadang-kadang umur mereka 58 ingin bersara lebih awal. Jadi inilah yang menyebabkan kenapa perlu ada tambahan sebagaimana yang telah kita bincangkan tadi. Ia juga bergantung pada permohonan yang diterima pada tahun semasa. Itu sebab kita tidak dapat memperoleh data yang lengkap kerana kita tidak dapat menjangkakan pegawai-pegawai yang ingin bersara lebih awal.

■1800

Kemudian, Dato' Seri Mohd. Ali Rustam juga menyebut mengenai isu hakisan pantai Melaka terutama hakisan di Pantai Klebang. Sehingga kini, pihak Jabatan Pengairan Saliran Malaysia (JPS) turut telah memperbaiki lima buah kawasan hakisan pantai di negeri Melaka sepanjang 6.1 kilometer. Selain dari Pantai Klebang dan Tanjung Dahan sebanyak 1.4 kilometer, kita dah kenal pasti dan akan memperbaiki hakisan pantai itu. Selain itu Pantai Kundur dikenali sebagai Pantai Puteri juga, Pantai Institut Pengurusan Melaka, *Institute of Management Melaka* (IMM) Pulau Besar, Padang Kemunting Alor Gajah, Pantai Puteri dan Pantai Siring. Ini juga dalam radar JPS untuk kita memperbaiki kawasan hakisan pantai itu.

MOSTI. Perkara-perkara yang dibangkitkan tentang MOSTI, Senator Datuk Abdul Rahman Bakar, status pelaksanaan Dasar Angkasa Malaysia. Draf Dasar Angkasa Negara masih dalam peringkat penyediaan dan akan dibentangkan pada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara.

Kemudian, Senator Tuan Lihan, penambahbaikan perkhidmatan telekomunikasi selular di negeri Sarawak. Kementerian menerusi Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mengurangkan jurang digital, meningkatkan penggunaan internet penduduk luar bandar dan bandar bagi perluasan liputan perkhidmatan selular *time 3- T3* yang melibatkan pembinaan menara telekomunikasi. Untuk fasa satu, sebanyak 185 buah menara telah siap dibina di Sarawak.

Dalam fasa 2 sebanyak 203 buah menara telah dirancang di negeri Sarawak yang akan dibina bermula pada tahun 2014. Bagi meluaskan lagi liputan jalur lebar ke kawasan luar bandar dan meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar, pihak kerajaan telah melaksanakan projek BBGP *back hole* sambungan teras yang berteraskan *fiber* di Sabah dan Sarawak di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kesemua 76 buah sambungan telah siap dibina pada akhir tahun 2013.

Isu pemeriksaan imigresen di pintu masuk yang pantas menyumbang pada situasi ketika tragedi MH370. Datuk Yahaya bin Mat Ghani, pemeriksaan imigresen di pintu masuk KLIA semasa situasi MH370 telah mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Kementerian melalui Jabatan Imigresen akan mengambil langkah untuk memastikan pemeriksaan yang lebih teliti bagi mengelak kemasukan pemegang pasport palsu. Kementerian juga akan melaksanakan APSS iaitu *Advanced Passenger Screening System* sebagai satu jaringan maklumat komprehensif dan menyeluruh di semua pintu masuk sempadan negara. Penggunaan sistem ini dapat membantu meningkatkan kawalan dengan lebih cekap, selamat dan mengurangkan tempoh menunggu.

Kementerian Luar Negeri. Sejauh manakah peruntukan untuk hubungan Islam pelbagai hala dapat dimanfaatkan kepada negara-negara Islam? To' Puan Hajah Zaitun, sebagaimana Ahli Dewan sedia maklum, peruntukan yang diberi kepada isu hubungan Islam pelbagai hala ini adalah sebagai sumbangan kepada Kerajaan Palestin dan penganjuran Forum Ekonomi Islam Sedunia ke-9 di London. Sumbangan kepada Palestin diberikan semasa persidangan penderma bagi pembiayaan pelan strategik pembangunan sektor-sektor penting Al-Quds dan persidangan penubuhan jaringan keselamatan kewangan Islam bagi membantu negara Palestin yang diadakan di Baku, Azerbaijan pada 11 Jun 2013. Sehubungan ini membuktikan komitmen berterusan Malaysia di dalam membantu Palestin untuk membangunkan semula negara dan rakyat mereka.

Sementara itu, bagi penganjuran Forum Ekonomi Islam Sedunia Ke-9 pula, forum tersebut merupakan platform yang penting dan strategik di dalam membuka peluang kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dengan negara-negara asing terutamanya dengan negara-negara Islam. Selain itu melalui platform forum ini, Malaysia berjaya mengetengahkan inisiatif berterusan negara dalam memajukan sistem kewangan dan perbankan Islam di peringkat antarabangsa dan ia telah diterima baik oleh beberapa buah negara.

Peranan dimainkan oleh Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk mengembalikan keamanan dan kestabilan Palestin, Syria dan Mesir, Malaysia secara terbuka menyokong sepenuhnya perjuangan rakyat Palestin untuk menubuhkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat.

Justeru itu, Malaysia sentiasa memberikan sokongan padu dan tidak berbelah bagi dalam segala inisiatif yang dijalankan oleh OIC dan badan-badan antarabangsa yang lain dalam mencari penyelesaian yang adil dan berkeadilan terhadap konflik Palestin - Israel. Di samping itu, Kerajaan Malaysia sentiasa memberikan sokongan daripada segi moral, sosial, politik, ekonomi dan kewangan kepada Palestin.

Berhubung dengan konflik yang berlaku di Mesir pula, Malaysia sesungguhnya sangat prihatin dan mengambil berat akan perkembangan terkini berhubung konflik di negara tersebut. Malaysia sentiasa menyokong langkah-langkah dalaman yang diambil oleh kerajaan sementara Mesir dan rakyatnya dalam usaha-usaha mereka untuk mengembalikan keamanan dan kestabilan di negara tersebut seperti pungutan suara bagi perlembagaan baru Mesir yang diadakan pada 14 dan 15 Januari 2014 dan Pilihan raya Presiden serta Parlimen Mesir yang akan diadakan kelak.

Berkenaan dengan isu Syria, Malaysia percaya inisiatif masyarakat antarabangsa melalui mandat PBB jalan penyelesaian terbaik dan mampu membantu menggerakkan usaha ke arah penyelesaian politik secara aman demi kepentingan rakyat Syria. Bagi membantu rakyat Syria yang berdepan dengan konflik ini, Kerajaan Malaysia melalui Kelab Putra 1 Malaysia telah menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada pelarian-pelarian Syria yang berada di kem pelarian di Jordan.

Selain itu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia yang lain seperti *MERCY Malaysia* juga telah menyalurkan sumbangan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Syria. Malaysia turut menyokong segala usaha yang diambil oleh pertubuhan antarabangsa termasuk OIC di dalam menghulurkan bantuan bagi membantu Palestin-Mesir-Syria untuk kembali stabil.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja. Jika saya ada tertinggal, saya ada buat catatan-catatan. Yang Berhormat Hajah Rohani Abdullah, buku dasar negara itu satu cadangan yang baik. Statistik terpilih *prime time* juga yang baik. Kemudian, Hajah Mariany mengenai pinjaman Pelabuhan Tanjung Langsat. Saya sendiri telah melawat pelabuhan itu, RM120 juta kita beri pinjaman dan mereka membayar dengan baik.

Tanjung Langsat ini di bawah Johor Corporation dan itu bukan geran tetapi pinjaman dan mereka membayar dengan baik dan saya melawat pada bulan lepas. Kemudian mengenai SJK(T), Tuan Chandra Mohan. Pelantikan kontraktor-kontraktor dan jawatankuasa sekolah itu, kita ambil ingatan terhadap cadangan-cadangan itu dan mengenai sekolah menengah Tamil, ia juga perlu dibuat kajian dengan teliti. Dato' Adam Hamid mengenai pukut tunda, itu juga kita ambil ingatan.

Laporan pasaran harta, Tuan Baharudin, itu apa yang disebut oleh Ketua Pengarah JPPH mengenai apa yang disebut oleh Tuan Baharudin ada dalam *Property Market Report 2013* yang melancarkan laporan pasaran harta ini. Kita boleh melihat laporan itu secara *detail* mengenai kajian-kajian harta, hartanah, tempat kediaman, komersial, harta rekreasi dan juga harta pertanian. Boleh dilihat di www.jpjh.gov.my Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan.

Kemudian Dato' Seri Ali Rustam, pilihan raya sia-sia Kajang, betullah itu. Daging perlu ditambah. FELDA juga Yang Berhormat, selain daripada Skim Pawah yang dicadangkan itu seperti di Kundasang dan sebagainya. FELDA ada yang disebut sebagai Program Makanan Negara, Inisiatif Makanan Negara dan kita harap FELDA akan terus memastikan program ini dapat dilaksanakan. Kemudian, insentif nelayan sudah.

Pendatang asing tanpa izin, kita ambil ingatan dan tindakan yang sewajarnya. Apa lagi? Habis sudah kiranya. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua 19 Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang memberikan ucapan-ucapan dan juga pandangan-pandangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dipersetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) Mesyuarat Majlis Dewan Negara, bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, demikianlah selesainya Majlis persidangan kita pada hari ini dan syukur *alhamdulillah*, saya ucap terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dapat menyempurnakan Majlis kita. Esok hari cuti umum, dan saya percaya ramai Ahli Yang Berhormat akan balik ke rumah masing-masing. Saya mendoakan dalam perjalanan balik, selamat dalam perjalanan dan selamat kembali semula.

Persidangan kita akan disambung semula pada hari Isnin dan kita harap Yang Berhormat semua akan terus berada di dalam Dewan dan sekali lagi saya mengambil kesempatan kerana malam tadi sampai lebih tengah malam. Mungkin ada yang di sini sampai malam, ada juga yang curi-curi sedikit, biasalah itu. Akan tetapi umumnya, saya amat gembira dan berpuas hati kerana majoriti tunggu sampai ke 12.43 pagi tadi. Akhir sekali saya berharap Yang Berhormat semua sihat dan kembali semula pada hari Isnin.

Mesyuarat sesi Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 5 Mei 2014. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.12 petang.]